


**Jilid I  
Bil. 60**

**Hari Jumaat  
19hb Julai, 1991**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**[Ruangan 9697]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**[Ruangan 9775]**

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)—**

**MENARIK BALIK [Ruangan 9776]**

**USUL-USUL:**

**Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995—Y.A.B. Perdana Menteri**

**[Ruangan 9776]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pau).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 19hb Julai, 1991**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BANK ISLAM—PRESTASI**

**1. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kesanggupan Kementerian untuk mengambil tindakan bagi menyusun semula dasar dan pengurusan Bank Islam bagi membolehkannya bersaing dengan bank-bank perdagangan yang lain di negara ini; dan
- (b) adakah Bank Islam bercadang menubuhkan cawangan di setiap bandar di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan berpuas hati dengan pengurusan dan prestasi yang ditunjukkan oleh Bank Islam berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) Urusannya adalah berdasarkan kepada hukum syarak. Dengan lain perkataan, semua urusan perniagaan yang dikendalikan olehnya adalah berdasarkan kepada tuntutan agama Islam.

(ii) Prestasi Bank Islam dari segi keuntungan, jumlah deposit, perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah memuaskan. Umpamanya, dari segi keuntungan sebelum zakat dan cukai, jumlahnya telah meningkat daripada \$4.37 juta dalam tahun 1985 kepada \$6.18 juta dalam tahun 1988 dan seterusnya \$11.6 juta dalam tahun 1990. Dari segi deposit pula, ianya meningkat daripada \$415.6 juta dalam tahun 1985 kepada \$1,042 juta dalam tahun 1988 dan \$1,220.9 juta dalam tahun 1990. Bilangan akaun pendeposit juga meningkat daripada 71,899 dalam tahun 1985 kepada 207,766 pada tahun 1988 dan 207,049 pada tahun 1990. Jumlah hartanya juga meningkat daripada \$514.2 juta dalam tahun 1985 kepada \$1.1 ribu juta dalam tahun 1988 dan \$1.4 ribu juta dalam tahun 1990.

(iii) Setakat ini, Bank Islam telah menubuhkan tiga buah anak syarikat untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan dalam bidang-bidang yang tertentu. Tiga buah anak syarikat yang berkenaan ialah Al-Wakalah Nominees Sendirian Berhad yang memberi perkhidmatan dalam bidang khidmat nominee, Syarikat Al-Ijarah Sendirian Berhad yang bergiat dalam

bidang pemajakan harta tetap kepada syarikat berkaitan dan Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad yang menjalankan urusan niaga dalam bidang insurans. Untuk memperluaskan lagi perkhidmatan-perkhidmatannya, Bank Islam merancang untuk melancarkan skim saham amanah, skim saham hartanah dan perkhidmatan broker saham.

- (iv) Untuk menambahkan lagi modalnya, Bank Islam juga mempunyai rancangan untuk menyenaraikan saham-sahamnya di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Bagi menjawab bahagian (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Bank Islam telah mempunyai cawangan di setiap bandar ibu negeri dan di hampir keseluruhan bandar-bandar kedua terbesar di negeri-negeri di Malaysia. Jumlah kesemua cawangan Bank Islam di seluruh negara kini ialah 29 buah cawangan. Sama ada Bank Islam akan menubuhkan cawangan di setiap bandar di seluruh negara ataupun tidak, ianya bergantung kepada kajian dari segi viabiliti perniagaan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasih kepada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri sekejap tadi kerana peranan yang dimainkan oleh Bank Islam itu telah berjaya. Saya ingin bertanya oleh kerana pihak Kerajaan sendiri memberi jaminan dan dapat mengemukakan kejayaan yang didapati oleh Bank Islam, adakah Kerajaan bercadang untuk memakai satu sistem sahaja mengenai Bank ini dalam negara kita kerana matlamat asal Bank Islam diwujudkan adalah untuk menjadi satu alternatif kepada amalan Bank-bank 'riba' dan sekarang ia telah memberi kejayaan yang memuaskan.

Oleh sebab itu, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang melaksanakan urusan bank ini dengan satu sistem sahaja, iaitu sistem Bank Islam? Kalau Kerajaan tidak bercadang, mengapa? Adakah Kerajaan masih merasa senang hati untuk mengamalkan amalan-amalan 'riba' yang berlaku sepanjang masa?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya huraikan sebentar tadi bahawa Bank Islam walaupun pada umur 8 tahun sudahpun mampu menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan, sama ada dari segi untuk tujuan simpanan ataupun dari segi pelaburan, ataupun dari segi niagaan sehinggakan ianya boleh menjadi sebagai alternatif dalam bentuk alat-alat perniagaan dalam sektor kewangan.

Di samping itu pula, dari segi penyelerakan kemudahan tersebut dalam proses untuk dikembangkan daripada satu kawasan kepada kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, melalui perkembangan-perkembangan tersebut maka sewajarnya masyarakat Malaysia tidak kira sama ada yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam akan akhirnya mempunyai pilihan untuk mereka gunakan kerana memerlukan perkhidmatan bank ataupun alat-alat kewangan yang diperlukan untuk perniagaan ataupun untuk pihak individu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul masalah di antara satu membatalkan yang lain, yang menjadi matlamat ialah untuk mengizinkan seluas-luasnya masyarakat Malaysia membuat pilihan berdasarkan kepada alternatif yang ada.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bank Islam ini kalau didengar pada namanya, memang adalah untuk

kemudahan orang Islam sahaja tetapi sebenarnya bukanlah sebegitu. Business dan kemudahannya juga terbuka kepada orang yang bukan Islam. Saya ingin bertanya bagaimanakah keadaan "economic return" kepada penyimpan-penyimpan wang dalam Bank Islam dibandingkan dengan bank-bank komersial yang lain? Dan adakah "economic return" yang secara ini, walaupun dapat mengutip mengikut cara yang lain, bukan interest ataupun faedah, ini dijelaskan kepada orang awam supaya masyarakat yang bukan Islam meminati untuk melanggan dengan Bank Islam.

Kedua, bagaimanakah penerimaan masyarakat di kalangan bukan Islam di Semenanjung Malaysia jika dibandingkan dengan masyarakat di Sarawak terhadap Bank Islam ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kemudahan Bank Islam tidak terhad kepada orang Islam untuk menggunakannya bahkan sudah banyak precedent dari segi nilai dan juga bilangan yang bukan Islam menggunakan kemudahan-kemudahan Bank Islam. Di antara sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita merupakan pemegang saham dana Bank Islam pada tahun 1990 sebagai contoh, pulangnya ialah pada kadar 7.5%. Kalau hendak diambil kadar tersebut, ia adalah merupakan setanding dengan pulangan-pulangan pelaburan yang dibuat di mana jua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang mungkin menjadi hujah yang kuat bahawa kemudahan ini boleh dinikmati oleh semua pihak ialah kerana Bank Islam pada prinsipnya mengikut tuntutan agama Islam merupakan institusi yang merupakan custodian, dengan izin, kepada simpanan mereka yang menyimpan wang mereka di Bank Islam dan di samping itu pula mendapat

keizinan daripada pihak penyimpan untuk menggunakan simpanan tersebut dalam perniagaannya. Maka Bank Islam merupakan usahawan ataupun memainkan peranan sebagai entrepreneur, dengan izin, menggunakan simpanan mereka.

Daripada pelaburan dan perniagaan itu maka diterima pulangan-pulangan, dan pulangan itu pada tahap yang saya katakan tadi, munasabah. Berdasarkan kepada kefahaman yang mendalam di antara semua pihak, maka ini merupakan satu tarikan untuk mana-mana pihak, tidak kira Islam ataupun bukan Islam, untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Bank Islam.

#### **PENGKALAN TENTERA UDARA DI BUTTERWORTH**

**2. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menukar (convert) pengkalan udara di Butterworth kepada sebuah lapangan terbang antarabangsa memandangkan penggunaan pengkalan udara tersebut makin kurang digunakan oleh pihak RAAF (Royal Australian Air Force); dan
- (b) jika ya, adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan lapangan terbang antarabangsa yang bakal beroperasi di Butterworth.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan untuk menukar atau convert, dengan izin, Pengkalan Tentera Udara di Butterworth kepada sebuah lapangan terbang antarabangsa masih lagi dalam

kajian. Pada peringkat ini, saya tidak dapat memberikan butir-butir yang lebih lanjut tentang kajian itu.

- (b) Oleh kerana keputusan mengenai soalan menukar Pengkalan Tentera Udara di Butterworth ini kepada lapanganterbang antarabangsa belum dibuat, maka pada peringkat ini soal mengenai penswastan tidak berbangkit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana ada cadangan yang dibuat oleh Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negeri-negeri Utara, 4 negeri-negeri utara iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan, kalau tidak silap, Perak, mencadangkan bahawa satu lapanganterbang baru dibina dan untuk menggantikan lapanganterbang Bayan Lepas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini setakat ini adakah suatu rancangan dibuat "feasibility study" dimulakan mengenai mengadakan satu airport yang baharu untuk utara Semenanjung?

Kedua, di mana tempat airport itu akan dibina, dan ketiga, apabila airport baru untuk wilayah Utara diadakan, apa akan dibuat mengenai airport yang sekarang ada di Bayan Lepas?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ketua-ketua Negeri-negeri yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi belum lagi menyampaikan hasrat mereka secara rasmi kepada Kementerian, maka Kementerian belum lagi membuat "feasibility study" mengenai projek tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir)*

## PENGAWET TEMBAKAU BUMIPUTERA—KUOTA

**4. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa banyak pengawet tembakau bumiputera telah dipotong kuota mereka dan kuota ini telah diserahkan kepada pengawet bukan bumiputera. Adakah ini akibat tamatnya Dasar Ekonomi Baru; dan
- (b) nyatakan jumlah kuota yang telah diberikan oleh Lembaga Tembakau Negara kepada pengawet bumiputera dan bukan bumiputera bagi tahun 1990 dan 1991 mengikut negeri-negeri seluruh Malaysia.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tuduhan bahawa banyak pengawet tembakau bumiputera telahpun dipotong kuota mereka dan kuota ini telah diserahkan kepada pengawet bukan bumiputera adalah tidak benar. Lembaga Tembakau Negara (LTN) tidak mengamalkan apa-apa diskriminasi terhadap pengawet tembakau bumiputera atau bukan bumiputera di dalam urusan agihan kuota. Kuota diagihkan pada tiap-tiap tahun berasaskan kepada permintaan tembakau dan garis panduan agihan yang ditetapkan oleh LTN. Paras kuota bagi seorang pengawet tembakau bergantung kepada saiz asalnya, prestasi dan keupayaan pengeluaran dan tatakelakuan dalam konteks peraturan dan syarat-syarat pelesenan LTN. Apa-apa

perubahan terhadap kuota tahunan seorang pengawet sama ada ditambah atau dikurangkan adalah disebabkan semata-matanya oleh asas-asas agihan kuota dan bukan oleh kerana amalam perkauman.

- (b) Perbandingan perangkaan tahun 1990 hingga 1991 menunjukkan bahawa pemilikan lesen oleh bumiputera telah meningkat daripada 73.8% kepada 74.9% manakala bagi agihan kuota yang

telah meningkat daripada 65.2% pada tahun 1990 kepada 66% pada tahun 1991.

Industri pengawetan tembakau merupakan satu-satunya industri di mana penyertaan kaum bumiputera adalah amat memuaskan di mana penyertaan aktif bumiputera di dalam bidang ini melebihi 86%. Jumlah kuota yang telah diberikan oleh LTN kepada pengawet bumiputera dan bukan bumiputera bagi tahun 1990 dan 1991 mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri                           | 1990                     |                                   | 1991                     |                                   |
|----------------------------------|--------------------------|-----------------------------------|--------------------------|-----------------------------------|
|                                  | Bumiputera<br>(kilogram) | Bukan<br>Bumiputera<br>(kilogram) | Bumiputera<br>(kilogram) | Bukan<br>Bumiputera<br>(kilogram) |
| Kelantan                         | 3.424 juta               | 1.063 juta                        | 3.785 juta               | 1.182 juta                        |
| Terengganu                       | 1.838 juta               | —                                 | 2.093 juta               | —                                 |
| Kedah                            | 605,000                  | 17,000                            | 449,000                  | 17,000                            |
| Perlis                           | 321,000                  | —                                 | 282,000                  | —                                 |
| Pahang                           | 189,000                  | 44,000                            | 180,000                  | 24,000                            |
| Melaka dan<br>Negeri<br>Sembilan | 158,000                  | 8,000                             | 145,000                  | 14,000                            |
| JUMLAH                           | 6.335 juta               | 1.132 juta                        | 6.933 juta               | 1.237 juta                        |

Jumlah ini tidak termasuk usahasama Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan anak-anak syarikat SEDC.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya ingat tidak payahlah soalan tambahan, jawapanpun sudah begitu luas.

#### BALAI BOMBA DI LONG LAMA DAN BELURU

**5. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada sebuah stesen Balai Bomba dapat dibina di pekan:
- (i) Long Lama; dan
  - (ii) Beluru dalam kawasan Baram;

- (b) jika ada, bilakah ia akan dibina dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk melaksanakan projek-projek tersebut; dan
- (c) jikalau tidak, apakah sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Bomba sentiasa menjalankan kajian untuk mengadakan balai-balai bomba di seluruh negara dan kedua-dua tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak terkecuali. Kali terakhir kajian terhadap kedua-dua kawasan berkenaan dilakukan ialah pada tahun 1990. Hasil dari kajian berkenaan, Kerajaan berkesimpulan bahawa keutamaan untuk mendirikan balai bomba harus diberikan kepada kawasan-kawasan yang lain yang lebih memerlukan.

Kerajaan mencadangkan supaya penduduk-penduduk tempatan di kawasan-kawasan tersebut dan seumpamanya menubuhkan pasukan bomba sukarela bagi mengawal kebakaran jika berlaku sebelum ketibaan pasukan bomba. Penduduk-penduduk tempatan boleh berhubung dengan balai bomba terdekat untuk mendapatkan nasihat tentang penubuhan pasukan bomba sukarela atau berhubung terus dengan Pengarah Perkhidmatan Bomba Negeri.

**Tuan Harrison Ngau Laing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beluru dan Pekan Long Lama adalah di antara pekan-pekan yang berhampiran dengan beberapa rumah panjang di kawasan Baram. Soalan saya yang pertama ialah saya ingin tahu sebab rumah-rumah panjang di Sarawak selalu menghadapi masalah kebakaran. Apakah program atau langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengawal masalah

kebakaran ini di rumah-rumah panjang di Sarawak?

Yang kedua, pada masa dahulu Kerajaan juga ada membekalkan alat-alat pemadam api seperti fire extinguishers, dengan izin, kepada penduduk-penduduk rumah panjang. Apakah sebab ini tidak diperuntukkan atau sepatutnya ditambahkan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk rumah panjang sekarang ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bomba telahpun menyediakan panduan pencegahan untuk mencegah kebakaran rumah kayu, khususnya untuk rumah panjang dan perkampungan. Panduan ini telahpun diedarkan kepada agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan profesional. Jabatan Bomba juga mendapatkan nasihat dan latihan untuk orang-orang awam, khususnya di rumah-rumah panjang dan perkampungan, di atas keselamatan kebakaran dari masa ke semasa melalui kempen mencegah kebakaran dan syarahan-syarahan.

Bagi kampung-kampung terpencil, Kerajaan menggalakkan penubuhan bomba sukarela yang dianggotai oleh masyarakat setempat supaya dapat membantu mencegah dan melawan kebakaran dan Kerajaan bersedia menimbang sekiranya diperlukan alat-alat pemadam api seperti yang dimaksudkan. Jabatan Bomba tidak ada memberikan alat-alat pemadam api, kalau adapun mungkin ialah daripada pemberian Kerajaan Negeri, Wakil-wakil Rakyat ataupun dermawan-dermawan.

## BANTUAN HELIKOPTER KEPADA BANGLADESH

**6. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) mengapa tiada bantuan pesawat helikopter ditawarkan kepada Kerajaan Bangladesh berikutan

bencana puting beliung yang berlaku di negara tersebut tempoh hari; dan

- (b) sama ada pengalaman yang diperolehi oleh kakitangan TUDM dalam bantuan bencana boleh dipertingkatkan sekiranya Kerajaan menghantar bantuan pesawat helikopter ke Bangladesh tempoh hari.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bantuan helikopter tidak diberikan kerana keutamaan keperluan operasi dan tugas dalam negeri. Di samping itu, perlu difahamkan bahawa pelaksanaan deployment pesawat helikopter memerlukan dukungan bantuan lojistik yang rumit. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah menghantar bantuan kecemasan bencana puting beliung ke negara tersebut berjumlah \$1 juta yang berupa bahan makanan, pakaian dan ubat-ubatan. Bantuan ini telah dihantar melalui sebuah penerbangan TUDM C130 dan melalui dua buah kapal TLDM, KD Sri Indra Sakti dan KD Musytari pada 26hb Jun tahun ini. Di antara barang-barang yang dibawa oleh kapal TLDM tersebut ialah beras 20 metrik tan, tepung 40 metrik tan, susu tepung 10 metrik tan, minyak masak 10 metrik tan, biskut 5 metrik tan, kain sarung 15,000 helai, ubat-ubatan 5 metrik tan, kasut getah 2,000 pasang, pakaian 500 kotak dan lain-lain 50 metrik tan.
- (b) Memang tidak dinafikan pengalaman kakitangan TUDM boleh dipertingkatkan tetapi TUDM tidak memerlukan pengalaman tersebut kerana pengalaman operasi di dalam negeri sudah mencukupi.

## SUBSIDI BAJA KEPADA PETANI

**7. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah baja subsidi yang diperuntukkan kepada petani Kelantan sejak Kerajaan Negeri bertukar dibandingkan tahun sebelumnya. Sebutkan peratusnya dalam kontek bantuan baja di seluruh negara. Adakah baja itu dan adakah petani-petani tertentu saja yang diberi subsidi itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak berhasrat untuk menghentikan subsidi baja kepada petani-petani di Kelantan. Oleh itu, peruntukan di bawah skim subsidi baja padi untuk petani-petani di Kelantan memang ada disediakan. Di dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$63 juta telah diperuntukkan untuk petani-petani di Kelantan. Jumlah ini merupakan 15.8% daripada peruntukan seluruh negara. Secara dasarnya subsidi baja akan diagihkan kepada semua petani yang layak menerimanya.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak Kerajaan bertukar tangan di Negeri Kelantan, masalah baja ini menjadi isu yang besar di sana. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, untuk memberi baja ini sebenarnya bidang kuasa siapa, bidang kuasa Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri? Kalau bidang Kerajaan Pusat, mengapa sebaik sahaja selepas daripada Kerajaan bertukar tangan, pemberian baja subsidi ini dibekukan. Dan kita mendengar sekarang bahawa Kerajaan Pusat akan memberi bantuan subsidi baja ini kepada petani-petani, khususnya di Kelantan. Bagaimana cara akan dilakukan? Adakah struktur pembahagian asal akan dikekalkan atau suatu cara baru akan dibuat dengan semata-mata untuk membezakan oleh kerana adanya sokongan politik yang berbeza di sana?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pembahagian subsidi baja kepada petani-petani di Kelantan sekarang ini dalam peringkat banciaan yang kita lakukan untuk dua kawasan. Yang pertama adalah untuk petani-petani yang tinggal di dalam kawasan KADA yang diuruskan oleh KADA dan yang kedua adalah untuk petani-petani di luar kawasan KADA yang diuruskan oleh Jabatan Persekutuan. Kerajaan Pusat tidak menyekat kalau Kerajaan Kelantan hendak memberi baja kepada petani. Kita sedang mengambil tindakan dan, insya Allah, adalah dijangka pada akhir bulan Julai, baja-baja ini dapat diagihkan kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi hanya disebutkan hanya kawasan-kawasan KADA sahaja yang akan diedar atau akan dibahagi-bahagikan baja. Apakah halnya dengan kawasan-kawasan di luar KADA?

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut di kawasan luar KADA pun akan diberikan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah beliau sedar apabila Kerajaan baru di Kelantan mengambilalih kuasa, Kerajaan baru di Kelantan baru sedar ia tidak ada duit hendak beri baja. Akibat daripada itu mereka mendesak Kerajaan Pusat untuk memberi baja. Dan desakan-desakan yang dibuat ini lebih merupakan desakan politik kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum sebelum ini di Kelantan ada Kerajaan Negeri memberi baja kepada rakyat tetapi dengan bayaran \$3 satu beg. Tetapi tidak mencukupi. Akibatnya oleh kerana tidak mencukupi, baja ini diberi di kalangan penyokong-penyokong PAS sahaja. \$46 pun tidak dapat. UMNO lagi habuk tidak dapat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat, ada apa ini? Sebentar ya, dia belum habis. Ini soalan tambahan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila duduk!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** ...iaitu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah Kerajaan Pusat yang sudah membuat keputusan untuk memberi baja bagi kawasan seluruh Kelantan, yang bermula dengan Pasir Mas, Limbongan dan Sungai Pinang supaya memberi juga di kawasan-kawasan daripada Ahli-ahli Parlimen yang lain di Kelantan. Kalau ada kerumitan hendak beri, saya boleh tolong beri, sebab saya kenal mereka. (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, baca "Cap Dacing" ini, akan kita agihkan kepada semua petani-petani, tanpa sebarang bayaran. Kita beri secara percuma dan jumlah kuantiti baja yang kita berikan ini dari segi bantuannya sehingga untuk 6 ekar. Mungkin Kerajaan Kelantan tidak cukup duit, sebab itu kena bayaran.

#### HARGA BARANG—KAWALAN KENAIKAN

**8. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) sejauh manakah berkesannya Kementerian mengawal kenaikan harga barang terutama pada musim-musim perayaan

dengan menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di pasar-pasar;

- (b) apakah Kementerian berhasrat untuk menempatkan lebih banyak pegawai-pegawai penguatkuasa di pasar-pasar utama di seluruh negara walaupun di luar musim-musim perayaan; dan
- (c) adakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan rangkaian kedai-kedai pengguna di seluruh negara demi untuk menjaga kebajikan para pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah membuka sebanyak 35 kaunter aduan tetap di pasar-pasar utama dan 27 kaunter aduan bergerak di seluruh negara, khususnya untuk musim-musim perayaan, dengan tujuan untuk memastikan para peniaga mengamalkan amalan perniagaan yang sihat. Dengan menempatkan pegawai-pegawai di kaunter-kaunter aduan ini, maka ianya membolehkan para pengguna mengemukakan sebarang aduan dan rungutan berhubung dengan penyelewengan perdagangan yang dilakukan oleh para peniaga supaya tindakan serta-merta boleh diambil. Sejak kaunter ini beroperasi pada 8-2-91 sehingga 30-6-91 sebanyak 104 aduan telah diterima Kementerian berpendapat bahawa dengan wujudnya kaunter aduan dan penempatan pegawai-pegawai bertugas, tindakan ini telah dapat mengurangkan eksploitasi oleh para peniaga dan telah membantu

menstabilkan harga barang-barang khususnya di musim-musim perayaan.

- (b) Penempatan pegawai-pegawai di pasar-pasar di seluruh negara sentiasa dikaji dari masa ke semasa bagi menentukan keberkesanannya serta pencapaian objektif Kementerian. Dari kajian yang telah dibuat adalah didapati bahawa penempatan pegawai-pegawai tersebut telah memberi kesan yang baik di dalam membanteras penyelewengan perdagangan. Oleh yang demikian Kementerian telahpun meneruskan penempatan pegawai-pegawai di pasar-pasar utama di seluruh negara walaupun di luar musim perayaan.
- (c) Kerajaan belum membuat sebarang kajian sama ada perlunya menubuhkan rangkaian kedai-kedai pengguna di seluruh negara bagi menjaga kebajikan para pengguna. Dalam hubungan ini Kerajaan merasakan daya usaha ini perlulah terbit dari persatuan-persatuan pengguna sendiri dan Kerajaan akan membantu di mana perlu. Perkara penubuhan kedai-kedai pengguna ini adalah dipertimbang dan dikaji serius dengan serius pada masa ini. Insya Allah, sesuatu perkembangan yang menarik akan diumumkan dalam masa yang singkat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat, kita digambarkan seolah-olahnya yang bersalah pada bila-bila masa ialah peniaga-peniaga sendiri dan seolah-olahnya tiap-tiap aduan pengguna itu semua betul (seolah-olah daripada jawapan itulah). Dan peniaga adalah sentiasa bersalah. Saya ingin timbulkan perkara ini kerana terdapat,

bagi pihak peniaga-peniaga kecil, aduan daripada peniaga-peniaga kecil bahawa di kampung-kampung terutamanya bagi kedai-kedai yang tidak mahu memberi hutang kepada pengguna-pengguna dia akan membuat laporan-laporan atau aduan-aduan tambahan yang menyebabkan kadang-kadang kedai runcit ini akan menerima tindakan

Semenanjung. Dan soalan saya yang kedua, adakah di dalam perancangan ataupun polisi Kementerian berkenaan untuk membuat sesuatu bagi memperseimbangkan harga barangan di negeri Sabah dengan apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Shaleh**

### LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN

**10. Tuan James Jimbun Anak Pungga** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah syarikat yang telah mendapatkan permit sudah dihentikan oleh kerana memandangkan pelaksanaan perjalanan syarikat tersebut kurang memuaskan dan apakah langkah-langkah serta rancangan Kementerian bagi memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini memandangkan bertambahnya jumlah kemalangan yang mengakibatkan kematian.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam sedang dalam proses memungut maklumat mengenai perjalanan syarikat dan individu yang memiliki lesen kenderaan perdagangan bagi mengetahui kedudukan penggunaan lesen-lesen berkenaan. Dalam usaha yang demikian, Kementerian memberi perhatian khusus kepada kaedah penyimpanan rekod, akaun, penyata kewangan, statistik dan dokumen-dokumen yang boleh menunjukkan daya maju, perubahan rakan kongsi atau Ahli Lembaga Pengarah dan pematuhan syarat-syarat lesen. Oleh sebab proses ini sedang berjalan dan akan mengambil masa, maka setakat ini Kementerian masih belum menarik balik sebarang lesen kenderaan perdagangan ber-

kerjasama rapat melalui perjumpaan dan mesyuarat di antara Kementerian dengan persatuan-persatuan pengangkutan perdagangan dari semasa ke semasa.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah menerima di antara tiga orang contender tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berhubung dengan pemandu-pemandu teksi-teksi di Kuala Lumpur, kerana selalu kita dapati teksi yang tersadai di hadapan hotel-hotel mewah tidak mahu mengambil orang daripada hotel itu ke tempat-tempat yang dekat, melainkan ke tempat-tempat yang jauh ataupun ke lapangan terbang sahaja.

Berhubung dengan itu adakah Kementerian membuat satu kajian ataupun mengambil tindakan yang sewajarnya supaya perkara ini tidak berlaku dan memberi gambaran yang tidak baik terutama sekali kepada pelancong-pelancong. Terima kasih.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, jika

dua hari yang lalu terdapat hampir 200 pemandu teksi yang memiliki teksi Saujana berhimpun di luar Bangunan Parlimen dan dilaporkan dalam akhbar mereka mengangkat kereta sebagai satu protes kepada tuanpunya pemegang-pemegang permit sekarang ini. Jadi masalah yang timbul, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak Kementerian sudah menerima memorandum bantahan tidak puas hati di kalangan pemandu ini.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Kementerian Perusahaan Awam ini, apakah tindakan akan diambil terhadap Syarikat Saujana ini? Adakah Kerajaan sedia menimbangkan supaya 200 pemandu teksi Saujana ini diberi permit ganti supaya mereka tidak lagi menghadapi masalah seperti yang mereka hadapi dengan Syarikat Saujana sekarang ini?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya harap Yang Berhormat dari Pasir Mas jangan salahertikan dua isu yang berlainan. Pertama, ini soal masalah yang dihadapi oleh Syarikat Saujana ini. Syarikat ini haruslah menyelesaikan masalah dalamannya dengan pemandu-pemandu ini dan tidak ada kait-mengait dengan soal untuk memohon mendapatkan teksi individu kepada sama ada pemandu-pemandu dalam syarikat sekarang atau mana-mana pun yang ingin memohon teksi secara persendirian. Jadi, dalam soal syarikat ini, Kementerian memang tidak boleh campur tangan dalam soal pengurusan syarikat pengangkutan. Namun demikian, seperti Yang Berhormat sedia maklum dan seperti yang dikeluarkan dalam media massa kenyataan Yang Berhormat Menteri, kita memang sedang mengesan perjalanan syarikat-syarikat yang mesti mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat tambahan ke arah memberi perkhidmatan pengangkutan yang lebih bermutu. Jadi, kalau perkhidmatan yang tidak memuaskan dari segi hubungan

pemandu dan syarikat dan tidak ada etika perkhidmatan dan pengurusan antara syarikat dengan pemandu itu tidak memuaskan antara lain, kita tidak ada jalan lain, melainkan untuk menarik balik lesen.

## TELEFON—KENAIKAN KADAR

**11. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab Kerajaan membenarkan kenaikan Kadar Tarif Telefon yang dicadangkan oleh STM, sedangkan kecekapan pengurusan dan keuntungan tahunan STM sudah meningkat apabila Telekom telah diswastakan kepadanya.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Adalah sama sekali tidak benar bahawa pihak Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar telefon. Struktur tarif bagi telefon yang dipakai pada hari ini adalah sama seperti yang dipakai pada tahun 1986.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan menerima satu permohonan untuk menaikkan kadar tarif STM itu. Jika ada, adakah Kerajaan akan mengumumkan permohonan itu kepada masyarakat untuk dipertimbangkan oleh pengguna-pengguna. Dan soalan kedua, adakah benar bahawa STM sekarang ini bukan hanya ingin menaikkan kadar tarifnya dan juga menaikkan perbelanjaan pemasangan, perbelanjaan sambung semula dan mungkin perbelanjaan untuk memperbaiki alat-alat telefon itupun telah meningkat. Adakah ini benar, jika benar, apakah tindakan Kerajaan akan ambil terhadapnya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, setelah penswastaan, pembayaran laluan dan pembayaran ujian telah dibatalkan iaitu mulai 1hb Mei, 1990. Dan berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sama ada STM ada

membuat permohonan, saya rasa ini tidak berbangkit kerana Kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan kadar tarif telefon.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan jawapan Timbalan Menteri tadi kerana apa yang dilaporkan di suratkhbar adalah berlainan. Saya hanya ingin mendapat satu jaminan sekali lagi bahawa Kerajaan akan memberi jaminan bahawa tarif yang sedia ada tidak akan dinaikkan, dan kalau jaminan yang dibuat oleh Timbalan Menteri tidak dapat dilaksanakan pada masa yang hadapan, saya harap Yang Berhormat Menteri, sebagai seorang man of honour, dengan izin, yang diketahui oleh seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh meletak jawatan. (*Disampuk*) Ini kerana.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, soalan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** .....kerana ini adalah jaminan yang juga dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalan tambahan, tidak payah jawab yang kedua itu.

#### SYARIKAT K.G. TERATAI— KUTIPAN TOL

**12. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah benar sistem bulatan berangkai dan bertol yang diselenggarakan oleh Syarikat K.G. Teratai adalah suatu yang dirancang sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sedangkan Kementerian Kerja Raya bertindak meluluskan saja; jika

benar, nyatakan sebabnya. Dan jika tidak benar, pihak perunding manakah yang menasihatkan Kementerian atas perkara di atas;

- (b) adakah peruntukan sistem itu ditanggung kesemuanya oleh Kementerian. Jika tidak, pihak manakah lagi yang penampungnya dan berapakah peruntukan yang masing-masing dikeluarkan untuk projek itu;
- (c) apakah tujuan Plaza Tol diadakan di pusat-pusat bandar. Adakah kerana hendak mengelakkan terlalu banyak kenderaan masuk ke pusat bandar atau ia ibarat menahan jerat di tempat genting; dan
- (d) adakah beliau peka bahawa rakyat tidak senang dengan cadangan tol itu dan adakah mereka akan dipaksa juga membayar tol.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Soalan ini telahpun dijawab pada 28hb Jun, 1991 ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau. Setakat ini tiada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

#### UNIVERSITI DI SARAWAK

**13. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan Kementerian beliau atas permohonan Negeri Sarawak untuk membina sebuah universiti untuk bangsa Malaysia diadakan di Negeri Sarawak.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sesebuah universiti memerlukan kajian yang mendalam dari segi keperluan fizikal dan bukan fizikal kerana hanya dengan kajian tersebut, pembinaan sesebuah universiti bolehlah menjadi teratur dan lengkap. Bagi negeri Sarawak, pihak Kerajaan telah membina kampus cawangan Universiti Pertanian

Malaysia di Bintulu dan kampus Cawangan Institut Teknologi MARA di Semarang. Kedua-dua kampus cawangan tersebut akan memperluaskan program dan kursus yang ditawarkan dan dengan cara itu dapat menampung pelajar-pelajar yang berkelayakan mengikuti program-program yang dijalankan. Dengan perubahan kursus-kursus di UPM di Bintulu adalah diharapkan satu hari nanti kampus cawangan UPM tersebut akan ditadbirkan secara berasingan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan universiti sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri tadi, Universiti Pertanian di Bintulu, adalah untuk satu pengajian yang bercorak pertanian ataupun kemahiran pertanian, tetapi memandangkan Wawasan 2020 ataupun RRJP2 menekankan kehendak pengindustrialisasikan negara ini dan dengan tidak adanya kajian tertinggi di Sarawak, adakah ini kemungkinan akan menjejaskan aspirasi dan kehendak-kehendak orang Sarawak? Kalau tidak, selama 30 tahun yang lalu, tidakkah ada pengajian tertentu dibuat untuk negeri Sarawak yang mana adakah berbeza di antara Sarawak dengan Perlis umpamanya, kenapa di Sarawak tidak ada universiti?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan kepakaran di semua bidang di negara kita ini bolehlah dipenuhi dengan graduates daripada semua universiti tempatan sama ada mereka diletakkan di Kuala Lumpur, di Cawangan Bintulu atau di Sabah dan sebagai. Pelajar-pelajar yang keluar dari universiti tersebut akan berkhidmat di seluruh negara tanpa mengira negeri. Jadi, kita yakin bahawa dengan adanya kursus-kursus yang lengkap kita boleh memenuhi Wawasan 2020. Dan isu yang dikaitkan khususnya untuk UPM Cawangan Kampus di Bintulu ini

sungguhpun tujuan UPM itu ialah untuk bidang pertanian, tetapi bidang pertanian tersebut juga ada berkaitan dengan perniagaan kerana kita juga ada kursus agro-base industry, agro-base management, dengan izin, dan sebagainya. Jadi, dalam bidang itu kita boleh memperluaskan supaya pelajar-pelajar yang keluar daripada UPM itu bukan hanya berkhidmat di sektor pertanian, tetapi juga berkhidmat di sektor yang ada berkaitan dengan pertanian seperti pentadbiran program-program pertanian, perindustrian berkaitan dengan pertanian dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

*(Soalan No.14 Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir)*

#### LESEN PEMAJU PEMBINAAN KONDOMINIUM

**15. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah lesen pemaju untuk memajukan pembinaan kondominium di seluruh negara. Berapakah jumlah kondominium yang telah menggunakan nama-nama barat; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk syarat-syarat supaya nama-nama kondominium tersebut bercirikan kebudayaan Malaysia bagi kelulusan lesen pemaju pada masa akan datang memandangkan perkara ini banyak mendapat teguran dan mencemarkan imej masyarakat Malaysia.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mula melesenkan pembinaan kondominium pada tahun 1989. Semenjak itu hingga Mei, 1991, sebanyak 134 lesen pembinaan kondominium dikeluarkan dan 37 darinya mempunyai nama yang mirip-mirip kebaratan. Maklumat sebelum itu tidak terdapat kerana Kementerian ini tidak terlibat.
- (b) memanglah menjadi dasar Kementerian ini menyarankan penggunaan nama dan am bercorak kebangsaan bagi projek-projek perumahan. Walau bagaimanapun, keputusan asas meluluskan nama sesuatu kondominium adalah terletak kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, bukan kepada Kementerian ini. Ada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang meluluskan nama-nama mirip barat, dan Kementerian ini tidak ada kuasa mengarahkan ianya ditukar. Namun demikian, Kementerian ini akan terus menasihatkan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya sependirian dengan dasar Kementerian ini semasa menimbangkan permohonan menamakan kondominium.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah bukan berkenaan dengan nama kondominium tetapi berkenaan dengan kondominium. Oleh kerana saya rasa ini mustahak, bolehkah saya terangkan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Silakan.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, mengapa lesen-lesen untuk membina kondominium di Kuala Lumpur tidakpun dibenarkan walaupun kondominium-kondominium tersebut tidak termasuk dalam struktur pelan Kuala Lumpur. Adakah pertimbangan berhati-hati diberi kepada berbagai-bagai faktor seperti kesesakan lalu-lintas, alam sekitar dan sebagainya, ataupun 'condominium boom' ini menunjukkan sahaja satu pemikiran jangka pendek sahaja seperti yang jadi pada pertengahan 80an?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa meluluskan kondominium di Wilayah Persekutuan ataupun di Dewan Bandaraya adalah terletak kepada Datuk Bandar dan Dewan Bandaraya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak terlibat.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nama-nama berunsur barat, saya hendak tahu apakah standardnya ataupun garispuandunya di mana boleh mendapat tahu bahawa nama ini adalah nama berunsur barat, nama ini adalah nama tempatan ataupun mempunyai kebudayaan tempatan. Seperti Proton Saga, namanya adakah berunsur Jepun, saya pun tidak tahu, begitu. Adakah satu-satu 'cutting point' di mana nama-nama boleh ditakrifkan bahawasanya itulah nama berunsur barat dan itulah nama berunsur tempatan. Minta Menteri memberi sedikit bantuan dan penjelasan.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Terima kasihlah kerana naikkan jawatan saya kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai takrif mirip barat ataupun mirip Arab dan sebagainya, ini terpulang kepada pemakaian. Dalam suasana di mana kebiasaan perkataan itu telah menjadi perkataan biasa di negara kita dan boleh dikatakan digunakan dengan begitu

meluas, maka bolehlah diterima sebagai nama yang boleh digunakan di negara kita. Tetapi kalaulah nama-nama itu memang asing kepada negara ini, maka sudah pastilah ianya bukan sahaja tidak difaham—asing, bahkan kadang-kadang maknanya pun tidak molek dan tidak cantik. Kalau kita terikut-ikut dengan pengaruh Arab, mungkin kita akan menggunakan nama yang berunsur Arab tetapi kita tidak tahu makna Arab itu. Ada orang yang menamakan anak perempuannya Norzina, yang bermakna nor atau cahaya zina. Tetapi dia tidak tahu dan dia gunakan nama Norzina. Begitu juga dengan nama orang Inggeris, ada yang menggunakan Mr. Broom, tetapi makna broom ialah penyapu. Tetapi bagi orang yang tidak tahu, Mr. Broom lebih baik digunakan kerana berunsur barat. Dengan sebab itu, kita menyarankan adalah lebih baik dan cantik menggunakan nama-nama Malaysia, berasaskan kebudayaan Malaysia yang boleh difahami dan molek. Dan saya cadangkan kepada parti Pembangkang, khususnya DAP menyarankan perkara ini.

#### ALAT PEMADAM API KE KAMPUNG DAN RUMAH PANJANG

**16. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi alat pemadam api kepada tiap-tiap kampung dan rumah panjang untuk mencegah kebakaran yang sering berlaku.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghargai kesedaran Yang Berhormat di atas bahaya-bahaya kebakaran di rumah-rumah panjang dan di kampung-kampung. Kerajaan pada masa ini tidak ada peruntukan untuk memberi alat pemadam api kepada tiap-tiap kampung dan rumah-rumah panjang.

Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan diambil kira dan dipertimbangkan. Adalah digalakkan Kerajaan Negeri dan Wakil-wakil Rakyat di kawasan kampung dan rumah-rumah panjang dapat membantu dalam memberikan pemberian alat pemadam api melalui peruntukan masing-masing. Jabatan Bomba telahpun menyediakan panduan kepada pencegahan kebakaran rumah-rumah kayu atau rumah panjang dan di perkampungan-perkampungan.

Jabatan Bomba juga sentiasa memberikan khidmat nasihat, latihan-latihan serta juga syarahan-syarahan di mana-mana tempat, termasuk juga di rumah panjang dan di perkampungan, untuk membantu supaya kebakaran dapat dicegah dan juga pemahaman untuk mencegah kebakaran ini dimaklumkan kepada semua lapisan masyarakat.

Bagi kampung-kampung yang terpencil, kita sentiasa menggalakkan supaya diadakan bomba sukarela dan penglibatan dan kesedaran penduduk-penduduk masyarakat setempat akan boleh mempertingkatkan lagi keselamatan dan pencegahan kebakaran.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 14 dan 17 hingga 52 adalah diberi di bawah ini.)*

#### BROKER SAHAM DI BSKL

**3. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan broker saham yang dihadkan boleh disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan berikan sebabnya;

- (b) bilangan firma-firma broker saham yang masih belum memenuhi syarat menaikkan modal berbayar kepada \$20 juta, namakan mereka dan tindakan yang diambil ke atas mereka; dan
- (c) hasil siasatan dan tindakan yang diambil ke atas perdagangan dalaman (insider trading) ke atas syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL dan namakan mereka.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**

- (a) Setakat ini Kementerian Kewangan menghadkan hanya 10 buah syarikat broker saham sahaja yang boleh disenaraikan di BSKL. Rasional ke atas ketetapan ini adalah:
- (i) 10 buah syarikat broker saham adalah dianggap mencukupi bagi mewakili industri sekuriti dalam pasaran sektor kewangan. Sekiranya bilangan syarikat broker saham yang disenaraikan adalah terlalu banyak, maka ia boleh menguasai (dengan izin dominate) indek sektor kewangan. Ini merupakan unsur yang kurang sihat.
  - (ii) Kedudukan kewangan sebilangan syarikat-syarikat broker saham yang memohon untuk disenaraikan adalah tidak begitu kukuh.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 10 buah syarikat broker saham masih belum memenuhi syarat menaikkan modal berbayar kepada paras yang ditetapkan. Syarikat-

syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) HA Securities Sdn. Bhd.
- (ii) Charles Bradburne & Co (1930) Sdn. Bhd.
- (iii) R&I Securities Sdn. Bhd.
- (iv) Aliah & Co. Securities Sdn. Bhd.
- (v) RNA Securities Sdn. Bhd.
- (vi) Razak & Ramli.
- (vii) CS Securities Sdn. Bhd.
- (viii) Seberang Securities Sdn. Bhd.
- (ix) Nadzri & Ng Securities Sdn. Bhd.
- (x) Yew Securities Sdn. Bhd.

Di atas kegagalan mematuhi syarat tersebut, syarikat-syarikat berkenaan telah dikenakan denda mengikut kes masing-masing seperti berikut:

- (i) Aliah & Company Securities Sdn. Bhd., RNA Securities Sdn. Bhd. dan Charles Bradburne & Company (1930) Sdn. Bhd. telah didenda sebanyak \$20,000 dan diberi perlanjutan masa sehingga 30 September 1991 untuk mematuhi syarat tersebut. Jika mereka gagal tindakan yang lebih keras akan dikenakan.
- (ii) CB Securities Sdn. Bhd. dan Seberang Securities Sdn. Bhd., yang telah digantung perniagaan mereka, telah diberi tempoh sehingga 31 Ogos 1991 untuk menyempurnakan perancangan penyusunan semula syarikat masing-masing.

Jika gagal berbuat demikian, BSKL akan menarik balik keahlian mereka.

- (iii) Razak & Ramli, yang telah digantung perniagaannya, telah diberi tempoh sehingga 27 Julai 1991 bagi mengemukakan satu perancangan penyusunan semula yang lengkap kepada BSKL. Jika ia gagal berbuat demikian, keahliannya akan ditarik balik.
  - (iv) R&I Securities Sdn. Bhd., yang telah digantung perniagaannya, akan terus digantung sehingga perintah mahkamah terhadapnya ditarik balik.
  - (v) Yew Securities Sdn. Bhd. dan Nadzri & Ng Securities Sdn. Bhd., yang mana perniagaan mereka terus digantung, ada kemungkinan keahlian mereka akan ditarik balik.
  - (vi) HA Securities Sdn. Bhd. telah digantung perniagaannya kerana kegagalan mematuhi had minima kecairan yang diperlukan.
- (c) Sejak tahun 1989, Pejabat Pendaftar Syarikat telah memulakan siasatan berhubung dengan kegiatan niaga dalaman dengan izin, insider trading yang melibatkan saham-saham syarikat Multi Purpose Holdings Bhd., Kinta Kellas, United Engineers (M) Bhd. dan Sungai Besi Bhd. Kesemua siasatan terhadap kes-kes ini masih lagi dijalankan.

## USAHAWAN BUMIPUTERA

**14. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah bentuk dan hala arah dasar-dasar pembentukan komuniti usahawan Bumiputera selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Saya percaya Ahli Yang Berhormat telahpun mengikuti pembentangan dan perbincangan berkenaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di dalam Dewan ini. Di dalam kedua-dua dokumen ini bentuk dan hala arah dasar mengenai usahawan Bumiputera telahpun dijelaskan, di mana Kerajaan akan menjadikan matlamat pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera sebagai satu teras utama dalam proses penyusunan semula masyarakat. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa penjelasan lanjut lagi.

## PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

**17. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang sebelum ini Tabung tersebut berjumlah \$150 juta. Berapakah baki jumlah tabung ini dan berapakah jumlah rakyat termiskin yang mendapat faedah setakat ini. Dan sejauh manakah program ini berkesan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan rakyat.
- (b) apakah Kerajaan sedar bahawa peruntukan \$3,000.00 untuk memperbaiki sebuah rumah rakyat termiskin sudah tidak mencukupi

kerana kenaikan harga barang-barang binaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan bantuan ini sehingga \$5,000.00 bagi sebuah rumah; dan

- (c) apakah lain-lain bentuk program jangka pendek untuk membantu rakyat termiskin selain daripada bentuk membaiki rumah.

**Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:**

- (a) Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$412 juta untuk melaksanakan pelbagai program/projek di bawah kaedah pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tempoh 1989-1990 (RM5). Sehingga akhir 1990, sebanyak \$345.8 juta (84%) telah dibelanjakan dan dianggarkan lebih kurang 52,128 keluarga telah mendapat faedah sama ada secara langsung atau tidak langsung ekoran dari pelaksanaan program/projek yang dirancang. Dari pengawasan yang dibuat memang terdapat peningkatan dalam taraf hidup dan pendapatan keluarga termiskin setelah menerima bantuan di bawah PPRT. Bantuan-bantuan secara langsung seperti pembinaan rumah, pemberian bakul makanan dan bantuan pendidikan kepada anak-anak keluarga termiskin telah membolehkan keluarga-keluarga menikmati keadaan hidup yang lebih baik dari sebelumnya. Melalui projek-projek ekonomi yang diusahakan pula mereka telah dapat menambahkan pendapatan. Melalui bimbingan dan latihan yang diberikan oleh agensi-agensi yang berkaitan mereka telah diasuh untuk berdikari dan seterusnya dapat

mengusahakan projek-projek ekonomi secara komersial. Namun begitu analisa "impact" PPRT yang menyeluruh akan dibuat apabila program/projek yang dirancang telah dilaksanakan sepenuhnya.

- (b) Kadar asal bantuan bagi membina semula ialah \$2,000.00 sebuah bagi negeri-negeri di Semenanjung dan \$1,000.00 sebuah untuk membaikpulih. Kadar tersebut kemudiannya telah dinaikkan kepada \$3,000.00 sebuah untuk membina semula dan \$1,500.00 sebuah untuk membaikpulih. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan lagi kadar bantuan di bawah program ini. Ini adalah kerana berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada negeri-negeri, kadar tersebut adalah memadai buat masa ini. Tambahan pula program pemulihan rumah ini merupakan salah satu daripada pelbagai program untuk membangunkan rakyat termiskin.
- (c) Bentuk program jangka pendek yang telah dilaksanakan untuk membantu rakyat termiskin adalah seperti pengawalan dan rawatan penyakit dalam bidang kesihatan, bantuan kebajikan dan biasiswa kecil pelajaran serta program susu penuh krim di sekolah-sekolah. Selain daripada program pekerjaan sampingan dalam bidang ternakan dan perikanan, menjalankan perusahaan-perusahaan kecil, mempergiatkan ekonomi pertanian dan latihan kemahiran juga telah dilaksanakan untuk membantu rakyat termiskin mempertingkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka.

## MATAPELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP

**18. Dato' Haji Mohd Sharif bin Jajang** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah isu dan masalah sebenar pelaksanaan matapelajaran kemahiran hidup yang dicadangkan oleh Kementerian untuk dilaksanakan pada tahun hadapan tetapi mendapat tentangan dari Kesatuan Perkhidmatan Guru Kebangsaan (NUTP). Apakah ianya melibatkan tambahan kerja dan tanggungjawab bagi guru-guru dan apakah matapelajaran kemahiran hidup akan dimasukkan ke dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada isu atau masalah besar dalam pelaksanaan matapelajaran Kemahiran Hidup yang dicadangkan. Tentangan dari Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) adalah disebabkan oleh salah faham atau kekurangan pengetahuan kesatuan tersebut mengenai rasional dan bentuk pelaksanaan matapelajaran ini. Matapelajaran yang dimaksudkan oleh kesatuan tersebut ialah satu program khas yang diperkenalkan kepada pelajar Tingkatan IV dan V mulai Penggal Dua persekolahan 1991. Setelah Kesatuan tersebut diberitahu tentang rasional dan bentuk pelaksanaan matapelajaran tersebut oleh pegawai Kementerian Pendidikan pada 31 Mei 1991, pihak Kesatuan telah menyatakan sokongan mereka terhadap pelaksanaan program khas ini.

Pelaksanaan matapelajaran Kemahiran Hidup tidak banyak melibatkan tambahan kerja kepada guru-guru kerana beberapa orang guru dari setiap sekolah telah diberikan latihan pendedahan melalui kursus mengenai program khas. Mereka akan bersama-sama mengajar matapelajaran ini di

sekolah. Matapelajaran Kemahiran Hidup Program Khas ini tidak dimasukkan ke dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## SKIM CEPAT KAYA

**19. Tuan Haji Mahbub bin Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kewangan berhubung dengan pertumbuhan pesat syarikat-syarikat Skim Cepat Kaya; dan
- (b) mungkinkah pihak Kementerian akan memberi pertimbangan kepada sesuatu bentuk perniagaan yang dijalankan oleh mana-mana syarikat tersebut.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Jawapan berkaitan dengan perkara ini telahpun dibuat pada 20 Jun 1991 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

## KUTIPAN TOL

**20. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kutipan tol di Jalan Cheras dan di Jalan Pahang akan dihapuskan, setelah langkah-langkah menangguhkannya selama ini tidak menjejaskan kewangan Kerajaan dalam menampung kos membiayai jalan raya yang melalui kawasan berkenaan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Saya telahpun menjelaskan mengenai perkara yang dibangkitkan ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Arau pada 28.6.1991. Setakat ini tiada apa-apa maklumat baru yang hendak ditambah pada jawapan yang telah diberikan itu.

## BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

**21. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang untuk menaikkan taraf penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah di seluruh negara.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Lubuk Antu telahpun dijawab sekaligus pada 17-6-91. Oleh itu tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

## LAPANGAN TERBANG SENAI— TRAFIK PENUMPANG

**22. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah penumpang tempatan/asing yang menggunakan Lapangan Terbang Senai di Johor Bahru dari tahun 1988 hingga kini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jumlah trafik penumpang yang dikendalikan oleh lapangan terbang Senai dari tahun 1988 sehingga 1990 adalah sebanyak 1,200,487. Sebagai makluman, maklumat-maklumat trafik yang disediakan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) adalah berasaskan kepada status penerbangan iaitu sama ada penerbangan itu penerbangan antarabangsa atau domestik dan tidak kira penumpang berkenaan rakyat tempatan atau asing.

Memandangkan Lapangan Terbang Senai tidak mengendalikan penerbangan-penerbangan antarabangsa berjadual, maka jumlah sebenar penumpang-penumpang asing tidak disediakan. Namun demikian, jumlah

orang-orang asing yang menggunakan Lapangan Terbang Senai adalah sangat kecil. Kebanyakan penumpang-penumpang ini adalah penumpang "transit" yang membuat persinggahan dalam perjalanan mereka dari Kuala Lumpur ke Kuching dan Kota Kinabalu dan sebaliknya.

## NAHAS KEMALANGAN JALAN RAYA

**23. Tuan Ruhanie bin Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejak lima tahun kebelakangan ini berapakah jumlah nahas jalan raya di seluruh negara yang menyebabkan maut (fatal accidents) yang melibatkan kenderaan ringan seperti van, kereta dan motosikal dengan kenderaan berat seperti lori dan bas, berapakah jumlah mangsanya yang maut serta berikan pecahan tempat atau negeri terjadinya nahas tersebut;
- (b) benarkah kemalangan-kemalangan seperti di atas selalunya disebabkan oleh sikap maharajalela pemandu-pemandu kenderaan berat dan juga pemandu dari negara-negara jiran yang berlagak sebagai 'raja jalan'. Apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap pemandu yang bersikap demikian, apakah pula tindakan untuk memperbaiki psikologi ganas seperti ini dari terus merebak dan berleluasa; dan
- (c) dalam kempen keselamatan jalan raya yang sering dilaksanakan oleh Kerajaan, pernahkah pemandu kenderaan berat serta pemilik syarikat kenderaan sentiasa menitikberatkan dan mengamalkan sidkap sopan santun di jalan raya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini (1986-1990) jumlah nahas kemalangan jalan raya di seluruh negara yang melibatkan kemalangan maut di antara kenderaan berat (bas dan lori) dengan kenderaan ringan (motokar, van dan motosikal) ialah sebanyak 2,304 kemalangan. Jumlah mangsa yang mati akibat daripada kemalangan tersebut ialah 2,881. Dalam tempoh tersebut Negeri Johor adalah negeri yang tertinggi mencatat kemalangan maut iaitu 460 yang mengakibatkan 582 mati diikuti oleh negeri Perak dengan 418 kemalangan maut yang meragut 533 nyawa dan diikuti pula oleh negeri Selangor dengan 246 kemalangan maut yang mengakibatkan 305 kehilangan jiwa.
- (b) Kita tidak mempunyai bukti-bukti yang saheh yang menunjukkan bahawa kemalangan tersebut adalah selalunya disebabkan oleh pemandu-pemandu kenderaan berat dan juga pemandu-pemandu dari negara-negara jiran. Walau bagaimanapun sikap pemandu merupakan punca utama berlakunya kemalangan jalan raya dan dengan itu Kerajaan sedang mempergiatkan usahanya untuk melahirkan golongan pemandu yang lebih bertimbangrasa, bersopan, berdisiplin dan sentiasa mengutamakan keselamatan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti berikut:
- (i) Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang menekankan unsur-unsur pemandu berhemat (defensive driving).

- (ii) Menguatkuasakan Undang-undang Lalulintas Jalan dengan lebih ketat oleh agensi-agensinya penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia terutama kesalahan-kesalahan lalulintas yang mungkin akan menyebabkan kematian.
- (iii) Mempergiatkan lagi kempen-kempen keselamatan jalan raya meliputi semua kumpulan sasaran bagi mempertingkatkan tahap kesedaran di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. Kempen dijalankan adalah berbentuk "multi-media" iaitu termasuk surat khabar, television, radio, "billboards", poster dan lain-lain lagi.
- (iv) Menerapkan pendidikan keselamatan jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah rendah dan pra sekolah melalui aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Keselamatan Jalan Raya.
- (v) Megadakan ceramah-ceramah keselamatan jalan raya khususnya kepada pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan pemandu-pemandu kenderaan perdagangan.
- (c) Sering kali juga kempen-kempen keselamatan jalan raya dianjurkan oleh agensi Kerajaan untuk munafaat syarikat kenderaan berat, Persatuan-persatuan Pengangkutan, Penedar dan Pembekal Kenderaan. Adalah diharapkan bahawa melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah-ceramah, dialog,

pertandingan pemandu terbaik dan lain-lain para pemandu kenderaan berat akan lebih sedar akan tanggungjawab mereka dan ini akan memberi dorongan kepada mereka untuk mengamalkan cara pemanduan yang baik dan selamat.

#### **RUMAH MURAH— REKA-BENTUK**

**24. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah bentuk sistem pembinaan dan pembangunan perumahan yang digunakan oleh Kementerian bagi menentukan rumah-rumah dibina mengikut keperluan dan kemampuan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah; dan
- (b) tidakkah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah Lembaga Pembangunan Perumahan di peringkat pusat dan juga negeri bagi menyelaras dan melicinkan projek-projek perumahan di seluruh negara.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Kementerian ini sentiasa mengikhtiarkan reka-bentuk supaya rumah murah yang dibina adalah selesa dan tidak melebihi harga jualan \$25,000.
- (b) Mengenai penubuhan suatu Lembaga Perumahan peringkat Persekutuan dan Negeri, buat masa ini, Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah pun wujud bagi membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri membina rumah kos rendah.

#### **JALAN RAYA SERIAN/TEBEDU/ SEMPADAN INDONESIA— PEMBINAAN**

**25. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah sebenarnya projek pembinaan jalan Serian/Tebedu/Sempadan Indonesia yang menghubungkan Sarawak dengan Indonesia akan dilaksanakan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tawaran untuk projek pembinaan jalan raya Serian/Tebedu/Sempadan Indonesia telah tutup pada 29 Mei 1991 dan penilaian sedang dilaksanakan pada masa ini. Pembinaan dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 1991.

#### **MINYAK DAN GAS YANG DIKELUARKAN**

**26. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini, berapa buatkan syarikat eksplorasi minyak di bawah Kontrak Keluarga Bersama (Product Sharing Contract) yang telah menemui minyak dan gas di kawasan perairan Sarawak:

- (a) berapa banyakkah isipadu gas dan tong minyak yang dijangka dikeluarkan daripada penemuan-penemuan tersebut;
- (b) berdasarkan kepada penemuan-penemuan baru tersebut, berapakah jumlah rezab tong minyak dan isipadu gas yang dijangka boleh dihasilkan; dan
- (c) berdasarkan kepada rezab yang sedia ada dan anggaran keluaran hasil daripada penemuan-penemuan baru, berapa lamakah rezab minyak dan gas boleh bertahan berdasarkan kepada rancangan penubuhan projek-projek petrokimia yang baru di Sarawak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Sehingga kini, sebanyak enam buah syarikat minyak—di bawah

Perjanjian PSC (1985) yang baru, telah menemui minyak dan/atau gas di kawasan laut berhadapan dengan negeri Sarawak. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

| <i>Syarikat Minyak<br/>(Kontraktor)</i> | <i>Blok</i> | <i>Penemuan</i>           | <i>Tahun</i> |
|---|-------------|---------------------------|--------------|
| (i) Occidental (USA)                    | SK 6        | Medan Bentara—Minyak      | 1990         |
|   | SK 6        | Medan Balai—Minyak        | 1990         |
| (ii) Sarawak Shell                      | SK 5        | Medan West Acis—Gas       | 1989         |
| (iii) Agip (Itali)                      | SK 9        | Medan Sapih—Minyak & Gas  | 1990         |
| (iv) Eif Aquitaine<br>(Perancis)        | SK 3        | Medan A3—Gas              | 1990         |
| (v) Nippon Oil<br>(Jepun)               | SK 10       | Medan Helang—Gas          | 1990         |
|   | SK 10       | Medan Layang—Minyak & Gas | 1991         |
| (vi) OPIC (Taiwan)                      | SK7         | Medan South Acis —Minyak  | 1989         |

Sebuah syarikat lagi, iaitu Malaysia Baram Oil Development Co. telah menemui minyak di daratan iaitu di Medan Asam Paya berhampiran dengan bandar Miri.

Buat masa ini adalah masih terlalu awal untuk menganggarkan jumlah rezab dan pengeluaran minyak dan gas daripada penemuan-penemuan tersebut. Kajian terperinci perlu dijalankan untuk menentukan rezab minyak dan gas yang sebenar.

Rezab minyak di kawasan laut berhadapan negeri Sarawak dianggarkan sebanyak 1.1 ribu juta tong. Berdasarkan kepada tahap pengeluaran sekarang sebanyak 149,000 tong sehari, rezab tersebut cukup untuk pengeluaran selama 20 tahun lagi. Bagi gas pula, berdasarkan kepada anggaran rezab sebanyak 29 trillion kakipadu (bersamaan 6 ribu juta tong minyak) dan pengeluaran semasa sebanyak 1,360 juta kakipadu sehari, (bersamaan 280,000 tong minyak sehari) ia cukup bagi pengeluaran selama 60 tahun lagi.

Patut diingat rezab minyak dan gas negara bukanlah statik. Berikutan dengan bertambahnya Perjanjian Perkongsian Pengeluaran sejak tahun 1985, kerja-kerja eksplorasi semakin bertambah pesat dan berkemungkinan menemui medan-medan baru. Ini akan meningkat rezab negara.

## KILANG MERCUN—PENUTUPAN

**27. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah perlu keujudan kilang mercun dari segi sumbangan kepada ekonomi;
- (b) jika tidak, adakah Kerajaan bercadang akan menutup kilang-kilang mercun yang sedia ada; dan
- (c) bagaimanakah rancangan Kerajaan untuk menyediakan pekerjaan kepada pekerja-

pekerja kilang-kilang mercun jika Kerajaan bercadang untuk menutup kilang-kilang mercun.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):**

- (a) Adalah menjadi hasrat Kerajaan dan selaras dengan dasar perindustrian negara untuk menggalakkan pelaburan dalam bidang industri yang dapat menyumbang kepada ekonomi seperti memberi peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan eksport dan gantian import.

Namun demikian Kerajaan sentiasa mengkaji dan menilai dari masa ke masa akan keperluan dan sumbangan industri-industri tertentu terhadap perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara kita. Sehubungan dengan itu, bagi keluaran mercun, keputusan telah dibuat untuk mengeluarkan mercun daripada senarai produk yang digalakkan, dengan izin, "promoted product" di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1990. Kerajaan berpendapat bahawa kewujudan industri seperti ini tidak lagi diperlukan dari segi sumbangannya kepada kepentingan ekonomi, sosial dan keselamatan negara.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menutup kilang-kilang mercun yang telah diberi kelulusan jika kilang-kilang ini tidak melanggar apa-apa undang-undang yang berkaitan. Walau bagaimanapun, kilang-kilang mercun yang sedia ada dikehendaki mengambil langkah-langkah wajar untuk mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa kini. Selaras dengan Dasar Kerajaan,

permohonan-permohonan baru untuk menubuhkan kilang yang melibatkan keluaran bahan-bahan "toxic" dan lain-lain keluaran yang berbahaya akan dikaji dengan teliti sebelum diberi kelulusan. Di samping itu, bagi keluaran-keluaran yang tidak digalakan, permohonannya untuk galakan pelaburan tidak akan dipertimbangkan.

- (c) Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, negara kita sekarang sedang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja khususnya di sektor perkilangan. Dengan itu terpulanglah kepada pekerja-pekerja kilang yang berkenaan untuk memilih tempat pekerjaan yang sesuai di lain-lain sektor industri.

**ALUMINIUM SMELTING PLANT**

**28. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) butir-butir tentang Aluminium Smelting Plant yang dicadangkan diletakkan di Bintulu, Sarawak, seperti nama syarikat-syarikat terlibat, modal yang dilaporkan, keupayaan pengeluaran kilang itu dan lain-lain; dan
- (b) adakah Environment Impact Assessment Study telah digubal dan jika ya, bilakah laporan penilaian itu akan diserahkan kepada orang ramai.

**Tuan Chua Jui Meng:**

- (a) Cadangan projek Aluminium Smelting Plant di Bintulu, Sarawak telah diluluskan pada dasarnya oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 7hb Julai, 1988 tertakluk kepada syarat iaitu syarikat hendaklah menjalankan kajian penilaian kesan terhadap

alam sekitar (Environment Impact Assessment Study) mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling 1987 dan diluluskan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Butir-butir lanjut mengenai cadangan projek ini adalah seperti berikut:

|                                    |  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
|------------------------------------|--|------------|-----|---------------------------|-----|--------------|-----|--|-------|--|------|
| Nama Syarikat :                    | Aluminium Industry of Sarawak Sdn. Bhd.  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Kos Projek :                       | \$1,050 juta.  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Cadangan Gunatenaga :              | 516 orang.   |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Kadar Eksport :                    | Sekurang-kurangnya 70%.  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Keupayaan Pengeluaran :            | 115,000 tan metrik "unwrought aluminium" setahun.  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Cadangan Modal Dibayar :           | \$200 juta.  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Struktur Ekuiti Yang Dicadangkan : | <table> <tr> <td>Bumiputera</td> <td>35%</td> </tr> <tr> <td>Lain-lain rakyat Malaysia</td> <td>15%</td> </tr> <tr> <td>Rakyat Asing</td> <td>50%</td> </tr> <tr> <td></td> <td><hr/></td> </tr> <tr> <td></td> <td>100%</td> </tr> </table> | Bumiputera | 35% | Lain-lain rakyat Malaysia | 15% | Rakyat Asing | 50% |  | <hr/> |  | 100% |
| Bumiputera                         | 35%  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Lain-lain rakyat Malaysia          | 15%  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
| Rakyat Asing                       | 50%  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
|                                    | <hr/>  |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |
|                                    | 100%   |            |     |                           |     |              |     |  |       |  |      |

Pemegang-pemegang saham yang dijangka terlibat di dalam projek ini ialah:

- (i) Hydro Aluminium of Norway
  - (ii) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak
  - (iii) Lembaga Kemajuan Bintulu
  - (iv) Chew Swee Loon Holding Sdn. Bhd.
- (c) Berhubung dengan Environment Impact Assessment Study, setakat ini pihak syarikat masih belum mengemukakan laporan

kajian tersebut untuk diper-timbangkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Lesen Pengilang bagi syarikat ini hanya akan dikeluarkan jika syarikat telah menjalankan kajian tersebut serta mendapat kelulusan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

## BINAAN DAN PERDAGANGAN DI KUWAIT—PELUANG

**29. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauhmana sumbangan Kerajaan Malaysia dan syarikat-syarikat negara ini dalam membangunkan semula Negara Kuwait dengan menjelaskan jumlah harga projek syarikat-syarikat yang berjaya diperolehi tawaran ini.

**Tuan Chua Jui Meng:** Baru-baru ini Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri telah menghantar satu rombongan perdagangan ke Kuwait pada 6hb-10hb Jun, 1991. Rombongan ini bertujuan untuk meninjau peluang-peluang dalam bidang binaan dan perdagangan di Kuwait.

Rombongan ini berjaya memperolehi jualan bernilai M\$1.13 juta bagi barangan alat-alat hawa dingin, barangan binaan dan peralatan pejabat dan sekolah. Dalam masa yang sama, jualan bernilai M\$5.73 juta adalah masih dalam peringkat rundingan.

Rombongan juga mengenalpasti peluang-peluang dalam pengubahsuaian dan baikpulih (renovation and refurbishment) bangunan-bangunan yang rosak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pemulihan Kuwait akan dilaksanakan dibawah rancangan pemulihan dua tahun (Two Year Recovery Plan) yang dijangka bermula pada bulan Ogos/September

1991. Projek-projek dibawah rancangan ini akan ditawarkan secara 'tender terbuka' dan syarikat-syarikat yang ingin menyertai projek-projek berkenaan hendaklah melantik rakan kongsi Kuwait dan berdaftar sebagai 'prequalified contractor'. Syarikat-syarikat binaan Malaysia yang menyertai rombongan telah berjaya mengenalpasti rakan-rakan kongsi dan sedang mengambil tindakan untuk mendaftarkan syarikat mereka.

Disamping itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengadakan sesi-sesi taklimat untuk memaklumkan sektor swasta mengenai peluang-peluang di bidang perdagangan dan binaan, cara-cara menyertai projek-projek pemulihan di Kuwait serta rancangan-rancangan Kerajaan Kuwait untuk memulihkan dan membangunkan semula negara tersebut. Kementerian ini juga dari masa ke semasa mengedarkan maklumat-maklumat terbaru mengenai peluang-peluang pasaran di Kuwait kepada sektor swasta dan Dewan-Dewan Perdagangan dan Perindustrian tempatan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang membuat persediaan untuk menyertai pameran "Re-Build Kuwait '91" yang akan diadakan di Bahrain pada 2-7 November, 1991. Di samping itu, Kementerian juga menggalakkan sektor swasta supaya mengadakan lawatan ke Kuwait. Kementerian ini dan Pejabat Perdagangan Malaysia di Kuwait sedia membantu pihak-pihak yang ingin melawat Kuwait dalam mengatur program lawatan dan pertemuan-pertemuan perdagangan di Kuwait.

#### **JALAN RAYA BINTULU—TUBAU**

**30. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kementerian bercadang membina jalan raya dari Bintulu ke Belaga dan bilakah pembinaan ini akan bermula.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ada rancangan untuk membina jalan raya dari Bintulu ke Tubau di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Sebahagian jalan tersebut dari persimpangan Jalan Bintulu/Miri ke Bandar Labang dijangka akan dibina pada akhir tahun 1992.

#### **JAMBATAN MENYAMBUNGAN TRONOH MINES DAN KAMPUNG TIMAH**

**31. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar jambatan yang menyambungkan Tronoh Mines dan Kampung Timah, negeri Perak Darul Ridzuan di atas sungai Kinta telah rosak selama beberapa bulan dan sekarang dalam keadaan yang amat merbahaya kepada keselamatan orang ramai, jika ya, langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaikinya serta merta.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan dan jambatan yang menyambungkan Tronoh Mines dan Kampung Timah adalah jalan negeri di bawah jagaan Pejabat Daerah Kinta. Kementerian saya telah difahamkan bahawa jambatan ini yang uzur dan rosak akibat banjir telahpun diperbaiki oleh pihak Pejabat Daerah. Di samping itu sebagai langkah keselamatan, Pejabat Daerah telah memasang tanda had kenderaan berat tidak melebihi 3 tan.

#### **PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH—BANCIAN**

**32. Tuan Philip Yong Chew Lip** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Federal Task Force) telah menjalankan bancian Pendatang Tanpa Izin di Negeri Sabah. Sehubungan dengan itu berapakah jumlah Pendatang Tanpa Izin yang telah dihantar balik ke

negara asal mereka sepanjang tahun 1990 hingga 1991. Adakah sebarang tanda yang menunjukkan berkurangnya penduduk asing di Negeri Sabah sejak bancian tersebut dijalankan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Pasukan Petugas Khas Persekutuan telah melancarkan operasi pencegahan dan pengusiran terhadap Pendatang Tanpa Izin sepanjang masa. Dalam tahun 1990 jumlah yang ditangkap ialah seramai 12,289 orang dan dari jumlah tersebut seramai 7,223 orang telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing. Bagi tahun 1991 pula, sehingga bulan April, jumlah yang ditangkap adalah seramai 3,872 orang dan dari jumlah tersebut seramai 2,485 orang telah dihantar pulang ke negara asal mereka.

Pasukan Petugas Khas ini tidak dapat memastikan dengan jelas sama ada jumlah Pendatang Luar Negeri di Sabah bertambah ataupun berkurangan kerana jumlah sebenar Pendatang Luar Negeri di sini masih belum diketahui. Gerakan Banci dan Pendaftaran yang dikendalikan oleh Pasukan Petugas Khas ini masih belum selesai dan sedang berjalan sekarang. Walau bagaimanapun, Pasukan Petugas Khas ini percaya bahawa semenjak operasi penangkapan dan pengusiran dipertingkatkan, ianya telah memberi kesan terhadap kemasukan dan kehadiran Pendatang Tanpa Izin ke negeri ini. Malahan semenjak operasi-operasi tersebut dipertingkatkan, terdapat sejumlah besar Pendatang Tanpa Izin yang balik secara sukarela ke negara asal masing-masing. Sehingga sekarang ini, lebih daripada 7,000 orang Pendatang Tanpa Izin yang telah berbuat demikian.

#### EAEG—PENDIRIAN ASEAN

**33. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan Perdana Menteri Jepun, Encik

Toshiki Kaifu ke Malaysia baru-baru ini berkaitan dengan EAEG yang dicadangkan oleh Malaysia. Nyatakan butir-butir persetujuan yang dicapai sama ada:

- (a) melibatkan sokongan pelabur-pelabur dari Jepun;
- (b) bantuan latihan dan teknologi tinggi negara itu kepada Malaysia; dan
- (c) jaminan perlindungan sekiranya mendapat tekanan atau saingan dari Amerika Syarikat dengan dasar 'Dunia Order Baru'nya.

Jika positif, nyatakan juga mengapa Perdana Menteri mengambil cuti tergesa-gesa ketika Encik Kaifu masih dalam lawatan ke negara ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Lawatan Perdana Menteri Jepun, Encik Kaifu, ke Malaysia dari 27 hingga 29 April 1991 adalah sebahagian daripada lawatan rasminya ke negara-negara ASEAN. Semasa lawatan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun, yang meliputi isu-isu hubungan dua-hala, serantau dan antarabangsa, termasuk EAEG.

Mengenai EAEG, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan kepada Perdana Menteri Jepun tentang konsep dan tujuan EAEG. Beliau menegaskan bahawa EAEG bukannya satu blok perdagangan tetapi sebaliknya bertujuan memastikan agar perdagangan bebas antarabangsa diteruskan. Perdana Menteri Jepun mengatakan beliau memahami latar-belakang dan sentimen disebalik inisiatif Malaysia ini dan meminta supaya dimaklumkan tentang perkembangan-perkembangan selanjutnya terutama mengenai pendirian ASEAN terhadapnya.

Dalam perbincangan mereka, kedua-dua Perdana Menteri telah menumpukan perhatian ke atas hubungan dua-hala terutama hubungan perdagangan, kerjasama ekonomi dan kerjasama teknik. Sumbangan pelaburan Jepun di dalam proses perindustrian dan ekonomi pembangunan Malaysia telah diakui. Perdana Menteri Jepun telah berjanji bahawa Jepun akan meneruskan bantuan latihan, teknik dan kewangan kepada Malaysia.

Mengenai perdagangan antara-bangsa, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju bahawa dasar protectionisma hendaklah dielakkan kerana ianya bercanggah dengan sistem perdagangan bebas antarabangsa.

Bagi menjawab bahagian terakhir soalan Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa cuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dijadualkan sebelum lawatan Perdana Menteri Jepun dicadangkan. Namun demikian, kedua-dua pihak bersetuju bahawa lawatan itu boleh dibuat kerana aspek-aspek substantif lawatan itu, iaitu upacara sambutan rasmi, perbincangan di antara kedua-dua Perdana Menteri dan jamuan rasmi untuk meraikan Perdana Menteri Jepun, dapat dilancarkan pada hari pertama lawatan itu, sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memulakan cutinya.

#### MAS—TAMBANG KE SABAH/ SARAWAK

**34. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak mengkaji semula tambang Integrasi Sabah-Sarawak-Semenanjung ke tahap yang lebih rendah daripada yang ada sekarang iaitu 50 peratus dari tambang biasa kerana terdapat juga satu tambang khas dari Sabah ke Semenanjung \$386.00 hanya memerlukan 3 orang kumpulan minima.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah pun menyediakan berbagai tambang promosi, bagi membolehkan penumpang-penumpang membuat perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak dan sebaliknya. Tambang-tambang promosi yang disediakan ada memberikan diskaun kepada penumpang-penumpang yang berkecukupan diantara 10%-50% dari tambang penuh. Memandangkan terdapatnya tambang-tambang promosi ini, Kementerian Pengangkutan tidak bercadang mengkaji semula tambang-tambang diantara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak buat masa ini.

#### PENSWASTAAN POLITEKNIK

**35. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk mengswastakan politeknik-politeknik yang sedia ada.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi mempunyai rancangan bagi mengswastakan politeknik-politeknik yang sedia ada. Walau bagaimanapun Kementerian sedang memberi perhatian dan mengkaji perkara ini dengan teliti.

#### PROJEK MENAMBAK LAUT

**36. Dato' Haji Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perkembangan projek penambak laut sepanjang Pantai Barat Semenanjung dan berapakah anggaran pembinaannya.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Rancangan untuk mengadakan projek menambak laut di kawasan-kawasan yang sesuai di sepanjang Pantai Barat Semenanjung masih dalam kajian Kerajaan. Rundingan telah pun diadakan

dengan pihak Japanese International Cooperation Agency (JICA) bagi mendapatkan khidmat pakar untuk menjalankan kajian mengenai rancangan ini. Syarat-syarat rujukan (terms of reference) bagi kajian tersebut telah pun dikemukakan kepada agensi berkenaan untuk dipersetujui.

Walau bagaimanapun, terdapat Kerajaan-Kerajaan Negeri tertentu yang mengambil inisiatif sendiri melaksanakan projek tebusguna tanah pantai yang dijalankan secara penswastaan. Negeri-negeri tersebut adalah terdiri dari Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah.

#### KERAHAN TENAGA RAKYAT

37. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang akan menguatkuasakan semula Kerahan Tenaga Rakyat. Jika ada bila ianya akan diadakan. Jika tidak, mengapa tidak dikuatkuasakan semula.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Berdasarkan keadaan negara sekarang yang aman dan stabil, Kerajaan berpendapat tidak ada keperluan setakat ini untuk menguatkuasakan semula Kerahan Tenaga Rakyat. Kerajaan penuh yakin dengan keupayaan pasukan-pasukan keselamatan negara yang ada, dengan dibantu oleh anggota-anggota unit-unit sokongan seperti RELA, Pertahanan Awam dan lain-lain anggota organisasi sukarela yang ada dalam negara dalam menghadapi sebarang bentuk bencana dan ancaman yang mungkin timbul.

#### MANGSA TRAGEDI EKSPRES JUMBO

38. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sama ada Kementerian ingin membayar ganti rugi kepada

mangsa-mangsa tragedi "Ekspres Jumbo" di Kanowit, Sungai Rajang, pada bulan Januari 1991.

- (b) sama ada Kementerian ingin mengenakan kawalan ketat mengenai undang-undang dan peraturan sebelum mengeluarkan lesen kepada pengusaha.
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi kemalangan sebegini pada masa hadapan kelak.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Pihak Kementerian tidak akan membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa tragedi "Ekspres Jumbo" di Kanowit, sebaliknya saudara mara mangsa tragedi boleh menuntut ganti rugi daripada syarikat-syarikat bot ekspres yang berkenaan.
- (b) Kementerian akan mengkaji syarat-syarat dan peraturan yang dikenakan bagi lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sarawak dan jika perlu pihak Kementerian akan memperketatkan syarat dan peraturan yang dikenakan.
- (c) Untuk mengurangkan atau mengelakkan kemalangan, pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah berikut:
- (i) mengadakan rondaan dan operasi penguatkuasaan di sungai-sungai di Sarawak ke atas bot-bot ekspres, kapal-kapal kargo dan lain-lain kenderaan air yang dilesenkan di bawah kuasa Jabatan Laut Sarawak;
  - (ii) mengeluarkan notis pelaut dan lain-lain arahan dari semasa

kesemasa kepada tuanpunya-tuanpunya kapal, juragan dan operator bot-bot ekspres dan juga kapal-kapal kargo;

- (iii) mengadakan kawalan dan pemeriksaan yang rapi keatas bot-bot ekspres dan kapal-kapal kargo pada setiap kali pemeriksaan tahunan yang dijalankan; dan
- (iv) menekankan subjek-subjek keselamatan dalam setiap peperiksaan sijil-sijil juragan dan lain-lain sijil berkaitan yang dijalankan oleh Jabatan ini dari semasa kesemasa.

#### **PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI PULAU JEREJAK**

**39. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bila Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak akan dipindahkan ke tempat lain. Sila beri butir-butir berkenaan dengan pindaan ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang hampir sama telahpun saya jawab pada 18.6.1991 yang lalu iaitu bagi menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Oleh itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### **BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH—PENGUASAAN**

**40. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab-sebab berlakunya kemerosotan penguasaan

Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar dan apakah usaha-usaha Kementerian memperbaiki keadaan tersebut.

**Dr Fong Chan Onn:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu matapelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai telahpun dijawab sekaligus pada 17.6.91. Oleh itu tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

#### **LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH—PEMBATALAN PENERBANGAN**

**41. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagi tempoh 1.1.1990 hingga sekarang, berapa kali berlakunya kelambatan dan pembatalan penerbangan di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh dan apakah sebab-sebabnya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Bagi tempoh Januari 1990 hingga Mei 1991 terdapat sebanyak 32 pembatalan penerbangan dan 348 kes kelewatan penerbangan yang berlaku di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara sebab-sebab berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan adalah kerana:

- (a) kerosakan pesawat;
- (b) kelewatan operasi pesawat;
- (c) keadaan cuaca buruk di Ipoh;
- (d) kerosakan alat pendaratan pesawat;
- (e) kesukaran mendarat di waktu malam;
- (f) kekurangan anak-anak kapal.

**JAWATANKUASA  
PEMBANGUNAN KUALA  
LUMPUR**

**42. Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri:

- (a) peranan dan tugas sebuah jawatankuasa khas Kabinet untuk mengkaji pembangunan masa depan Kuala Lumpur. Apakah sebab munasabah yang menyegerakan penubuhan jawatankuasa tersebut.
- (b) siapakah yang mengetuai dan menganggotai jawatankuasa tersebut; dan
- (c) sama ada jawatankuasa telah mengenalpasti bidang atau ruang lingkungan tugasnya yang dicadangkan untuk mengkajinya dan setakat ini apakah masalah yang wujud dalam Wilayah Persekutuan yang telah menarik perhatian jawatankuasa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):**

- (a) Jawatankuasa Pembangunan Kuala Lumpur ditubuhkan untuk mengawasi dan memandu supaya perancangan dan pelaksanaan pembangunan semasa dan masa depan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya yang lebih teratur, bersih, selesa dan sesuai dengan pertumbuhan negara. Penubuhan Jawatankuasa ini disegerakan disebabkan masalah-masalah pembangunan yang telahpun dan akan wujud seperti kesan dari kekurangan infrastruktur oleh pembangunan kondominium dan gedung-gedung perniagaan, kesan kesesakan lalulintas, kesan pencemaran udara dan masalah-masalah sosio-ekonomi yang wujud dari pembangunan yang terlalu pesat.

- (b) Jawatankuasa ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan dianggotai oleh 6 Menteri-menteri Kabinet yang lain iaitu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Menteri Besar Selangor, Ketua Setiausaha Negara dan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

- (c) Jawatankuasa telah mengenalpasti bidang tugas untuk mengkaji isu-isu seperti mengenai pelan perspektif Kuala Lumpur, sistem pengangkutan dan lalulintas, pembinaan infrastruktur seperti jalanraya, perparitan dan pementongan, pencemaran alam sekitar, masalah setinggian dan industri haram dan sebagainya. Setakat ini masalah pembangunan kondominium dan gedung-gedung perniagaan, masalah setinggian dan masalah pencemaran alam sekitar telah menarik perhatian Jawatankuasa.

**JALAN KERETAPI DUA  
SALUR—PEMBINAAN**

**43. Tuan Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kedudukan pembinaan jalan keretapi dua salur dan bilakah dijangka siap sepenuhnya; dan
- (b) adakah pemborong-pemborong binaan tempatan mengambil bahagian dalam pembinaan ini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Kerja-kerja Projek Landasan Berkembar dari Rawang ke Seremban dan Kuala Lumpur ke Pelabuhan Klang termasuk landasan ke Sentul dan ke Lapanganterbang Subang telah dimulakan dan keseluruhan projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1993.
- (b) Pemborong-pemborong binaan tempatan ada mengambil bahagian dalam projek ini sama ada sebagai Kontraktor Utama atau Sub-Kontraktor dalam projek ini.

**MAS—NAMA PEMEGANG SAHAM**

**44. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sila turunkan nama-nama pemegang saham MAS, jumlah dan peratus saham masing-masing;

| <i>Pemegang Saham</i>                                     | <i>Saham</i> | <i>Peratus (%)</i> |
|---|--------------|--------------------|
| 1. Bank Negara Malaysia                                   | 149,999,996  | 45.000             |
| 2. Brunei Investment Agency                               | 35,000,000   | 10.000             |
| 3. Pemegang Amanah Raya Malaysia (Amanah Saham Nasional)  | 17,992,000   | 5.141              |
| 4. State Financial Secretary Sarawak                      | 17,500,000   | 5.000              |
| 5. State Secretary Sabah                                  | 17,500,000   | 5.000              |
| 6. Pemegang Amanah Raya Malaysia (Amanah Saham Bumiputra) | 10,000,000   | 2.857              |
| 7. Hongkong & Shanghai Bank (SIN)                         | 9,246,300    | 2.642              |
| 8. Bank Simpanan Nasional                                 | 7,417,000    | 2.119              |
| 9. Cartaban (Malaya) Nominees                             | 6,706,000    | 1.916              |
| 10. Chase Manhattan (SIN) Nominees                        | 4,645,000    | 1.327              |

- (b) banyak pihak berminat memiliki saham MAS dan benarkah MAS menghalang usaha Fleet Group menguasai syarikat penerbangan itu; mengapa;
- (c) adakah benar Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman bersara awal sebagai tenaga utama MAS ada hubungan dengan usaha menguasai saham syarikat itu.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Berdasarkan kepada urusanniaga saham Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 7 Jun 1991 lalu, kedudukan jumlah sahamnya adalah seperti berikut:

|  |               |
|--|---------------|
| Pemegang saham utama (melebihi 10,000) | — 512         |
| Jumlah pemegang saham                  | — 12,708      |
| Jumlah saham                           | — 350,000,000 |

Nama-nama 10 pemegang saham yang paling utama berdasarkan kepada urusanniaga saham pada 7 Jun 1991, adalah seperti berikut:

- (b) Adalah tidak benar bahawa MAS menghalang usaha mana-mana pihak termasuk Fleet Group untuk memiliki saham MAS.
- (c) Bagi jawapan (c), adalah tidak benar persaraan Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, ada hubungkait dengan usaha-usaha untuk menguasai saham MAS. Tambahan pula, isu mengenai terdapatnya pihak-pihak tertentu yang berusaha untuk menguasai saham MAS tidak berbangkit, kerana saham tersebut telahpun disenaraikan di Bursa Saham tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman, sebenarnya telahpun mencapai umur bersara pada Oktober, 1988 yang lalu. Walau bagaimanapun perkhidmatan beliau telah dilanjutkan sehingga Oktober 1991. Pada tarikh ini umur beliau menjangkau 58 tahun.

#### **INSTITUT BERAKAN—OPERASI MEROBOHKAN**

**45. Tuan Mohamad bin Sabu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa telah berlaku penyalahgunaan kuasa polis dengan menggunakan Unit Anjing terhadap pelajar-pelajar Islam ketika menjalankan tugas dalam operasi merobohkan Institut Berakan, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu oleh pihak Pejabat Tanah dan Daerah dan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pada 2hb Mac, 1991; dan
- (b) apakah penjelasan Kementerian mengenai penggunaan Unit Anjing Polis itu memandangkan ketika dalam sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu baru-baru ini pihak Kerajaan

Negeri enggan bertanggungjawab terhadap penggunaan Unit tersebut oleh pasukan polis Kuala Terengganu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, dalam operasi merobohkan Institut Berakan, Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu oleh Pejabat Tanah dan Majlis Perbandaran, pihak Polis tidak pernah menggunakan Unit Pengesan sebagaimana yang ditohmahkan. Unit Pengesan yang berada di seberang jalan adalah secara kebetulan ketika mereka sedang menjalankan rondaan pencegah jenayah.
- (b) Memandangkan penugasan anjing itu dibuat oleh Polis sebagai rondaan biasa bagi tujuan pencegahan jenayah maka soal tanggungjawab Kerajaan Negeri Terengganu tidaklah timbul.

#### **LESEN SYARIKAT PELANGI PRIMA SDN BHD**

**46. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bagaimana dan di bawah peruntukan kuasa apakah Lembaga Tembakau Negara boleh meluluskan Lesen Pengawet Tembakau TAPM serta ditambah lagi dengan kuota insentif kepada Syarikat Pelangi Prima Sdn. Bhd.;
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa syarikat ini masih belum lagi memulakan operasinya dan baru sahaja mengemukakan permohonan kepada Majlis Daerah Tumpat untuk mendirikan bangunan, mengawet tembakau; dan

(c) adakah Kementerian bercadang untuk menarik balik kelulusan pengawet daripada syarikat tersebut jika sekiranya ia didapati melanggar peraturan.

(c) Pengawet tersebut belum melanggar mana-mana peraturan atau syarat LTN dan tidak ada sebab untuk menarik balik lesen syarikat tersebut.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yeik:**

- (a) Lesen bagi Syarikat Pelangi Prima Sdn. Bhd. diluluskan oleh LTN mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Akta LTN. Ianya melibatkan pengambilan alih dan pemindahan tapak sebuah syarikat yang sedia ada yang dilesenkan oleh LTN sebagai seorang pengawet berlesen. Dalam menimbang lesen ini, pihak Kementerian berpuas hati bahawa segala peraturan LTN dipatuhi. Kuota insentif dipertimbangkan bagi syarikat ini setelah diambilkira keupayaan pelesen baru serta bagi memberi peluang kepada syarikat yang kecil untuk beroperasi di paras kuota yang lebih ekonomik dan viable.
- (b) Kementerian sedar bahawa syarikat ini belum dapat beroperasi di tapak yang dilesenkan kerana sedang menunggu kelulusan daripada Majlis Daerah Tumpat. Semasa menimbang lesen bagi syarikat ini, LTN dimaklumkan bahawa Majlis Daerah Tumpat tiada apa halangan di atas hasrat syarikat untuk mendirikan stesen awet di atas tapak yang dipohonkan itu. Adalah diharapkan bahawa pihak berkuasa berkenaan di negeri Kelantan dapat menimbang kelulusan tapak bagi syarikat ini memandangkan bahawa apa-apa kelewatan akan menjejaskan peluang untuk rakyat tempatan menikmati peluang pekerjaan dan ekonomi daripada pelaburan oleh pengusaha berkenaan.

**MEDIA MENYIARKAN BERITA YANG BENAR/BERASAS**

**47. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kementerian tiada tanggungjawab memastikan pihak media khususnya akhbar, radio dan televisyen menghormati kebenaran dan oleh itu terus membiarkan pembbohongan mengenai UMNO Baru umpamanya UMNO Baru dilahirkan pada Februari 1988 maka bukan berumur 45 tahun.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi semua akhbar tempatan dan luar negeri supaya menyiarkan berita-berita yang benar dan berasas. Kementerian ini hanya dapat mengambil tindakan terhadap penerbit, pencetak, penyunting dan penulis sekiranya penulisan yang disiarkan itu menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara atau bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

**PEMBALAKAN DI SARAWAK**

**48. Tuan Harrison Ngau Liang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat manakah rekomendasi-rekomendasi hasil kajian yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Negeri, Jabatan Hutan dan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak pada tahun 1987 telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat tempatan dari kegiatan pembalakan di Negeri Sarawak.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yeik:**  
Sekali lagi Ahli Yang Berhormat dari Baram membangkitkan perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Saya difahamkan bahawa kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak dan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak pada tahun 1987 itu, adalah bertujuan mengenalpasti program-program pembangunan khusus bagi kaum Penan di Sarawak, dan tidak meliputi masyarakat tempatan lain sebagaimana dibayangkan di dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat. Kajian tersebut memperakukan supaya satu program pembangunan bagi kaum Penan digubal untuk, antara lain:

- (a) membantu mereka menyesuaikan diri kepada cara hidup yang lebih tetap;
- (b) memberi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan asas seperti sekolah, kesihatan dan pertanian, kepada mereka, dan
- (c) membantu mereka di dalam pengeluaran hasil kraftangan.

Selaras dengan perakuan-perakuan yang telah disebutkan, Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan projek-projek berikut:

(a) *Penubuhan Pusat-Pusat Perkhidmatan Penan*

Sebuah pusat berkenaan telah didirikan di Lusong Laku, Daerah Belaga dan telahpun beroperasi. Dua lagi pusat di Long Kerok dan Batu Bungan masih dalam pelaksanaan. Sungai Silat di Daerah Baram dan Sungai Peliaran di Daerah Belaga telah dikenalpasti sebagai lokasi bagi dua buah lagi pusat-pusat perkhidmatan untuk kaum Penan.

(b) *Penubuhan Pasukan Sukarela Penan*

Penubuhan pasukan ini adalah bertujuan membimbing kaum Penan menyertai program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Sejak 1989, seramai 18 orang belia daripada kaum Penan telah dilantik menjadi sukarelawan dan bertugas di beberapa kawasan penempatan kaum Penan.

**PERUMAHAN TERBENGKALAI—  
MELINDUNGI PEMBELI**

**49. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah praktikal yang telah diambil untuk melindungi para pembeli rumah dan mengelakkan projek perumahan terbengkalai; dan
- (b) apakah Kerajaan berhasrat untuk mengubahsuai fungsi Jabatan Perumahan Negara yang lebih bersifat melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran kepada suatu perbadanan yang lebih mencabar peranannya, khusus untuk menangani masalah perumahan ini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk tujuan melindungi kepentingan para pembeli rumah serta mengelakkan projek perumahan daripada terbengkalai. Langkah-langkah tersebut adalah termasuk menguatkuasakan peraturan akaun pemajuan perumahan yang bertujuan untuk memastikan

bahawa semua wang yang diperolehi oleh pemaju daripada pembeli-pembeli rumah dan pinjaman daripada pembiaya (bridging financier) digunakan hanya untuk maksud memajukan sesuatu projek perumahan dan tidak digunakan untuk maksud yang lain. Di samping itu Kementerian ini sedang mengambil tindakan untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 bagi tujuan memperkemas kawalan dan penguatkuasaan ke atas industri perumahan.

- (b) Pengubahsuaian peranan Jabatan Perumahan Negara dari masa ke semasa memang ada dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan program perumahan sektor awam.

Cadangan mengubahnya menjadi sebuah perbadanan sedang dikaji. Apabila ada keputusan yang konkrit, ianya akan dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan bersama.

#### **TAPAK BALAI BOMBA DI PUCHONG**

**50. Dr V. David** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah benar iaitu, sebuah syarikat perumahan telah memperuntukkan tanah seluas 3 ekar di Puchong untuk didirikan sebuah Balai Bomba; dan
- (b) jika ianya benar, adakah Kementerian berhasrat dan bilakah Kementerian akan memperuntukkan wang untuk pembinaan Balai Bomba ini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Memang benar ada satu pemaju perumahan telah menyediakan sebidang

tanah bagi tapak Balai Bomba di Puchong, Selangor bagi memenuhi syarat-syarat perancangan Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Tetapi tanah ini belum lagi diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan proses pendaftaran atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dapat diambil.

Jabatan Bomba ada cadangan untuk membina sebuah Balai Bomba di tapak yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, perancangan hanya dapat dibuat selepas masalah title tanah diselesaikan.

#### **INDUSTRI DI KAWASAN PEMBANGUNAN WILAYAH**

**51. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) prestasi dan kejayaan dalam mewujudkan industri-industri dan apakah jenis-jenis industri yang terdapat di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah; dan
- (b) jika prestasinya tidak menggalakkan, apakah langkah-langkah dan galakan-galakan yang khusus untuk menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk melabur di kawasan Pembangunan Wilayah; dan
- (c) khususnya, apakah prestasi dan kejayaan pembangunan industri bagi kawasan Pembangunan Pahang Tenggara atau DARA.

**Tuan Chua Jui Meng:**

- (a) Kejayaan usaha mewujudkan industri di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah dapat dilihat dari terdapatnya setakat ini 533 buah industri yang telah berjaya didirikan di kawasan-kawasan tersebut. Jenis-jenis

industri yang terlibat adalah berbagai-bagai, termasuk yang berasaskan sumber tempatan seperti perikanan, kelapa sawit dan getah. Selain daripada itu, kilang-kilang berteknologi tinggi juga dibangunkan berdekatan dengan sumber-sumber pemasaran seperti di KEJORA, PERDA dan KEDA.

(b) Galakan-galakan khusus untuk menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk melabur di kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan lot-lot industri;
- (ii) mendirikan dan menyewakan bangunan-bangunan industri;
- (iii) memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan; dan
- (iv) menggalakkan industri-industri tertentu bertempat di satu-satu kawasan spesifik berasaskan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di wilayah tersebut.

(c) Setakat ini di kawasan pembangunan Pahang Tenggara sudah tentulah DARA mahukan lebih banyak lagi industri-industri untuk kawasannya. Untuk menggalakkan pertumbuhan industri dengan lebih pesat, insentif khas yang disediakan oleh DARA adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian dari kos pembangunan tanah;
- (ii) pengecualian dari sewa pintu (quit rent) untuk 2 tahun;
- (iii) tempoh pembayaran harga tanah diantara 5-10 tahun;

- (iv) kos tanah M\$0.10 setiap kaki persegi untuk 15 buah kilang pertama dan selepas itu M\$0.50 setiap kaki persegi.

#### **TAMAN SINARAN HARAPAN KUALA KUBU BARU—KES TERENCAT AKAL**

**52. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bagaimana penghuni terencat otak di Taman Sinaran, Kuala Kubu Baru telah dibiarkan bogel dan tangan mereka diikat ke katil mereka apabila Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan keinginan untuk mencipta sebuah masyarakat penyayang;
- (b) apa yang telah dilakukan untuk memperbaiki keadaan di situ; dan
- (c) apa yang telah dilakukan untuk menerangkan skandal ini yang telah disebarakan ke seluruh dunia.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Sinaran Harapan Kuala Kubu Baru ialah sebuah institusi yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat khas untuk kes-kes terencat akal yang paling teruk dan oleh sebab itu ada di antara penghuni-penghuninya yang:
  - (i) memerlukan kawalan penuh masa kerana mereka mungkin akan mencederakan diri sendiri dengan menghantukkan kepala di dinding, pintu dan sebagainya;

- (ii) makan barang-barang yang merbahaya seperti getah tilam, najis, pakaian dan sebagainya; atau
- (iii) suka menanggalkan pakaian mereka.

Dalam kes-kes yang teruk seperti ini, mereka perlu diikat dengan kain lembut ke katil untuk mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi. Tindakan ini adalah diambil demi keselamatan penghuni-penghuni yang berkenaan dan bukanlah satu perbuatan penganiayaan terhadap kanak-kanak tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan ini bukanlah satu perkara yang luar biasa dan memang menjadi amalan di institusi-institusi yang sama di luar negeri.

- (b) Kemudahan dan perkhidmatan di Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baru telah dikaji semula dan didapati bahawa pada keseluruhannya adalah memuaskan.
- (c) Penjelasan yang lengkap mengenai perkara ini telah diberi kepada Kementerian Luar Negeri untuk disebarkan ke luar negeri.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG RELIF SPESIFIK (PINDAAN)

##### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Relif Spesifik 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

### RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)—MENARIK BALIK

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) yang telah dibuat bacaan kali pertama di Dewan ini pada 20hb Jun, 1991.

### USUL

#### RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan semangat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh. (18hb Julai, 1991)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pertahanan sudah selesaikah atau belum?

**Seorang Ahli:** Sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sudah. Kementerian Kesihatan.

4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa pandangan dan teguran yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan tentang kekurangan doktor dan juga bimbang tentang cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya doktor-doktor diizinkan bekerja secara 'part-time' dan dengan itu kemungkinan berlaku conflict of interest, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian Kesihatan sedang dan masih mengkaji kemungkinan membenarkan doktor-doktor Kerajaan merawat pesakit-pesakit persendirian selepas waktu pejabat. Memandangkan kepada banyak implikasi dari segi peraturan semasa yang dikenakan keatas

doktor-doktor tersebut dan juga keperluan pesakit-pesakit sepenuh masa di hospital-hospital Kerajaan, maka Kerajaan perlu meneliti dan mempertimbangkan serta mengambil kira semua aspek sebelum mengambil apa-apa keputusan. Ini termasuklah juga isu-isu yang berkaitan yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas.

Ahli Yang Berhormat juga memohon supaya diadakan dua buah klinik desa setahun di kawasan Pasir Mas dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan merancang membina Klinik Desa di kawasan luar bandar berasaskan kepada keperluan penduduk di kawasan yang berkenaan. Biasanya sebuah Klinik Desa dibina untuk memberi perkhidmatan kepada 4,000 orang penduduk luar bandar. Pada masa ini jajahan Pasir Mas mempunyai sejumlah 25 Klinik Desa. Ini bermakna bahawa jajahan ini mempunyai satu Klinik Desa bagi tiap 1,600 penduduk dan melebihi norma yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan. Kemudahan-kemudahan kesihatan lain yang disediakan untuk jajahan ini termasuklah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar ya, Ahli dari Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sedikit, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sebagai makluman iaitu bila disebut 25 klinik untuk Pasir Mas itu termasuk kawasan Parlimen Rantau Panjang. Nanti orang ingat itu bagi kawasan Parlimen Pasir Mas sahaja.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kita berdasarkan kepada jajahan.

Kemudahan-kemudahan kesihatan lain yang diadakan untuk jajahan ini-jajahan ini, bukan kawasan Parlimen Yang Berhormat sahaja -ialah:

- (a) 1 Pejabat Kesihatan;
- (b) 3 Pusat Kesihatan Besar; dan
- (c) 2 Pusat Kesihatan Fasa Satu.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk jajahan Pasir Mas, projek-projek berikut telah juga diluluskan iaitu:

- (a) 2 Pusat Kesihatan (Naik Taraf); dan
- (b) 1 Pejabat Kesihatan.

Jikalau ada keperluan untuk ditambah klinik desa di masa-masa hadapan, ini akan dicadangkan dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu merakamkan rasa tidak puas hati kerana tidak ada peruntukan diberi bagi membina sebuah hospital baru di Bintulu. Adalah menjadi polisi Kementerian Kesihatan sejauh mana yang boleh menyediakan satu hospital bagi setiap daerah. Keutamaan diberi kepada daerah-daerah yang belum mempunyai hospital dan menggantikan hospital-hospital yang mana kegunaannya telahpun bertambah. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan telah disediakan bagi pembinaan 6 buah hospital untuk negeri Sarawak. Projek Hospital Daerah Bintulu akan dipertimbangkan semasa penyediaan kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga membangkitkan tentang pembangunan. Beliau meminta supaya kemudahan kesihatan dipertingkatkan dengan lebih meluas di Sabah dan

bangunan-bangunan dispensari Kerajaan yang ada sekarang perlu diganti dengan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa peka kepada keadaan dispensari-dispensari di Sabah. Tiap-tiap tahun peruntukan dikhaskan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan yang rosak dan perlu diperbaiki dan bagi tahun ini di bawah Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$8.189 juta diluluskan untuk kerja-kerja pembaikan kemudahan-kemudahan kesihatan di Sabah termasuk dispensari-dispensari. Selain dari itu kemudahan-kemudahan diganti bila perlu atau diubahsuai mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, Pusat Kesihatan Sipitang telahpun siap diganti dengan tapak dan bangunan yang baru dan Pusat Kesihatan Kuala Penyu telah dinaikkan taraf dengan kemudahan tambahan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, banyak projek kesihatan baru akan dilaksanakan untuk menyediakan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan yang lebih berkesan. Peruntukan \$210 juta telahpun disediakan untuk projek-projek tersebut dan kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar.

Untuk kesihatan luar bandar 40 projek telahpun diluluskan .Di antaranya ialah:

- 10 Pusat Kesihatan Fasa I.
- 5 Pusat Kesihatan, dan
- 5 Pejabat Kesihatan.

Tiap-tiap projek ini mempunyai komponen kenderaan terutama ambulan untuk perkhidmatan pesakit-pesakit. Peruntukan sejumlah \$3.4 juta telah disediakan khusus bagi negeri Sabah untuk pembelian kenderaan termasuk ambulan.

Untuk Pusat Kesihatan yang lama, ambulans akan diganti mengikut keadaan kenderaan-kenderaan tersebut.

Menyentuh tentang kemudahan-kemudahan pakar di Hospital Ratu Elizabeth atau Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu, dimaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan pakar di hospital ini sedang dipertingkatkan dalam Perancangan Induk dengan anggaran kos \$26 juta. Projek ini adalah di bawah pinjaman Bank Pembangunan Asia dan sedang dalam peringkat penilaian oleh perunding. Perancangan Induk ini termasuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan di hospital tersebut dengan komponen-komponen berikut:

Menaikkan taraf kemudahan wad-wad perubatan dan kanak-kanak;

Mengadakan kemudahan radioterapi untuk pesakit-pesakit barah; dan

Menyediakan kemudahan penyiasatan CT Scan dalam kepakaran radiologi.

Selain daripada itu, hospital ini akan dilengkapi dengan sebuah poliklinik yang baru dengan kemudahan klinik-klinik pakar dengan anggaran kos \$12.5 juta.

Ahli yang Berhormat dari Kota Belud membangkitkan tentang masalah ketiadaan tempat tinggal yang dihadapi oleh pengiring-pengiring pesakit dari Sarawak ketika berada di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar akan kesulitan penginapan oleh pengiring-pengiring pesakit yang dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kemudahan ini hanya dapat disediakan kepada ibu-ibu yang mengiringi anak-anak mereka sahaja yang dimasukkan ke wad, tidak kepada pesakit-pesakit dewasa sebab ini adalah berkaitan dengan masalah kekurangan kemudahan tersebut.

Bagi pengiring-pengiring dari Sarawak pula, kita mengesyorkan supaya mereka memohon untuk tinggal

sementara di Rumah Sarawak dan terpulanglah kepada budibicara dan pertimbangan pihak Rumah Sarawak untuk meluluskannya ataupun tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit meminta supaya peruntukan diberi untuk tujuan pembinaan lebih banyak lagi klinik desa, hospital daerah dan poliklinik di kawasan-kawasan pedalaman, terutamanya membina sebuah Hospital Daerah di Song, Bahagian Kapit di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$24,845,000 telahpun disediakan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar dan sebanyak \$27,332,000 bagi pembinaan Hospital Daerah di Betong, Simunjan dan Daro. Hospital Daerah Bau yang telah siap dibina pada bulan Mac 1991 telah bermula perkhidmatannya.

Pada masa ini kemudahan di Pusat Kesihatan Song telahpun dinaiktaraf dan seorang pegawai perubatan akan ditempatkan di sana. Perlaksanaan projek Hospital Daerah Song akan dipertimbangkan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam nanti.

Masalah-masalah pembangunan juga telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang Berhormat dari Padas dan Tuaran.

Ahli Yang Berhormat dari Padas meminta supaya pembinaan klinik-klinik dan pusat kesihatan dipercepatkan, terutamanya hospital Sipitang. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta supaya Hospital Tuaran diperbesarkan supaya seimbang dengan jumlah penduduk dan keluasan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha supaya projek-projek yang dirancang dilaksanakan secepat mungkin kerana kelewatan akan menyebabkan kenaikan kos pembinaan dan peralatan.

Kelewatan juga akan menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar kos komitmen pada projek-projek dari pinjaman luar seperti Bank Pembangunan Asia. Dengan kesedaran ini, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha supaya pelaksanaan berjalan dengan lancar dan licin.

Perlaksanaan pembinaan hospital juga adalah satu bidang kerja yang memerlukan kemahiran dalam pembinaan dan pengalaman kerana hospital adalah satu bangunan yang kompleks dengan peralatan dan berteknologi tinggi dan canggih. Kemajuan pelaksanaan bergantung kepada kemampuan pelaksanaan, kontraktor dan pembekal selain dari merancang kemudahan kesihatan. Perlaksanaan Hospital Daerah Sipitang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai Hospital Tuaran, Kementerian Kesihatan telahpun merancang pembina hospital tersebut sejak dalam Rancangan Malaysia Keempat lagi. Projek ini telahpun dikaji semula dalam rancangan berikutnya mengikut keperluan semasa.

Pekan Tuaran terletak hanya 24 batu dari bandar Kota Kinabalu dengan jalan raya yang lebar dan elok. Oleh yang demikian, daripada membina sebuah hospital daerah yang kecil dan tanpa pakar-pakar perubatan adalah lebih wajar kemudahan rawatan pesakit luar disediakan dahulu. Pembinaan Fasa II yang merangkumi kemudahan rawatan pesakit dalam akan dikaji semasa Kajian Semula Pertengahan Penggal dan akan dibina mengikut keperluan semasa.

Hospital Daerah Fasa I Tuaran sedang dibina dengan peruntukan \$2.9 juta dan dijangka akan siap pada penghujung 1991. Kemudahan-kemudahan poliklinik disediakan untuk hospital ini supaya pesakit-pesakit tidak perlu pergi ke Kota Kinabalu untuk rawatan melainkan untuk rawatan pesakit dalam.

Jumlah penduduk merupakan satu dari beberapa kriteria digunakan sebagai panduan dalam perancangan hospital. Taburan kemudahan hospital perlu diimbangkan supaya pengagihan kemudahan kesihatan kepada penduduk dapat disediakan dengan lebih adil kepada semua seperti yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan persiapan menuju ke tahun 2020.

Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dan Sandakan mencadangkan supaya dipertingkatkan lagi kemudahan alat-alat kelengkapan dan mesin-mesin yang moden seperti mesin-mesin buah pinggang dan juga menambah perkhidmatan pakar di kedua-dua Hospital Alor Setar dan Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, mesin-mesin pencuci buah pinggang di hospital-hospital Kerajaan adalah digunakan untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Pesakit yang mengidap penyakit Acute Renal Failure.
- (ii) Pesakit-pesakit End Stage Renal Failure yang menunggu giliran bagi mendapatkan Kidney Transplant.
- (iii) Pesakit-pesakit yang menjalani pemindahan buah pinggang di mana buah pinggang gagal berfungsi.

Mesin-mesin Dialysis di Hospital Besar Alor Setar adalah mencukupi bagi tujuan tertentu. Walau bagaimanapun, ia tidak mencukupi jika rawatan haemodialysis diberi kepada semua pesakit-pesakit "End Stage Renal Failure" yang datang daripada hospital itu. Bagi hospital Sandakan pula, usaha-usaha sentiasa dijalankan oleh pentadbiran hospital Sandakan untuk memastikan kawasan sekeliling hospital tersebut di dalam keadaan bersih dan teratur. Pegawai-pegawai telahpun diberi tugas untuk membuat rondaan dan penyeliaan setiap masa.

Pada masa ini Hospital Sandakan mempunyai 8 orang pakar iaitu Pakar-pakar Perubatan, Bedah, Otopedik, Perbidanan dan Sakitpuan, Hidung, Teling dan Tekak, Bius, Kanak-kanak dan Para X-ray. Bilangan pakar ini adalah didapati mencukupi untuk menampung keperluan perkhidmatan perubatan di daerah ini pada masa ini. Begitu juga dengan peralatan perubatan di Hospital Sandakan adalah memadai untuk keperluan semasa. Latihan-latihan untuk kakitangan sentiasa diberi penekanan, terutamanya latihan-latihan untuk Pegawai-pegawai Perubatan dan Paramedik.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul meminta Kerajaan mengkaji semula cadangan-cadangan berikut; iaitu membenarkan doktor Kerajaan bekerja dengan pihak swasta selepas waktu pejabat dan membenarkan doktor-doktor swasta menggunakan kemudahan-kemudahan di Hospital-hospital Kerajaan untuk merawat pesakit mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam pemilihan pakar-pakar asing, Kementerian ini juga telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu dipenuhi, khususnya dari segi kelayakan, kemahiran dan pengalaman klinikal. Hanya doktor-doktor yang mempunyai taraf klinikal yang memuaskan dipilih untuk berkhidmat di negara ini. Pihak Kementerian memang sedang.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat tadi mengenai usaha untuk mengambil pakar-pakar daripada luar dan mungkin satu garis panduan telahpun dan sedang diadakan untuk tujuan ini. Jadi, soalan saya ialah setakat ini apakah cara-cara untuk mengambil pakar-pakar asing ini, kerana bukan semuanya pakar. Sesetengah itu oleh kerana faktor-faktor

yang tertentu ia tidak mempunyai kepakaran yang dikehendaki dan bagaimanakah pihak Kementerian dapat mengelakkan daripada mengambil doktor-doktor yang bukan sebenarnya pakar untuk tujuan yang dimaksudkan itu?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pengambilan doktor-doktor daripada luar negeri di dalam kepakaran-kepakaran tertentu dibuat secara teliti. Setakat ini ianya telah berjalan dengan baik dan sudahpun berkhidmat di hospital-hospital di seluruh negara. Saya tidak dapat menyatakan di sini, adakah di antara pakar-pakar yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu 'bukan pakar'.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu walaupun dia bukan seorang doktor, tetapi dia berusaha untuk memahami keadaan ini. Walau bagaimanapun, setakat ada kelayakan kertas sahaja tidak mencukupi untuk menjadi pakar. Kita hendaklah mempunyai kaedah yang tertentu untuk memastikannya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Paper qualification, dengan izin, adalah salah satu daripada kriteria yang diperlukan. Tetapi selepas daripada itu mereka terpaksa menghadapi interview yang berkali-kali dan interview ini telah dibuat dengan garis-garis panduan yang tertentu. Setakat ini kita dapati semua pakar-pakar yang telahpun di bawa daripada luar negeri sedang dan telahpun berkhidmat di tempat-tempat yang telah kita hantarkan mereka. Jika, sekiranya ada sebarang aduan daripada mana-mana pihak yang menyatakan bahawa mereka ini 'tidak pakar', Yang Berhormat bolehlah melaporkannya kepada Kementerian. Tetapi setakat ini semuanya yang telahpun kita ambil adalah pakar-pakar belaka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan juga memang telahpun membenarkan doktor-doktor swasta

menggunakan kemudahan-kemudahan tertentu seperti bilik bedah di hospital-hospital daerah. Setakat ini doktor-doktor swasta telahpun menggunakan kemudahan-kemudahan di 13 buah hospital daerah di seluruh Malaysia.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor di mana beliau meminta Kerajaan mengambilalih hospital-hospital estet. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil-alih hospital-hospital estet. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang yang sedia ada iaitu Standard-standard Minima Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1960, telah menetapkan bahawa pihak pengurusan estet adalah bertanggungjawab di atas penyediaan dan pengendalian hospital-hospital estet. Namun demikian, penduduk-penduduk estet boleh mendapat perkhidmatan Kerajaan yang disediakan di Pusat-pusat Kesihatan ataupun di hospital-hospital daerah yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat teguran-teguran yang membina kepada Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Pertanian.

4.26 ptg.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan dari Kuala Kedah di atas pandangan, teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Kementerian Pertanian akan meneliti segala

cadangan-cadangan tersebut dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dari Bandar Kuching, dari Marang dan dari Kapit yang telah membangkitkan beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan pelaksanaan projek IADP, Samarahan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di beberapa buah kampung di Asa Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, suka saya menjelaskan bahawa kawasan Asa Jaya terletak di kawasan bersebelahan dengan kawasan IADP Samarahan, tetapi tidak termasuk di dalam kawasan IADP Samarahan. Projek Asa Jaya ini merupakan projek saliran dan tebatan banjir yang telahpun siap pada bulan Mac, 1988. Pembinaan parit dan ban di kawasan tersebut juga melibatkan kawasan-kawasan nipah. Hasilnya pada hari ini seluas 18,143 hektar telah dapat dipulihkan dan membolehkan berbagai aktiviti pertanian dapat dilaksanakan di kawasan tersebut. Sementara itu, projek yang dijalankan oleh IADP Samarahan di kawasan Kuala Samarahan yang meliputi kawasan Tanjung Apong, Lobak, Batu Belat dan Beliong yang kini dalam peringkat pelaksanaan, merupakan duplikasi daripada projek Asa Jaya. Projek ini melibatkan pembinaan kawalan dan tebatan banjir serta meningkatkan sistem perparitan yang akan memberi manfaat kepada kawasan seluas 4,536 hektar. Pelaksanaan projek ini akan memberi faedah kepada seramai 4,460 orang yang terdiri daripada 470 keluarga tani dan 180 keluarga bukan tani.

Di dalam pelaksanaan infrastruktur di Kuala Samarahan, beberapa kawasan nipah telah dibersihkan untuk membina

parit dan ban. Namun demikian, pampasan ke atas pokok-pokok nipah tidak dapat dibayar mengikut Akta Kanun Tanah Sarawak di mana peruntukan undang-undang tidak mengizinkan bayaran pampasan ke atas pokok-pokok nipah. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kawasan nipah yang terlibat untuk membina parit dan ban hanyalah seluas 81 hektar di kawasan Tanjung Apong yang membabitkan seramai 51 orang, sedangkan kawasan yang akan dapat ditebus-guna dengan adanya parit dan ban adalah seluas 4,536 hektar di mana kawasan tersebut akan dapat diusahakan dengan berbagai aktiviti pertanian.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa kawasan nipah berkenaan adalah dipegang oleh Hak Adat Bumiputera atau dengan izin, Native Customary Rights, adalah tidak tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat, seseorang itu tidak boleh menuntut Hak Adat Bumiputera ke atas tanah yang ditumbuhi oleh pokok-pokok nipah atas sebab-sebab berikut:

- (i) pokok-pokok nipah tumbuh sendiri di kawasan-kawasan tebing sungai dan pantai;
- (ii) pokok nipah yang tumbuh dalam lingkungan 66 kaki dari tebing sungai adalah dalam kawasan reserved, - statutory river seashore reserved, dengan izin, mengikut Seksyen 38 Kanun Tanah Sarawak;
- (iii) bagi kawasan-kawasan di mana ditumbuhi oleh pokok nipah kerap dibanjiri oleh air masin, maka kuasa mutlak terhadap tumbuhan-tumbuhan tersebut akan jatuh kepada Kerajaan mengikut Seksyen 12 Kanun Tanah Sarawak;
- (iv) bagi pokok-pokok nipah yang tumbuh dengan sendiri, seseorang itu boleh meng-

usahakannya selagi kawasan itu tidak digunakan oleh pihak Kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan ini adalah secara permissive, tetapi tidak memberi hak ke atas tanah tersebut. Penggunaannya hendaklah diberhentikan apabila pihak Kerajaan ingin menggunakannya sendiri. Sistem ini telah diterima dan digunapakai oleh kaum-kaum bumiputera di Sarawak. Oleh itu, tuntutan ke atas kawasan berkenaan mengikut sistem Tanah Adat Bumiputera adalah tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan beberapa perkara seperti permohonan lesen laut dalam oleh Encik Ghazali bin Ngah dari Besut dan Encik Omar bin Sulong dari Kuala Terengganu. Syarikat K&I Industries, pengeluaran lesen laut dalam dan kes lesen di 'Alibaba'kan juga disebut.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Ghazali bin Ngah pernah membuat permohonan untuk mendapatkan lesen di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pada 2 Ogos, 1989, permohonan tersebut telah ditolak oleh Jabatan Perikanan disebabkan pembekuan lesen baru di perairan Semenanjung Malaysia. Sementara Encik Omar bin Sulong, seorang bekas pelatih Angkatan Nelayan Laut Dalam pernah memohon lesen bot laut dalam di Semenanjung, tetapi permohonan tersebut juga telah ditolak disebabkan keadaan kuota lesen dan sumber perikanan yang tidak mengizinkan sebelum pertambahan lesen baru diperairan itu. Langkah pembekuan lesen baru dari masa ke semasa adalah penting untuk melindungi dan memelihara sumber-sumber perikanan di samping menjaga kepentingan nelayan-nelayan dan bot-bot yang sedia ada.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pertanian sentiasa mengkaji sumber-sumber tersebut.

Kementerian juga memberi perhatian kepada latihan bagi nelayan tempatan untuk mengambilalih tempat lebih 7000 nelayan asing yang sedang bertugas di negara kita atas bot-bot tempatan. Apabila keadaan kuota lesen dan sumber perikanan mengizinkan, maka permohonan baru akan diberi perhatian yang sewajarnya berasaskan kepada kes demi kes.

Berikutan dengan penolakan permohonan Encik Omar bin Sulong untuk mendapatkan lesen bagi Semenanjung Malaysia, beliau telah memohon untuk mendapatkan dua unit lesen di Labuan. Dalam pada itu, Kementerian Pertanian telah membuat keputusan untuk menengguhkan pengeluaran semua lesen-lesen baru di perairan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sedang mengkajinya secara terperinci. Walaupun masih terdapat kekosongan kuota lesen di perairan berkenaan, ini adalah disebabkan bahawa terdapat pemohon dari Semenanjung yang telah mendapat lesen sebelum ini telah enggan pergi ke sana, malahan mereka telah memohon semula untuk memindahkan lesen ke Semenanjung. Dalam masa yang sama, Kementerian Pertanian sedang berusaha untuk menentukan supaya semua bot-bot laut dalam yang sedang beroperasi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mematuhi sepenuhnya syarat-syarat perlesenan seperti memukat di luar pengkalan dan sebagainya sebelum lesen-lesen baru boleh dipertimbangkan di perairan berkenaan. Berasaskan kepada keadaan ini, maka permohonan dari Encik Omar bin Sulong untuk mendapatkan dua unit lesen di Wilayah Persekutuan Labuan tidak dapat dipertimbangkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, nanti sekejap, Kepong bangun.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Sekejaplah, tunggu saya habiskan. Mengenai Syarikat K&I Industries, perlu diambil perhatian bahawa berasaskan kepada rekod yang ada, lesen bot yang diusahakan oleh Syarikat K&I Industries Malaysia Sendirian Berhad adalah milik mereka sendiri. Syarikat tersebut hanya bekerjasama dan bukan secara usahasama (joint venture) dengan pihak Thai dari segi pemasaran ikan dan bekalan kepakaran sahaja. Bot-bot berkenaan dilesenkan dengan pukat jerut tuna untuk menangkap ikan tuna di laut dalam. Ikan-ikan tuna yang ditangkap dibawa ke Pelabuhan Kuantan sebelum dieksportkan ke luar negeri.

Sebaik sahaja hasil tangkapan tersebut dibawa balik ke Pelabuhan Kuantan, dan pengisytiharan hasil tangkapan dibuat dan setelah cukai eksport yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dibayar oleh syarikat berkenaan, maka ikan-ikan tersebut akan dieksport ke Thailand. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa K&I Industries menyeludup hasil tangkapan dari Malaysia ke Thailand dan Singapura adalah tidak benar. Ada perbezaan antara menyeludup dan mengeksport walaupun kedua-duanya menyebabkan ikan dibawa ke luar Malaysia. Eksport menguntungkan negara.

Kementerian Pertanian sentiasa mengawasi kegiatan semua bot-bot laut dalam yang melanggar syarat-syarat perlesenan. Selaras dengan itu, beberapa program telah diatur untuk mengawalselia bot-bot berkenaan, seperti mengadakan sistem pengisian borang keluar masuk pengkalan, pengisian buku log, penguatkuasaan di laut, di pengkalan dan sebagainya. Bagi mereka yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, maka tindakan telah diambil mengikut jenis kesalahan dan bilangan kekerapan bagi kesalahan yang dilakukan tanpa memberi apa-apa pengecualian kepada mana-mana pihak. Misalnya, di sepanjang tahun 1988 hingga April

tahun 1991, sejumlah 21 kes tangkapan telah dibuat ke atas bot-bot Malaysia Deep Sea Fishing Corporation, dengan izin, kerana melanggar syarat-syarat perlesenan. Ada di antara bot-bot berkenaan telah dikompaun, dirampas dan sebagainya. Jumlah kes tangkapan bagi bot K&I pula adalah 7 kes kesemuanya.

Berhubung dengan pengeluaran lesen bot laut dalam, setakat ini sejumlah 858 unit lesen bot laut dalam telah dikeluarkan. Pecahan pengeluaran permit berkenaan mengikut golongan adalah seperti berikut:

NEKMAT – 16 permit; Persatuan Nelayan Negeri/Kawasan, Syarikat Kerjasama Nelayan 18 permit; individu 446 (90% darinya terdiri dari nelayan dan 10% bukan nelayan); Syarikat K&I 40%; MDFC 50 permit (32 unit telah dibatalkan); syarikat-syarikat lain 280.

Oleh yang demikian, dakwaan bahawa kebanyakan permit bot laut dalam 80% kononnya telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian kepada orang-orang Kerajaan dan orang-orang politik tertentu adalah tidak benar. Mengenai kes Ali-Baba pula, mungkin terdapat sebilangan kecil pemegang lesen bot laut dalam telah mengAli-Babakan lesen mereka dan menyerahkan operasi dan pengurusan bot kepada orang lain dan mereka hanya memungut komisyen sahaja.

Namun demikian, perkara seumpama ini amatlah sukar dibuktikan. Yang Berhormat tentu maklum, Ali-Baba itu sendiri ada dua tafsiran sekarang ini— Ali yang bekerjasama dengan Baba atau Ali yang diperbodohkan oleh Baba. Kementerian Pertanian sentiasa peka ke atas kemungkinan pegangan lesen yang diAli-Babakan oleh mereka. Sekiranya terbukti perkara ini berlaku, maka Kementerian Pertanian tidak akan teragak-agak untuk menarik balik dan membatalkan lesen-lesen tersebut dan terpulanglah kepada mereka berkenaan untuk menghadapi risikonya.

Dalam usaha membangun industri perikanan laut dalam, pihak Kerajaan akan melancarkan bot latihan yang baru seberat 800 tan pada bulan hadapan. Adalah dijangka dengan adanya nelayan sendiri yang terlatih dan berdisiplin, industri ini akan berkembang.

Yang Berhormat dari Marang tentu maklum sebagaimana juga seorang ahli politik yang kecewa dapat memberi gambaran seolah-olah bumi ini sudah runtuh walaupun sebenarnya beliau yang sedang menuju keruntuhan. Seseorang pemohon lesen laut dalam juga yang kecewa dapat menabur fitnah dengan agak meluas. Memanglah benar fitnah boleh menjelajah ke seluruh dunia, ke seluruh bumi sebelum kebenaran mula mengatur tapak.

Yang Berhormat ada soalan?

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, saya hendak tahu kerana banyak sangat saranan yang dibaca di dalam akhbar dan juga didengar di dalam Dewan yang mulia ini mengenai perusahaan perikanan laut dalam yang begitu penting bagi negara ini, setakat ini sampai tahap manakah kejayaan yang dicapai oleh pihak Malaysia di dalam perusahaan ini?

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Empat tahun yang lalu Malaysia mengimport ikan lebih dari eksport sekitar \$350 juta tiap-tiap tahun. Sekarang ini Malaysia adalah nett exporter ikan. Malaysia mengeksport lebih daripada mengimport. Jadi, bermaknalah kita sudah menyelamatkan lebih \$350 juta foreign exchange sejak empat tahun yang lalu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagilah. Di dalam usaha perusahaan ini adakah ianya menggunakan drift net ataupun jaring seumpama itu yang boleh merosakkan sumber-sumber ikan.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** DAP agak lambat sedikit dalam hal ini. Tidak ada, kita tidak pakai. Terima kasih. Saya sambung.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh mengenai Bank Pertanian. Untuk memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan Pembangkang tidak terpengaruh dengan ucapan beliau, saya perlu membuat sedikit penjelasan.

Bank Pertanian telah ditubuhkan lebih 20 tahun yang lalu untuk membantu masyarakat tani. Bank Pertanian bukan bank perdagangan. Amalan bank perdagangan membolehkannya memberi pinjaman kepada pelanggannya berlipat kali ganda lebih dari wang simpanan pelanggan dan modal.

Bank Pertanian umumnya hanya meminjamkan dari sumber wang modal peruntukan Kerajaan dan simpanan pelanggan. Oleh itu dengan bekalan wang dan peratus atau margin keuntungan yang terbatas kerana sekatan-sekatan disebabkan ianya bukan bank perdagangan maka wang yang dipinjamkan kepada sektor pertanian oleh bank pertanian juga terbatas. Tetapi ini tidak menghalang perkembangan sektor pertanian di negara ini kerana hanya 8% dari pinjaman ke sektor pertanian dari Bank Pertanian. Bank-bank lain membiayai 82% dari keperluan kredit sektor pertanian. Walaupun demikian, Bank Pertanian perlu terus wujud sebagai sebuah bank kerana ada di kalangan masyarakat tani dan nelayan yang didapati tidak viable, dengan izin, untuk mendapat pinjaman dari bank swasta. Bank biasanya meminjamkan payung di musim hujan. Apabila peminjam sudah mula hendak basah, payung diambil balik. Bank Pertanian memainkan peranan sebagai lender of second chance, dengan izin. Itulah sebabnya risiko atas pinjaman begitu tinggi. Wang yang biasanya disalurkan melalui

jabatan atau agensi Kementerian Pertanian untuk nelayan dan petani diuruskan oleh Bank Pertanian.

Jika Bank Pertanian tidak ada, maka peranan meminjamkan wang Kerajaan terpaksa dikembalikan kepada jabatan atau agensi yang tidak pakar dalam pengurusan kredit apatah lagi kredit yang tinggi risiko. Banyak pak tani yang pada mulanya meminjam pada Bank Pertanian tetapi setelah mampu berpindah ke bank-bank lain. Ini digalakkan. Oleh kerana Bank Pertanian tidak hanya meminjamkan payung di musim panas tetapi juga di musim hujan, maka peruntukan bagi bad and doubtful debts, dengan izin, atau peruntukan bagi hutang ragu dan lapuk tersangat tinggi. Walaupun ianya ditubuhkan lebih 20 tahun dahulu tetapi hanya akhir-akhir ini atas arahan saya pihak bank telah membuat peruntukan yang realistik bagi pinjaman ragu dan lapuk. Itulah sebabnya bagi tahun lepas untuk selama 20 tahun bank telah memperuntukkan \$570 juta untuk hutang lapuk dan ragu bagi jangka masa lebih 20 tahun itu. Ini bererti purata sekitar \$28 juta setahun. Jumlah ini adalah munasabah kerana faedah yang dikenakan oleh Bank Pertanian tidak tinggi sedangkan belanja pentadbiran bagi pinjaman risiko tinggi dalam amalan adalah lebih tinggi dari pinjaman risiko rendah. Walaupun bank menerima deposit yang banyak dari penyimpan, tetapi multiplier effect, dengan izin, atau kesan gandaan bagi tujuan pinjaman tidak ada. Bank hanya bersifat komersil dari segi penerimaan deposit. Keuntungan bank adalah minimum. Yang pentingnya ialah masyarakat tani. Berjuta pinjaman pak tani dan nelayan telah diluluskan sepanjang 20 tahun.

Jika Bank Pertanian dijadikan bank perdagangan di bawah kawalan Bank Negara, ia mungkin boleh jadi bank terbesar di negara ini seperti Bank Pertanian Perancis, Credit Agrikul yang merupakan bank yang ketiga terbesar di dunia. Bank Pertanian sudahpun

mempunyai perjanjian kerjasama latihan dengan Bank Credit Agrikul dalam lawatan saya ke sana baru-baru ini.

Pengorbanan Bank Pertanian sepanjang 20 tahun inilah yang dikatakan skandal oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Pihak bank tetap sanggup menjadi lilin yang membakar diri untuk menyinari masyarakat yang memerlukan....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

(**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka bangun.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Duduk! Bank Dunia tidak pernah menuduh adanya skandal \$260 juta dan Bank Dunia juga tidak pernah mencadangkan supaya Bank Pertanian menghentikan operasinya. Tuduhan ini hanya fitnah dari pakar perverse logic. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Penerangan.

4.46 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Penerangan saya mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian ini semasa membahaskan Rancangan Malaysia Keenam tempoh hari.

Nampaknya tidak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran ke atas Kementerian Penerangan dan ini mungkin membayangkan penerimaan Dewan yang mulia ini terhadap dasar-dasar dan program-program Kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Sandakan telah menyentuh tentang liputan penyiaran TV3 yang tidak menyeluruh ke Sabah. Sukacita saya menyatakan sepertimana yang telah saya nyatakan dalam menjawab beberapa soalan di Dewan yang mulia ini, TV3 adalah merupakan stesen TV swasta yang mempunyai dasar komersialnya sendiri. Saya yakin stesen ini berhasrat untuk memperluaskan liputan penyiarannya kepada seluruh pelusuk negara. Tetapi ianya juga mempunyai batasan (limitation) yang tidak memungkinkan peningkatan liputan seperti dikehendaki oleh Yang Berhormat dari Sabah.

Yang Berhormat dari Sandakan juga bersama-sama dengan Yang Berhormat dari Tuaran, Kota Bharu dan Bandau telah menyuarakan perasaan kurang senang di atas liputan yang kononnya menganak-tirikan negeri-negeri seperti Sabah dan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya juga telah pernah menjelaskan dalam Dewan ini semua berita-berita yang disiarkan oleh RTM adalah berasaskan kepada nilai berita dan diambil kira semua negeri di dalam negara kita. Sekiranya satu-satu tokoh atau pemimpin tempatan tidak diberi liputan ianya bererti bahawasanya dari kaca mata RTM tidak ada nilai berita yang membolehkan siaran dibuat terhadap tokoh atau berita yang dibawa olehnya. Sekiranya berita ini merupakan berita tempatan yang mempunyai nilai berita, maka RTM akan menayangkan dalam Berita jam 6.00 petang. Dan kiranya ia merupakan berita yang berbentuk nasional ianya akan disiarkan dalam Berita Perdana pada jam 8.00 malam.

Adalah tidak benar bahawasanya Kelantan dan Sabah dianak-tirikan dari segi sedutan berita. Sebagai contoh, bagi negeri Kelantan kes penahanan 8 orang pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan baru-baru ini yang ditahan oleh

Kerajaan Thailand telah mendapat liputan yang sangat luas. Ini termasuk juga perjumpaan-perjumpaan di antara pegawai-pegawai berkenaan yang telah dibebaskan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan iaitu Yang Amat Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat – dalam nota saya, Yang Amat Berhormat ini tidak ada “Tuan Guru”.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Nanti sekejap. Dan juga temuramah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan iaitu Tuan Haji Rozali bin Isahak mengenai perkara-perkara yang sama. Crew RTM juga membuat liputan mesyuarat Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dan di samping itu aspek-aspek pembangunan terhadap masyarakat negeri Kelantan juga diberi liputan.

Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti dengan rapi dan jikalau semua ahli-ahli parti Pembangkang menontonnya, liputan yang diberi kepada semua negeri melihatnya dan semua pemimpin tempatan adalah saksama walaupun Sabah dan Kelantan merupakan Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh parti Pembangkang. Dia hendak tanya, boleh, sekejap.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, liputan yang paling baik diberi ialah lawatan Dr Mahathir semasa merasmikan jambatan Pasir Mas-Salor. Tetapi Ma'al Hijrah baru-baru ini kita lihat semua negeri ada liputan, tetapi Kelantan yang buat begitu besar dihadiri oleh Baginda Al-Sultan tidak ada langsung liputan dalam TV Malaysia. Minta diberi sedikit penjelasan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Perkara itu akan saya teliti, akan saya siasat dan akan beri maklum sebab-sebabnya kemudian. Tuan Yang di-Pertua, dari sudut Kementerian ini kita akur....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya rasa biar saya habiskan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak lagi Menteri yang belum menjawab, dan kalau saya hendak layan mereka semua nanti saya ingat mungkin Menteri-menteri lain pun akan berasa hati juga. Dari sudut Kementerian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi, kita akur kepada pilihan rakyat, dan saya harap sesuai dengan itu juga Pembangkang seharusnya akur bahawasanya rakyat telah memilih Kerajaan popular Barisan Nasional menerajui di seluruh negeri-negeri yang lain selain daripada Kelantan dan Sabah dan di peringkat negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti peruntukan bagi projek-projek pembangunan berkaitan pemancaran televisyen dan perluasan liputan televisyen dalam Rancangan Malaysia Keenam yang kita baru bentang dan seharusnya dibaca dengan teliti oleh mereka yang berkenaan yang jelas menunjukkan bahawasanya Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$11.55 juta dan negeri Kelantan telah diperuntukkan sebanyak \$9.2 juta, iaitu bagi maksud peruntukkan projek-projek pembangunan berkaitan pemancaran televisyen dan perluasan liputan televisyen dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keenam.

Peruntukan bagi Sabah ini merupakan peruntukan yang terbesar dan diikuti oleh negeri Johor yang kedua, iaitu

sebanyak \$10 juta dan Kelantan di tempat yang ketiga sebanyak \$9.2 juta. Peruntukan ini menyangkal dakwaan, menyangkal dengan fakta segala dakwaan, bahawasanya Sabah dan Kelantan telah dianaktirikan, kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, masakan peruntukan terbesar diberi kepada dua-dua negeri yang di bawah kekuasaan Parti Pembangkang.

**Tuan George Sangkin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Bandau bangun.

**Tuan George Sangkin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak menafikan bahawa media-massa Kerajaan telah memberi perhatian yang berat, tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa media-massa ini merupakan satu ataupun dikira kadangkalanya sebagai cabang yang keempat penting dalam Kerajaan. Memang peruntukan yang terbesar itu telah kita lihat, tetapi kita harap peruntukan itu bukan bererti peruntukan sahaja, yang penting yang kita katakan ini ialah di kacamata televisyen itu sendiri di mana rakyat keseluruhannya dapat melihat. Dapatkah Yang Berhormat memberi penjelasan, misalnya kegiatan rasmi Kerajaan Negeri Sabah 'Pesta Kamatan' yang baru lalu, kita tidak melihat liputan. Walaupun kita melihat RTM, pemberita-pemberita dan juga cameraman begitu ramai ada pada ketika itu. Di tempat yang lain kita lihat liputan-liputannya begitu baik sekali, jadi ini yang kita mahu minta penjelasan bukan menyangkal bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian mengenai peruntukan. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, pandangan akan diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perayaan yang disebutkan oleh

Yang Berhormat tadi, saya telah menyatakan bahawasanya sebarang bentuk perayaan akan diambilkira oleh pihak RTM kerana kita menghormati semua penduduk dalam negara kita ini. Kalau ada yang tertinggalpun kadangkala kemungkinan ketika hari itu di dalam dunia pemberitaan ada masanya di mana dipanggil 'wet and dry day'. Kalau 'wet day' terlalu banyak berita - tidak muat - jadi kita kena pilih prioriti kita, dan kebetulan prioriti kita tidak ke Sabah, maka dia jatuhlah nombor ke belakang, jadi kita tidak siarkan - minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementerian Penerangan dan RTM khususnya untuk memberi penerangan dan .....

**Tuan Radin Malleh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Padas bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** ..... pendidikan kepada semua rakyat di dalam negara ini, tidak mengira dari negeri mana ianya datang.

Kementerian Penerangan sangat menyedari di atas peranannya untuk membantu memupuk perpaduan regional dan perpaduan kaum dan segala yang dirancang dan disiarkan oleh RTM mengambilkira matlamat suci ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu juga telah menyeru agar liputan TV mengenai Rancangan Malaysia Keenam dilakukan dengan seluas-luasnya.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan bahawasanya Televisyen Malaysia termasuk Radio Malaysia telah memberi liputan mengenai Rancangan Malaysia Keenam dengan seluas-luasnya. Upacara pembentangan usul oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah disiarkan secara langsung berikutan pula dengan perbincangan-perbincangan khas melalui forum-forum yang disiarkan oleh RTM. Penglibatan masyarakat digalakkan, terutama forum-forum yang saya sebutkan tadi dan yang mendapat penyiaran RTM. Ahli-ahli Penalnya juga terdiri dari pemimpin-pemimpin masyarakat biasa sama ada politik atau bukan politik. Di samping itu perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Keenam disiarkan melalui berita-berita radio dan televisyen pada setiap hari.

Mengenai liputan pilihanraya kecil Perai pada hari penamaan calon, liputan telah dibuat kepada ketiga-tiga calon yang mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut, malahan gambar calon dari Parti DAP turut ditayangkan dengan significant, dan bukannya ini membayangkan bahawasanya tidak ada kebenaran ataupun ianya merupakan satu kepalsuan di atas sebarang tohmahan bahawasanya RTM tidak memberi liputan adil kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya nyatakan RTM telah melakukan tugasnya dengan seberapa adil yang termampu, tetapi kadangkala ketika RTM melakukan penggambaran, RTM sendiri ditempelak dan banyak contoh di luar Dewan di mana petugas-petugas RTM yang hendak membuat liputan ke atas sesuatu peristiwa parti-parti Pembangkang khususnya, mereka selalunya diherdik, dicaci dan kadangkala dihalau. Kejadian pada hari semalam adalah satu contoh klasik, di mana satu penghinaan telah dilemparkan kepada crew-crew RTM oleh Ketua Pembangkang yang bertindak bertentangan dengan hasrat Yang Berhormat dari Kota Bharu dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari parti Pembangkang yang mahu aktiviti-aktiviti parti Pembangkang diperluaskan liputannya.

Ketua Pembangkang telah bertindak menidakkan usaha RTM untuk diperluaskan liputan Rancangan Malaysia Keenam dan saya merakamkan terima kasih bagi pihak RTM kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengiktiraf serta menghormati pengwujudan RTM dan sekali gus mengembalikan semangat serta maruah pekerja-pekerja, petugas dan pegawai-pegawai RTM yang tidak berkesempatan mempertahankan diri mereka dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menggunakan beberapa perkataan keras menuduh pihak RTM sebagai 'penindas', 'mengambil sikap diskriminasi terhadap penonton Cina dan tunduk dengan pelampau UMNO dalam penyusunan semula program-program dalam bahasa Cina.

Saya telah menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya penyusunan semula program itu adalah perkara biasa dan tidak ada kaitannya dengan politik dan kita telah mengambilkira semua aspek....

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih. Saya henak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau sedar bahawa Parti MCA telah membuat tuduhan yang lebih keras dalam suratkhbar Cina, terutama sekali ke atas Yang Berhormat Menteri Penerangan, kerana enggan menggunakan kuasanya untuk meminta TV3 menyiarkan Berita Mandarin, ini telah berlaku dan saya ingat Tuan Yang di-Pertua sendiri boleh mengesahkan apa yang saya cakap tadi. Adakah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka diingatkan bila hendak minta penjelasan tidak dibenarkan mengheretkan 'Kerusi'.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mengheretkan 'Kerusi', saya hanya menyatakan kalau dia confirmation, dengan izin, dia boleh dapat daripada Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat menyatakan mengapakah 'air time' atau masa untuk program-program bahasa Cina dikurangkan satu jam lagi untuk tahun depan? Saya harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh mengkaji tindakan ini yang ditentang oleh penonton-penonton program bahasa Cina. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Soalnya yang pertama, saya ini merupakan orang baru di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi saya tahu peraturan dan saya mengetahui bahawasanya Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah veteran, lebih daripada satu-dua penggal dalam Dewan ini. Jadi saya ditugaskan menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, tidak menjawab soalan-soalan yang terkeluar sama ada secara surat melayang, akhbar-akhbar atau apa sebarang bentuk persoalan di luar Dewan, dan saya menghormati Dewan yang mulia ini maka saya menjawab mengikut apa yang ditanya di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan 'air time', ini adalah satu sangkaan yang buruk dan satu anggapan yang salah dan kalau boleh hendak kita teruskan, satu pembbohongan bahawasanya kita akan memotong lagi satu jam 'air time' bahasa Cina. Apa yang kita hendak lakukan satu jam lagi, satu lagi episod yang kita ada lima tiap-tiap minggu di dalam siaran kita iaitu drama-drama akan kita kurangkan satu

daripadanya untuk dijadikan imported programme yang disediakan oleh orang-orang Thionghua dalam negara kita, it is going to be a local programme, dengan izin, bukan imported programme anymore, tetapi tetap dalam bahasa Cina.

Jadi, saya harap sangkaan seperti itu tidak timbul setelah saya nyatakan sedemikian tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun lagi.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya ingat cukuplah, sebab Menteri-menteri lain banyak lagi hendak menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Dia minta penjelasankah atau.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** 36(6). Tadi Yang Berhormat mengeluarkan satu sangkaan jahat bahawa apa yang dikatakan oleh saya tadi adalah satu pembbohongan. Saya ingin mengingatkan apa yang dikatakan oleh saya adalah mengikuti satu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat dalam Soal Jawab, di mana beliau berkata bahawa masa yang diberikan untuk program tersebut akan dikurangkan, tanpa menyatakan bahawa masa atau program secara total tidak dikurangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, itu penting.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Point of order ini sudah dibangkitkan, biarlah saya buat keputusan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap beliau boleh menarik balik perkataan yang dikeluarkan oleh beliau tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat tidak perlu memberi hujah-hujah. Tidak payahlah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sangat penting kerana sekarang yang dikurangkan masa....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi adalah secara umum, bukan secara khusus. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu saya rasa tidak berkaitan. Teruskan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Teruskan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita simpan sedikit bahan untuk perbincangan antara kedua parti luar Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Peraturan Mesyuarat yang ke berapa lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Keputusan telahpun dibuat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak menyoalkan keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Hanya yang saya hendak menarik perhatian ialah Tuan Yang di-Pertua tidak meminta atau bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada perkataan yang disebutkan oleh beliau adalah secara umum atau khusus dan Tuan Yang di-Pertua secara terus mengatakan itu adalah secara umum – itu tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ketika Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhujah atau berucap tadi, saya dengar apa yang dilafaznya, itulah sahaja. Keputusan telahpun dibuat dan Yang Berhormat dinasihatkan janganlah mengungkit-ungkit apa yang telah dimuktamadkan. Itu sahajalah. Teruskan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua.....(*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, tarik balik apa yang dilafazkan tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa yang saya lafazkan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** “Yang di-Pertua tidak adil” – tarik balik! tarik balik! Kalau Yang Berhormat berani melafazkan kata-kata sedemikian, eloklah mengakuinya dan juga tarik balik mengikut Peraturan Mesyuarat dan Tertib. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat tidak usahlah berhujah-hujah di sini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya hanya bercakap bahawa Tuan Yang di-Pertua haruslah bertindak dengan adil.

Itu yang saya katakan. Saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat dengar bahawa saya ada timbulkan perkataan tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sudahlah, tetapi sama ada Yang Berhormat melafazkannya atau tidak, saya rasa Yang Berhormat sendiri patutlah tahu dan menyedari apa yang sebenarnya berlaku. Tidak usahlah kita di sini membuang masa. Setiausaha Parlimen teruskan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya hendak ulangi, sebarang sangkaan terhadap usaha RTM untuk memotong program Cina adalah satu sangkaan yang tidak benar dan kalau ianya cerita dari luar, ia merupakan cerita pembongkaran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak tahu di mana saya berhenti tadi, saya hendak merakamkan sekali lagi terima kasih bagi pihak RTM kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengiktiraf serta menghormati pengwujudan RTM dan sekaligus mengembalikannya semangat serta mewakili pekerja, petugas dan pegawai-pegawai RTM yang tidak berkesempatan mempertahankan diri mereka di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menggunakan beberapa perkataan, saya pun sudah sebut tadi dan saya telah menerangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawasanya penyusunan semula program itu telah mengambil kira semua aspek dan masa hiburan 15 jam bagi satu minggu yang diberikan kepada penyiaran hiburan bahasa Cina adalah dirasakan memadai. Sekiranya RTM menyiarkan program-program hiburan, katakanlah 40 jam satu minggu dalam bahasa Cina, saya yakin Yang Berhormat dari Bukit Mertajam merupakan orang yang pertama yang akan bangun menuduh bahawasanya RTM mempunyai matlamat yang jahat

untuk melalaikan masyarakat Cina dengan hanya menerima hiburan semata-mata. Inilah pada saya sikap pemimpin yang terlalu ghairah dengan tuduhan melulu menggunakan perkataan yang kesat dan melampau sesuai dengan budayanya untuk kononnya membela bangsa yang ditindas, walhal tujuan yang sebenar adalah semata-mata untuk membangkitkan sentimen perkauman yang biasa dilakukan oleh mereka bagi political mileage, parti parti mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian tadi dan terima kasih yang istimewa kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Yang Berhormat dari Padang Terap.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Batang Lular bangun.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** .... yang memahami dan menghormati tugas-tugas dan permasalahan RTM dan Kementerian Penerangan. Di atas beberapa pandangan untuk mempertingkatkan mutu siaran RTM oleh kedua-dua Yang Berhormat, saya memberi jaminan bahawa usaha-usaha sedemikian akan diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Batang Lular.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tunggu-tunggu tadi ada cerita dari Sarawak. Jadi, bagi pihak saya, saya ucapkan berbilang terima kasihlah kepada RTM kerana kebelakangan ini kami di Sarawak mendapat banyak liputan terutama sekali berita-berita Wilayah. Jadi, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada RTM.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Apa soalan ataupun penjelasan yang diminta?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, belum lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini mukaddimah ya?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Panjang sangat.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, soalan saya, adakah RTM membuat rancangan ataupun mempunyai rancangan untuk mengadakan program sepenuh hari untuk hari-hari Gawai? Kedua, bilakah RTM hendak mengadakan program FM di seluruh negeri Sarawak kerana ini adalah penting untuk menentukan penyebaran itu sampai kepada rakyat di pedalaman. Ini menentukan perpaduan integrasi nasional dan dasar-dasar Kerajaan diketahui oleh rakyat di pedalaman yang tidak dapat membaca suratkhbar dan televisyen. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Saya ingat saya sudah habis tadi. Tetapi Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya sangka Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beri jalan kepada beliau.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tidak, tetapi tidak mengapalah oleh kerana selepas ini saya hendak duduk, tidak ada lagi, sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hari Gawai, saya akan mengambil perhatian serius sepertimana yang dicadangkan oleh sahabat kita Ahli dari Batang Lupar berkenaan dengan Sarawak. Ini saya beri jaminan akan diambil tindakan serius

kerana kita benar-benar menghormati semua kaum.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan FM Sarawak kita telahpun mula menyiarkan FM Stereo di Bintulu dan kita akan terus memperbaiki sistem FM di Sarawak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perangkaan yang ada di hadapan saya menunjukkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keenam dari segi radio, daripada \$15 juta yang akan diperuntukkan untuk memperbaiki atau meningkatkan mutu siaran radio, lebih kurang separuh atau 50% daripada peruntukan akan diagihkan kepada Sarawak. Jadi, saya kira dalam Rancangan Malaysia Keenam ini Sarawak akan diFMkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

*5.08 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan usaha-usaha untuk menggalakkan pelancong-pelancong dari Singapura dan Semenanjung Malaysia ke Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sukacita saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang menggalakkan pelancong-pelancong melawat Sarawak sama ada pelancong-pelancong dari negeri-negeri di Malaysia atau dari luar negara. Ini terbukti dengan adanya

penerbangan-penerbangan seperti Kuala Lumpur-Kuching dan Kuala Lumpur-Singapura-Kuching. Perjalanan rakyat Semenanjung Malaysia ke Sarawak bukan sahaja untuk menggalakkan industri pelancongan dalam negeri, malahan adalah merupakan strategi Kerajaan di dalam menggalakkan integrasi nasional antara rakyat Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Di samping itu, pihak Penerbangan Malaysia telah juga melancar skim tambang murah antara Kuala Lumpur dan Kuching serta lain-lain destinasi ke Sarawak seperti skim tambang murah berkumpulan dan juga tambang bagi pesara-pesara atau orang-orang tua dan juga penuntut-penuntut sekolah.

Mengenai menggalakkan pelancong-pelancong untuk melawat Sarawak, selain dari penerbangan-penerbangan terus daripada Kuala Lumpur, Penerbangan Malaysia juga mengadakan perkhidmatan penerbangan ke Kuching melalui Singapura. Di samping itu, Kerajaan juga telah pada dasarnya bersetuju memberikan kebenaran kepada Syarikat Penerbangan Singapura untuk mengadakan perkhidmatannya ke Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pengawalan kehadiran pelancong-pelancong ke negara ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, saya sukacita menjelaskan bahawa pada amnya Kerajaan menggalakkan kemasukan warganegara asing ke Malaysia bagi berbagai tujuan seperti melancong, membuat penyelidikan, pembelajaran, menyertai seminar-seminar, sukan, perniagaan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kemasukan mereka adalah tertakluk kepada beberapa peraturan yang disediakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Imigresen, Kastam dan Polis atas kepentingan keselamatan dan sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, keruntuhan moral tidak boleh ditumpukan kepada

aspek kedatangan pelancong-pelancong sahaja, bahkan perkara ini boleh berlaku melalui media-media lain seperti media massa, media cetak dan lain-lain yang tidak dapat dikawal sepenuhnya akan juga mempengaruhi orang-orang tempatan.

Berkaitan dengan harga barang-barang pengguna, tidaklah tepat sekiranya keadaan ini dikaitkan keseluruhannya dengan faktor kedatangan pelancong-pelancong. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini haruslah dilihat dari aspek positif di mana kesan pertambahan permintaan oleh pelancong-pelancong akan memberi faedah dari segi pertumbuhan ekonomi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Teluk Kemang supaya Port Dickson dibangunkan sebagai satu pusat pelancongan yang utama, sukacita saya memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak \$2 juta akan disediakan untuk pengindahan dan penyediaan kemudahan-kemudahan di kawasan Pantai Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Peruntukan ini akan digunakan untuk kerja-kerja landscape, penempatan semula gerai-gerai makan, lampu hiasan, tandas dan jalan masuk.

Mengenai saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Santubong, saya sukacita memaklumkan bahawa Kementerian telahpun memuatkan tempat-tempat peranginan dan tempat-tempat menarik yang terdapat di Pantai Damai di dalam risalah-risalah yang diterbitkan oleh Kementerian ini.

Semasa mengemaskini risalah-risalah ini, pihak Kerajaan Negeri dan badan-badan berkenaan akan dihubungi untuk memastikan agar maklumat atau tempat-tempat menarik yang terbaharu dimuatkan.

Mengenai usaha-usaha untuk mempertingkatkan sektor pelancongan dalam negara, adalah dimaklumkan bahawa tindakan akan diambil di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mempertingkatkan sektor pelancongan dalam negeri. Di samping itu, penggalakan pelancongan dalam negeri yang lebih agresif telah dan akan dijalankan. Lebih banyak program sokongan yang imaginatif akan dilancarkan bagi mewujudkan permintaan untuk perjalanan dalam negeri. Industri-industri penginapan, pelancongan dan perjalanan serta sektor-sektor kewangan dan korporat akan digalakkan untuk menjalankan program bagi mewujudkan peluang-peluang perjalanan serta pelancongan dalam negeri. Penekanan akan juga diberi kepada penyediaan kemudahan-kemudahan yang lebih selesa, menarik dan mampu dibayar oleh pelancong-pelancong tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Hulu Selangor supaya pemandangan persekitaran semulajadi di Hulu Langat diberikan perhatian, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan akan memberi perhatian kepada pemandangan persekitaran semulajadi sebagai tarikan pelancongan, khususnya di Rancangan Malaysia Keenam. Cadangan Yang Berhormat untuk membangunkan Hulu Langat adalah satu cadangan yang baik dan akan diberi perhatian oleh Kementerian ini.

Mengenai cadangan supaya kemudahan penginapan disediakan bagi mereka yang berpendapatan rendah, saya suka memaklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam penekanan yang lebih akan diberi kepada penyediaan kemudahan penginapan yang mencukupi dan yang mampu dibayar oleh pelancong-pelancong, khususnya pelancong tempatan. Peruntukan sebanyak \$163,278,000 telah disediakan untuk kemudahan-kemudahan penginapan

seperti chalet, tapak-tapak perkhemahan, hotel-hotel berkos sederhana, asrama belia dan sebagainya.

Akhir sekali, saya inginlah memberi jaminan iaitu Kementerian akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi memastikan industri pelancongan negara kita terus berkembang maju dengan lebih pesat lagi. Kami berterima kasih di atas perangsang, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah menyebabkan industri pelancongan telah menampakkan hasil yang lumayan. Sukalah saya menyeru dan menggesa supaya semua pihak dalam negara ini terus memberi kerjasama dan sokongan untuk memajukan lagi industri pelancongan negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

*5.13 ptg.*

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah mencadangkan supaya mengadakan lebih banyak lagi aktiviti untuk meningkatkan tahap integrasi dan perpaduan negara, khususnya di antara rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Pusat memang sedar bahawa perpaduan negara dan integrasi adalah amat penting bagi menentukan kestabilan politik dan ekonomi negara.

Atas kesedaran inilah Kerajaan telah mewujudkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk meningkatkan lagi usaha-usaha terhadap perpaduan dan kebajikan rakyat. Ke arah ini, Kementerian baru ini akan merancang dan melaksanakan lebih banyak lagi program dan aktiviti supaya dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduknya yang berbilang kaum dan agama, bersatupadu dan mengamalkan budaya ikram. Dalam usaha ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan sentiasa mengambil kira kepentingan dan keperluan penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat juga menyatakan bahawa masalah perpaduan negara boleh timbul sekiranya pihak Pemimpin Pusat hanya mendengar dan mempercayai maklumbalas mengenai keadaan di Sabah daripada satu kumpulan sahaja. Saya suka menegaskan di sini bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah berbuat demikian. Saya memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, segala maklumat yang diambilkira oleh Kerajaan Pusat sama ada mengenai

negeri Sabah atau mana-mana negeri yang lain adalah diselidik dan dikaji dengan halus sebelum mengambil sesuatu keputusan atau tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuanan telah membangkitkan isu mengenai identifikasi bangsa di dalam borang-borang yang digunakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini perlu diberi perhatian. Berhubung dengan perkara ini, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sedang mengkaji semula borang-borang yang digunakan di sektor awam dan di mana yang tidak perlu soalan mengenai bangsa akan digugurkan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyentuh tentang Rukun Tetangga. Memanglah benar bahawa ramai di kalangan kita yang salah-faham terhadap konsep dan kegiatan Rukun Tetangga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang giat memperkenalkan kepada orang ramai tentang Rukun Tetangga. Aktiviti Rukun Tetangga sekarang sebenarnya telah diubah kepada aktiviti kejiranan yang bercorak kesukanan, kebudayaan, gotong-royong dan sebagainya. Kerajaan berpendapat bahawa kegiatan-kegiatan seperti ini dapat memainkan peranan yang penting bagi merapatkan lagi masyarakat kita yang berbilang kaum dan agama.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bahawa sektor swasta dan badan-badan sukarela hendaklah memainkan dan melaksanakan peranan yang penting untuk membantu usaha Kerajaan dalam mencapai perpaduan negara. Kerajaan sedar bahawa tanpa penyertaan semua lapisan masyarakat,

negara tidak akan mencapai matlamatnya. Ke arah ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telahpun meningkatkan lagi penyertaan sektor-sektor swasta dan sukarela dalam rancangan serta program-programnya.

Dalam hubungan ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada semua pihak yang berkenaan dan rakyat Malaysia untuk berusaha bersungguh dan memainkan ataupun melaksanakan peranan masing-masing dalam perjuangan kita untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Awam.

*5.21 ptg.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan mengenai Rang Undang-undang Rancangan Malaysia Keenam yang menyentuh Kementerian Perusahaan Awam. Di atas perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya mengucapkan terima kasih dan mengharapkan bahawa saranan dan teguran yang membina akan dapat digunakan sebagai panduan untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi agensi-agensi Kementerian Perusahaan Awam.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Dungun pada 16hb Julai 1991, sukalah saya menjelaskan bahawa pada asalnya MARA sememangnya merancang untuk membina sebuah mini MRSMnya di Dungun. Walau bagaimanapun, disebabkan projek berkenaan telah tidak diluluskan peruntukan, maka projek berkenaan telah tidak diteruskan. Sebaliknya MARA telah mengambil tindakan untuk membina mini MRSM tersebut di Kuala Berang yang telah diluluskan peruntukan sebanyak \$4 juta di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Mini MRSM kini di dalam peringkat pembinaan.

Mengenai cadangan pembinaan sebuah politeknik di kawasan Dungun bagi menggantikan projek berkenaan, ianya adalah di luar bidangkuasa Kementerian Perusahaan Awam. Projek ini adalah di bawah Kementerian Pendidikan. Namum demikian, sukalah saya menjelaskan bahawa peruntukan sebanyak \$26.25 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi pembinaan sebuah politeknik di Terengganu. Pihak Kementerian Pendidikan masih belum lagi memutuskan lokasinya oleh kerana projek berkenaan masih di dalam peringkat perancangan. Rayuan Yang Berhormat dari Dungun akan diambil kira apabila keputusan mengenai lokasi projek berkenaan dibuat kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula sistem pengagihan saham bumiputera kepada PKEN-PKEN kerana kononnya PKEN-PKEN menyalahgunakan kemudahan ini untuk mendapatkan keuntungan yang singkat. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa walaupun PKEN-PKEN dibenarkan memperolehi saham bumiputera, ia tidak boleh menjualkan saham-saham ini dengan sewenang-wenangnya bagi mendapatkan keuntungan yang singkat. Segala transaksi hendaklah dirujuk kepada

Kementerian Kewangan untuk kelulusan dengan sebab-sebab yang rasional. Oleh yang demikian, tidak perlulah Kerajaan mengkaji semula sistem pengagihan saham bumiputera kepada PKEN-PKEN. Badan amanah seperti PNB masih boleh mendapatkan saham-saham bumiputera seperti biasa dan ini boleh dilakukan tanpa mengambilalih saham-saham yang diperuntukkan kepada PKEN-PKEN.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Penjelasankah?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Ya, terima kasih. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tujuan sebenar Kerajaan memperuntukkan saham-saham tersebut kepada Perbadanan-perbadanan Ekonomi Negeri. Bukankah ia bertujuan supaya Perbadanan ini memegang ekuiti saham tersebut sepertimana yang dikehendaki iaitu sekurang-kurangnya 30% tidak lepas ke tangan asing. Walaupun sepertimana Yang Berhormat terangkan tadi SEDC terpaksa mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan, tetapi dengan kelulusan yang diberi ini, dengan izin, this defeats the purpose, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah tujuan sebenar SEDC diberi saham-saham tersebut?

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenarnya adalah seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat. Jadi, perkara mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan adalah mengikut prosedur yang mesti dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah membangkitkan mengenai masalah.....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Saya hendak teruskan. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah membangkitkan mengenai masalah penswastan oleh pihak Kerajaan. Adalah dimaklumkan bahawa skim penswastan adalah merupakan satu program yang berterusan yang dijalankan oleh Kementerian Perusahaan Awam dan penswastan menerusi management buy-out, dengan izin, pula adalah satu daripada beberapa cara atau pendekatan yang dijalankan oleh Kerajaan ke arah ini. Penswastan cara ini akan terus dijalankan sekiranya terdapat cadangan atau proposal yang munasabah daripada pihak pengurusan syarikat-syarikat Kerajaan.

Mengenai cadangan mewujudkan badan pemasaran bumiputera pula, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telahpun melaksanakan STRATI tetapi tidaklah 100% sepertimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada masa ini badan-badan seperti ini telah diwujudkan di bawah konsep payung di mana BESTA dilantik menjadi badan pemasaran bagi industri makanan, GMTC bagi pengeluaran-pengeluar perabot dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pemohonan-permohonan untuk mendapatkan teksi. Sukacita saya maklumkan bahawa pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mengambil satu langkah iaitu dengan menentukan tarikh untuk permohonan dan tempoh

pemerosesan permohonan permit-permit tersebut. Langkah yang diambil ialah menentukan bahawa tempoh selama tiga bulan untuk permohonan permit-permit manakala tiga bulan kedua untuk pemerosesan-pemerosesan. Ini bermakna bahawa pihak LPKP telah menetapkan supaya pada setiap tahun pemohon-pemohon boleh mengemukakan permohonan mereka untuk dua kali. Langkah ini dibuat adalah sebagai usaha mengatasi kelambatan permohonan permit-permit yang akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon.

Di samping itu, pihak Kementerian Perusahaan Awam telah bersetuju untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan LPKP iaitu pada 1.7.91 di zon timur bertempat di Kuala Terengganu; 1.10.91 di zon utara bertempat di Sungai Petani, Kedah; manakala 1.1.92 adalah diharapkan sebuah pejabat cawangan LPKP bagi zon selatan akan ditubuhkan di Muar, Johor. Walau bagaimanapun, pihak LPKP mengharapkan selain daripada langkah-langkah seperti yang disebutkan, maka pihak-pihak pemohon diharapkan dapat memenuhi kehendak-kehendak dan syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan oleh LPKP iaitu keupayaan modal dan ini juga berdasarkan kepada kuota keperluan kenderaan-kenderaan awam seperti yang diperlukan pada satu-satu kawasan yang dipohon.

Sekianlah sahaja jawapan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Sekali lagi, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.28 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan perhatian terhadap Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan seterusnya membangkitkan beberapa teguran semasa perbahasan ke atas usul Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10hb Julai, 1991.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah membangkitkan isu mengenai pengurusan alam semula jadi di negara ini khususnya berkaitan satu bab mengenai alam sekitar yang dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ingin saya menegaskan di sini bahawa ini bukanlah pertama kali satu bab mengenai alam sekitar dimasukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Lima Tahun. Bahkan pada tahun 1976 lagi, iaitu Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai Bab mengenai Pembangunan dan Alam Sekitar, diikuti dengan Rancangan Malaysia Kelima dengan Bab Alam Sekitar juga.

Mengenai prosedur Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar, atau Environment Impact Assessment, dengan izin, yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, ianya dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sejak 1hb April, 1988, setelah peruntukan yang dikehendaki aktiviti-aktiviti yang ditetapkan melalui prosedur EIA secara mandatori diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1985.

EIA berfungsi sebagai salah satu alat untuk membantu pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk meluluskan projek-projek sama ada di darat atau di laut. Membuat pertimbangan yang

sebaik mungkin dengan mengambil kira bukan sahaja aspek ekonomi dan teknikal tetapi juga faktor-faktor alam sekitar. Selain daripada itu bagi projek-projek yang berbahaya analisis risiko (risk analysis), dengan izin, juga dijalankan. Prosedur ini dirangka dengan teliti setelah mengambil kira aspek perundangan, pentadbiran, sosio-ekonomi dan alam sekitar. Dengan itu prosedur yang diamalkan sekarang diintegrasikan dalam sistem perancangan, kelulusan dan pelaksanaan pembangunan yang sedia ada. Kita tidak harus mempersoalkan hal-hal berkaitan tanah, hutan dan air yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan maka tidak timbul hal Kerajaan Persekutuan memaksa Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan prinsip hormat menghormati dan cara perundingan untuk menyelesaikan apa-apa masalah antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Saya yakin Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan dipilih oleh rakyat akan mengambil kira semua faktor untuk menjamin pembangunan yang berterusan demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Maran, Tumpat, Nilam Puri membangkitkan isu pembuangan bahan-bahan terjadual di Pantai Remis, suka saya memaklumkan di sini bahawa Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian saya telah pun menjalankan penyiasatan pada 8hb Julai, 1991 di kawasan yang diadakan. Contoh-contoh bahan telah diambil untuk dianalisa bagi menentukan jenis sama ada ianya bahan-bahan toksid atau sebaliknya. Dari laporan analisa yang dibuat oleh Jabatan Kimia ke atas sample yang diambil pada 9hb Julai, 1991 adalah didapati bahan buangan tersebut mengandungi logam berat. Satu mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Daerah Manjong telah

diadakan pada 15hb Julai berikutan dari mesyuarat tersebut beberapa ketetapan telah dibuat:

- (i) Kawasan berkenaan ditutup dan dikawal oleh pihak Polis;
- (ii) Pihak Polis menjalankan penyiasatan untuk menentukan pihak yang bertanggungjawab;
- (iii) Pihak Kastam menyiasat dan menyemak rekod untuk menentukan bila bahan tersebut dibawa masuk, jika dapat;
- (iv) Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Penyiasatan Kajibumi menentukan keluasan kawasan yang terlibat; dan
- (v) Lembaga Kemajuan Ikan dan Jabatan Perikanan mengambil sample kerang untuk kajian oleh Jabatan Kimia.

Mesyuarat susulan akan diadakan pada 22hb Julai. Tindakan undang-undang akan diambil setelah semua penyiasatan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedar akan keperluan menguruskan buangan terjadual dengan baik. Prosedur EIA membantu Kerajaan membuat keputusan mengenai industri dan aktiviti yang mengeluarkan buangan terjadual.

Selain dari itu peraturan-peraturan dikuatkuasakan sejak tahun 1989 untuk menguruskan hal-hal berkaitan pengeluaran, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kemudahan bersepadu untuk mengolah dan melupuskan buangan terjadual akan dibina ditapak yang sesuai. Kajian EIA akan dijalankan untuk menentukan kesesuaian tapak serta langkah-langkah kawalan dan tebatan untuk mengelakkan

dan mengurangkan kesan-kesan negatif ke atas alam sekitar dan menjamin keselamatan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya ke atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas perhatian yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat membahar usul mengenai Rancangan Malaysia Keenam.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandau, Bandar Kuching, Tuaran, Machang dan Teluk Intan yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau dan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah menyentuh mengenai perkhidmatan bomba, khususnya di Negeri Sabah. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Machang telah menyentuh mengenai program perumahan awam kos rendah. Manakala Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan perkara-perkara mengenai pembangunan kampung-kampung dan ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian memang menyedari

bahawa perkhidmatan bomba di seluruh negara termasuk juga di Sabah masih lagi ketinggalan. Usaha-usaha telah, sedang dan akan dibuat untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan bomba di Sabah termasuklah pembelian kereta dan alat kelengkapan yang moden serta membina balai-balai bomba baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak \$192.47 juta peruntukan pembangunan berbanding dengan sebanyak \$47.2 juta di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan tambahan ini adalah untuk tujuan mempertingkatkan perkhidmatan, peralatan, menyediakan latihan kepada pegawai-pegawai dan pengambilan pegawai-pegawai baru untuk mempertingkatkan perkhidmatan bomba di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian ini bercadang untuk membina Balai-balai Bomba di Kota Merudu, di Beauford, di Tuaran dan di Ranau di Negeri Sabah. Projek-projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun 1992. Kementerian ini juga melalui Jabatan Bomba akan terus berusaha untuk meningkatkan Perkhidmatan Bomba di Sabah. Antara usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat adalah:

- (a) Menghantar jentera dan peralatan sebanyak 2 buah kereta bomba baru, dua buah tangga berjentera, satu command car dan 8 unit portable pump;
- (b) Menghantar pegawai-pegawai bomba menghadiri kursus bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan ahli-ahli bomba;
- (c) Mengkaji dan mengenal pasti tempat-tempat yang memerlukan Balai-balai Bomba;

- (d) Membuat permohonan pengambilan tanah dan Balai Bomba akan didirikan serta merta bila mana peruntukan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dalam ucapan beliau telah membangkitkan hal pembinaan Balai Bomba Tuaran yang masih belum dibina meski pun telah dirancang pembinaannya pada tahun 1984.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, perkhidmatan Bomba Negeri Sabah telah diterapkan ke dalam Perkhidmatan Bomba pada tahun 1981 dan secara fizikalnya bermula pada 1hb Januari 1982. Dalam tahun yang sama, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$156,272.00 bagi membayar pengambilan milik tanah bertujuan membina Balai Bomba di Tuaran. Oleh kerana peruntukan yang amat terhad pembinaan Balai Bomba di Tuaran tidak dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima kerana terdapat keperluan-keperluan lain yang lebih mendesak. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak \$1.4 juta bagi membina Balai Bomba di kawasan berkenaan.

Kerja-kerja awal seperti ukur sempadan, kajiselidik tanah dan urusan tender akan dimulakan pada tahun ini dan proses pembinaan akan dimulakan pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang program perumahan awam kos rendah, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menyarankan supaya perancangan perumahan kos rendah di Sarawak dipertingkatkan lagi bagi membolehkan mereka yang berpendapatan rendah mampu membeli rumah. Beliau juga telah membangkitkan tentang ketiadaan pelaksanaan rumah kos rendah khas di negeri berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa program perumahan awam kos rendah sememangnya ditujukan kepada golongan berpendapatan rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini terbahagi kepada dua jenis iaitu pertama, perumahan awam kos rendah, dan yang kedua, skim pertapakan dan kemudahan.

Di bawah program perumahan awam kos rendah, golongan berpendapatan tidak melebihi \$750 sebulan berkecukupan memohon rumah kos rendah yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Bagi skim pertapakan dan kemudahan, golongan berpendapatan tidak melebihi \$500 sebulan di Semenanjung dan \$600 sebulan di Sabah dan Sarawak berkecukupan memohon rumah yang berharga tidak melebihi \$10,000 di Semenanjung dan \$13,000 di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima projek perumahan awam kos rendah berjumlah 2,224 unit telah dilaksanakan di negeri Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan bercadang untuk melaksanakan sebanyak tiga projek berjumlah 988 unit di negeri tersebut.

Sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah, usaha-usaha akan terus dijalankan bagi membina lebih banyak lagi rumah-rumah di bawah Skim SPK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 15 projek tersebut berjumlah 3,302 unit dicadang untuk dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam di negeri Sarawak, berbanding dengan sebanyak tiga projek yang berjumlah 544 unit yang diluluskan bagi negeri berkenaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Selain daripada PAKR dan SPK, Kerajaan Negeri juga menyediakan program-program yang lain untuk golongan berpendapatan rendah, yang termasuk projek rumah panjang yang berharga tidak melebihi \$10,000 seunit. Langkah-langkah yang diambil jelas menunjukkan kesanggupan Kerajaan bagi menyediakan lebih banyak rumah khususnya kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu memiliki rumah-rumah biasa di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga telah membangkitkan mengenai ketiadaan pelaksanaan program khas perumahan kos rendah di negeri Sarawak di antara tahun 1986 - 1990. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya tidak ada projek program khas perumahan awam kos rendah yang didaftarkan untuk pelaksanaan di Sarawak untuk tempoh yang disebutkan itu. Ini disebabkan kerana tidak ada sambutan dari pemaju-pemaju di negeri berkenaan untuk melaksanakannya disebabkan oleh harga bahan binaan yang tinggi dan juga kesukaran untuk mendapatkan tapak yang benar-benar sesuai di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Machang telah mencadangkan supaya faedah 4% program perumahan kos rendah dihapuskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faedah 4% yang dikenakan bagi projek perumahan kos rendah yang dimaksudkan itu ialah untuk pinjaman dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi projek-projek rumah awam kos rendah.

Kerajaan berpendapat kadar faedah yang dikenakan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah bagi pinjaman yang serupa di pasaran terbuka. Bagi program perumahan awam kos rendah di bawah skim

pertapakan dan kemudahan yang berharga \$10,000 di Semenanjung Malaysia dan \$13,000 di Sabah dan Sarawak, faedah bagi pinjaman untuk membeli tapak dan rumah di bawah skim ini telahpun dihapuskan dalam tahun 1990 lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan sama ada kategori kampung dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah termasuk kampung-kampung baru dan ladang-ladang. Beliau juga menyarankan supaya kemudahan infrastruktur di kampung-kampung baru dan ladang-ladang diberikan perhatian dan diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, terdapat beberapa kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab, menjaga dan mengawal pelaksanaan projek pembangunan, kemudahan dan infrastruktur di kampung-kampung dan ladang-ladang.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya bertanggungjawab ke atas kampung-kampung baru yang diwujudkan semasa zaman darurat iaitu tahun 1948 - 1960 dan kini terletak di dalam Pentadbiran Perkhidmatan Penguasa Tempatan dan tidak lagi dipanggil sebagai kampung-kampung baru tetapi diistilah sebagai kampung-kampung yang ada di dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan. Manakala bagi kawasan-kawasan perkampungan yang terletak di dalam kawasan luar bandar seperti kampung-kampung tradisi dan ladang-ladang di bawah rancangan Kerajaan seperti FELCRA dan FELDA adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, manakala kemajuan ladang-ladang di bawah pengurusan.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Biarkan saya habiskan ayat ini dulu. Manakala ladang-ladang di bawah pengurusan pihak swasta adalah di bawah tanggungjawab mereka.

Walau bagaimanapun, sukacita ditegaskan Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di kawasan tersebut. Di samping memastikan kemudahan-kemudahan yang sedia ada, dipertingkatkan lagi tahap pembangunannya.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar atau tidak bahawa peruntukan sebanyak \$20 juta telah disediakan untuk pembangunan kampung-kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam? Kalau begitu, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambahkan peruntukan sebanyak itu kerana ada banyak lagi masalah seperti kekurangan tanah dan kesesakan penduduk yang memerlukan lebih banyak peruntukan diberikan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan Ahli Yang Berhormat itu benar iaitu sebanyak \$20 juta diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan Kementerian sentiasa mengkaji daripada semasa ke semasa peruntukan yang berkenaan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan pembangunan adalah menyeluruh dan keperluan ini adalah dilihat dari kaca mata keperluan dan keutamaan. Dan sekiranya keperluan semua hendak diambil kira, bukan sahaja Kerajaan tidak berkemampuan untuk melaksanakannya, bahkan tenaga pekerja profesional dan pekerja-pekerja lain pun tidak mungkin dapat melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini.

Segala cadangan dan pandangan yang telah diberikan akan diambil perhatian untuk mempertingkatkan prestasi Kementerian dalam memenuhi hasrat dan cita-cita rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

*5.49 ptg.*

**Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan di bawah bidangkuasa Kementerian ini sepanjang perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Keenam. Insya Allah, semua teguran-teguran tersebut daripada penyokong Kerajaan dan Pembangkang akan diteliti dan diambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Ramai daripada kalangan Ahli Yang Berhormat telah menyentuh secara umumnya tentang keperihatinan terhadap perkembangan dan pembangunan masyarakat belia di negara ini serta langkah-langkah yang patut diambil bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang untuk generasi muda negara kita.

Sukacita saya menegaskan soal pembangunan generasi belia dalam negara ini adalah menjadi intipati utama proses perancangan kemajuan negara yang akan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Keenam.

Kerajaan berkeyakinan bahawasanya pembangunan yang benar-benar bermakna akan hanya dapat dilahirkan menerusi perwatakan serta jenerasi muda yang mempunyai nilai-nilai dan sifat-sifat tertentu yang berkeupayaan untuk menjadi egen dalam proses pengisian pembangunan yang tersebut. Dalam kata lain pembangunan negara adalah berteraskan kepada konsep pembangunan manusia itu sendiri sebagai pra-syarat utama dalam mencapai kemajuan. Selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020, Kementerian telah mengambil beberapa langkah secara tersusun bagi memastikan matlamat tersebut akan dilaksanakan dengan berkesan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan soal program untuk golongan remaja. Sukacita saya menegaskan bahawa pihak Kementerian telah menyusun program secara lebih teratur di bawah Program Induk Belia Negara. Sebagai contoh, ingin saya sebutkan di sini, di bawah Program Malaysia Cemerlang, satu gerakan secara tersusun untuk mendorong para belia, khususnya dan masyarakat umumnya bagi mementingkan aspek kecemerlangan dalam segala gerak kerja yang dilakukan. Untuk makluman juga, Kementerian adalah menjadi Sekretariat kepada Gerakan Budaya Kerja Cemerlang yang telah dilancarkan ke seluruh negara dan pada tahun ini penumpuan akan diberikan kepada pelancaran Gerak Budaya Kerja Cemerlang di peringkat negeri-negeri. Pelbagai anugerah, insentif serta program-program susulan telahpun disusun oleh Sekretariat ini untuk menekankan soal pentingnya Budaya Kerja Cemerlang dalam proses menjayakan pembangunan negara.

Di bawah Program Malaysia Cergas, lebih banyak program-program yang lebih berfaedah diatur untuk disertai oleh para belia di seluruh negara. Kegiatan-kegiatan riadah dan sukan

yang bercorak Sports for All diberikan keutamaan pada tahun ini. Mulai pada tahun ini semua daerah-daerah di seluruh negara diberikan peruntukan khusus untuk menganjurkan Sukan Rakyat dan begitu juga peruntukan berjumlah \$2.4 juta mulai pada tahun ini diberikan kepada daerah-daerah di seluruh negara untuk menganjurkan Pesta Sukan Hari Kebangsaan sebagai satu daripada contohnya. Misalnya, di bawah Program Malaysia Patriotik pula, satu peruntukan yang besar telahpun diperuntukan oleh Kerajaan menerusi Biro Tata Negara bagi mengadakan program latihan, perubahan sikap kepada seluruh masyarakat Malaysia, terutamanya penekanan diberikan kepada masyarakat belia.

Kementerian ini akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri untuk menganjurkan lebih banyak program-program untuk proses pembentukan sikap dan kecintaan kepada negara, perasaan bertanggungjawab dan memupuk nilai-nilai yang murni di kalangan belia di dalam negara kita. Menerusi Kementerian ini sahaja kita menjangkakan dan berharap dalam tempoh 5 tahun yang akan datang kita akan dapat memberi peluang kepada kira-kira setengah juta jenerasi belia untuk mengikuti pelbagai program khususnya di bawah Program Bina Negara dengan kerjasama Biro Tata Negara.

Di bawah Program Malaysia Harmoni pula kita menganjurkan pelbagai program dengan keutamaan diberikan ke arah mendorong para belia bukan Melayu terutamanya untuk mengambil bahagian yang lebih cergas dalam kegiatan-kegiatan berpersatuan. Kegiatan-kegiatan akan didorong ke arah kegiatan yang bercorak memberi peluang untuk interaksi dan perpaduan yang lebih rapat di kalangan belia pelbagai kaum dalam negara kita. Di bawah Program Malaysia Mahir, satu kajian yang teliti telah dibuat berasaskan kepada kajian semula

kepada perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan dan beberapa perubahan akan dilakukan. Pusat-pusat Latihan Kemahiran akan diubah kurikulumnya supaya lebih sesuai dengan keperluan semasa. Penambahan bilangan Pusat-pusat Latihan akan diadakan dan dibawah Rancangan Malaysia Keenam sejumlah peruntukan kira-kira \$27 juta dan ditambah dengan \$6 juta untuk Institiut Belia Usahawan akan dilaksanakan.

Begitu juga di bawah Program Malaysia Mahir, beberapa program dengan kerjasama pihak swasta akan mula diberikan perhatian. Satu usaha sedang dibuat dengan kerjasama pihak swasta di mana pelaksanaan pinjaman di bawah Tabung Usahawan Belia serta pinjaman di bawah bahagian industri kampung, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan digabungkan dengan usaha sama pihak swasta untuk memastikan kegiatan ekonomi dan komersial yang dijalankan oleh para belia mencapai kejayaan yang lebih berkesan.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga telah membangkitkan soal masalah kekurangan Pegawai di Pejabat Belia dan Sukan Daerah. Pihak Kementerian ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat atas pandangan Yang Berhormat itu yang menandakan bahawa Yang Berhormat memahami masalah yang sedang dihadapi pada ketika ini. Masalah kekurangan pegawai di peringkat bawahan adalah merupakan satu masalah yang telah menjelaskan sedikit keberkesanan pelaksanaan berbagai usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian pada masa ini. Ini adalah kerana sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, terdapat daerah-daerah yang luas yang di dalamnya terdapat lebih daripada satu kawasan Parlimen misalnya, tetapi hanya diuruskan oleh hanya seorang Pegawai Rendah sahaja. Ini menyebabkan banyak program-program tidak dapat dijalankan dengan sempurna

memandangkan banyaknya bilangan Persatuan-persatuan Belia dan kegiatan-kegiatan sukan yang patut diberikan perhatian dalam kawasan tersebut.

Dalam hubungan ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menyiapkan satu cadangan bagi memperkukuhkan struktur organisasi Kementerian dengan memberikan penekanan kepada masalah di Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri dan daerah-daerah. Cadangan ini insya Allah akan dikemukakan kepada agensi pusat yang bertanggungjawab mengenai perjawatan untuk dipertimbangkan. Cadangan ini termasuklah juga untuk memohon jawatan-jawatan tambahan yang sesuai dan menggredkan semula jawatan-jawatan yang sedia ada selaras dengan pertambahan bidang tugas banyak bagi melaksanakan program-program yang telah diaturkan oleh Kementerian di masa-masa yang akan datang.

Sebagai langkah sementara juga Kementerian sedang mengenalpasti satu kumpulan sukarelawan yang akan memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai belia di peringkat daerah dalam menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut. Kira-kira 7,000 pelupur sedang dikenalpasti dan akan diberikan bimbingan yang sewajarnya bagi membantu proses menjayakan program-program anjuran Kementerian. Satu perkara lagi yang berkaitan dengan galakan untuk kegiatan golygon remaja seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong ialah Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan satu pengiktirafan kepada jenerasi belia dalam negara kita ini secara keseluruhannya iaitu di kalangan para remaja yang telah mencapai tahap kecergasan yang tertentu akan diberi pengiktirafan oleh negara di bawah skim yang dipanggil Anugerah Remaja Emas Perdana. Para belia di antara umur 14 hingga 25 tahun yang mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan secara cergas akan diberikan rekod dan catitan tahap pencapaian yang

tertentu secara sistematik dan apabila mereka mencapai tahap-tahap tertentu mereka akan diberikan penganugerahan dan pengiktirafan secara berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan soal ramainya di kalangan kaum belia yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Dalam satu kajian yang telah dijalankan oleh Pasukan Petugas Anti-Dadah, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri adalah didapati sememangnya terdapat ramai bilangan belia di kalangan umur antara lingkungan 15 tahun hingga 25 tahun yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sebahagian daripada mereka ini sememangnya terdiri daripada golongan belia sama ada belia yang masih bersekolah ataupun mereka yang telah bekerja dan juga belia-belia yang menganggur. Antara faktor yang mendorong berlakunya penyalahgunaan dadah termasuklah masalah yang berkaitan dengan mencari keseronokan, perasaan ingin tahu, pengaruh rakan sebaya, hasil sampingan daripada rawatan perubatan ataupun terlibat dalam kegiatan dadah secara tidak sengaja dan kerana masalah-masalah tekanan jiwa.

Di peringkat Kementerian, sepertimana yang kita maklum, usaha membasmi dan membanteras penyalahgunaan dadah dilakukan oleh banyak agensi dan banyak Kementerian. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan beberapa langkah tertentu telahpun diambil. Antara langkah yang sedang dipertimbangkan ialah untuk mewujudkan Pusat Komunikasi Belia Bandar dengan memilih tempat-tempat yang sesuai dengan diwujudkan kegiatan-kegiatan secara berkelompok supaya memberi ruang yang lebih luas kepada kegiatan para belia di tempat-tempat yang tersebut dan memberikan juga peluang-peluang counselling dan sebagainya bagi kawasan-kawasan yang dikenalisti. Pusat Penerangan Belia

bagi kawasan bandar di kawasan-kawasan kompleks perniagaan juga akan diperkembangkan.

Selain daripada itu, peningkatan program rekreasi secara lebih meluas akan dijalankan oleh Kementerian secara berperingkat-peringkat. Kementerian akan menjalankan usaha untuk menggalakkan belia mengambil bahagian dalam kegiatan beroganisasi secara lebih tersusun di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjung dan Yang Berhormat dari Seputeh serta Yang Berhormat dari Kuala Trengganu telah membangkitkan masalah Koperasi Belia Nasional (KOBENA) semasa perbahasan. Sukacitalah saya menjelaskan bahawasanya dalam konteks ini Kementerian hanyalah mempunyai peranan sebagai penasihat kepada perjalanan koperasi tersebut. Koperasi ini perlulah dijelaskan bahawa ianya telah ditubuhkan mengikut undang-undang koperasi yang biasa, sepertimana juga koperasi-koperasi yang lain.

Menteri Belia dan Sukan adalah selaku orang yang dipertanggungjawabkan untuk memberi nasihat kepada KOBENA dalam urusan perjalanannya yang mana ditadbirkan sepenuh oleh Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh ahli-ahli Koperasi itu sendiri dan Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung yang sepatutnya dijalankan pada setiap tahun.

Memang benar mengikut maklumat yang ada pada Kementerian, KOBENA pada masa ini mengalami kerugian yang agak besar dan antara sebab-sebab kerugian tersebut adalah pertamanya, termasuklah projek-projek yang dijalankan semasa kemelesetan ekonomi telah menemui kegagalan serta beberapa kegagalan dalam urusanniaga biasa yang dijalankan oleh Koperasi tersebut.

Pada masa ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, perjalanan KOBENA masih berjalan seperti biasa dan ditadbirkan oleh satu Lembaga mengikut peraturan-peraturan yang ada di bawah undang-undang yang mengawal kegiatan koperasi di negara kita. Walaupun demikian, pihak Kementerian telah mengambil langkah untuk memberi nasihat-nasihat yang tertentu kepada pengurusan KOBENA. Antaranya ialah:

- (i) KOBENA dinasihatkan supaya tidak lagi menjalankan sebarang projek yang baru;
- (ii) KOBENA dinasihatkan supaya menumpukan kepada usaha memungut segala hutang-hutang yang telah tertunggak begitu lama;
- (iii) KOBENA telah dinasihatkan supaya mengurangkan kos operasinya dan juga dinasihatkan supaya mengurangkan bayaran elaun kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya.
- (iv) KOBENA telah dinasihatkan supaya menyiapkan akaun tahunan dan Penyata Tahunan supaya dapat dibentangkan kepada ahli-ahlinya;
- (v) KOBENA telah dinasihatkan supaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunannya dengan seberapa segera kerana mesyuarat itu telah tidak diadakan sejak tiga tahun yang lalu;
- (vi) KOBENA telah dinasihatkan supaya memastikan tidak ada penyelewengan yang berlaku pada masa ini dan penyiasatan dibuat terhadap perjalanan pentadbiran pada masa yang lalu dan sekiranya terbukti mempunyai bukti yang cukup bahawasanya berlaku penyelewengan dalam proses

mentadbirkan KOBENA, maka Ahli Lembaga Pengarah yang ada sekarang telah diminta supaya mengambil tindakan, dengan izin, without fear or favour. Ahli Lembaga Pengarah KOBENA juga telah pun diberikan nasihat supaya perjalanan KOBENA pada masa ini dibuat dengan penuh berhati-hati dan tertakluk kepada segala peraturan-peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, ada juga tuduhan-tuduhan yang kononnya KOBENA ini mengalami masalah kerana ia telah disalahgunakan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Saya ingin membuat penjelasan dan penegasan di sini bahawasanya setakat yang kita tahu pada masa ini tidak ada sebarang bukti yang menunjukkan bahawasanya Pemuda UMNO terlibat dalam masalah urusan KOBENA. Kalau pun ada individu-individu tertentu yang merupakan anggota parti, ini tidak semestinya anggota parti UMNO sahaja kerana keanggotaan di dalam KOBENA dan ahli-ahli KOBENA terdiri dari pelbagai kaum yang kemungkinan menjadi ahli pelbagai parti.

Mengenai surat yang bertarikh 20hb Mei 1991 yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh, sukaiah saya menjelaskan bahawa surat itu adalah surat daripada Pengerusi Lembaga Pengarah KOBENA kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan melalui Menteri Belia dan Sukan mengenai cadangan untuk KOBENA dibaikpulih serta permohonan pertimbangan-pertimbangan tertentu bagi membolehkan KOBENA menjalankan urusan serta mengalami sedikit perubahan dan pembaikan. Cadangan-cadangan itu sedang dikaji oleh Kementerian Belia dan Sukan dan akan diangkat kemudian kepada pihak Menteri Kewangan.

Yang Berhormat dari Seputeh juga telah meminta penjelasan mengenai penggunaan wang KOBENA di bawah butiran-butiran tertentu. Butiran-butiran yang dibangkitkan itu yang sebenarnya adalah merupakan senarai siberhutang yang mana maklumat itu telahpun dapat ke tangan Ahli Yang Berhormat tersebut. Senarai-senarai yang disebutkan itu adalah sebahagian daripada ratusan senarai siberhutang yang pada masa ini sedang diambil tindakan oleh pengurusan KOBENA mengikut saluran-saluran yang biasa.

Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah membangkitkan soal perasaan kluatir bahawa Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad yang baru ditubuhkan akan mengalami masalah yang sama dengan KOBENA. Sukalah saya menyebutkan bahawa sememangnya ada asas untuk kesangsian yang sedemikian. Walaupun demikian, langkah-langkah tertentu telah diambil. Koop Belia Negara yang baru ditubuhkan telah didaftarkan secara rasmi oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia pada 17hb Julai 1990 dengan Daftar No. 97.

Di bawah perlembagaan tersebut, beberapa pembaharuan dan juga peraturan yang lebih ketat telah diperkenalkan. Antaranya, peruntukan yang disediakan ialah kuasa Menteri Belia dan Sukan mengikut peruntukan 50(1) Perlembagaan Koop Belia menyebut:

- (i) berkuasa melantik 5 orang ahli Lembaga Koperasi sebagai anggota Lembaga;
- (ii) melantik seorang Pengerusi dan seorang Naib Pengerusi di antara anggota Lembaga;
- (iii) Menteri juga diberi kuasa melantik dan memberi persetujuan ke atas perlantikan seorang Pengurus Besar dan seorang Setiausaha yang dilantik oleh Lembaga;

- (iv) menarik balik keahlian dan jawatan Pengarah yang dilantik mengikut Undang-undang Kecil 38(1)(ii) dan 50(1)(i) jika didapati seseorang yang dilantik itu tidak menjalankan tugas dengan sempurna;
- (v) meluluskan setiap pelaburan Koperasi yang melebihi \$100,000 dalam saham-saham koperasi dan/atau saham-saham syarikat dan setiap pelaburan tambahan dalam sesuatu koperasi atau sesuatu syarikat jika jumlah pelaburan tersebut melebihi \$100,000.
- (vi) meluluskan pembelian atau pelaburan yang melebihi \$500,000 dalam harta-harta yang tidak boleh dianjak seperti tanah, bangunan, ladang dan lain-lainnya;
- (vii) meluluskan setiap pinjaman baru yang dibuat oleh Koperasi ini setelah keseluruhan pinjaman Koperasi ini meningkat kepada angka \$5 juta.
- (viii) meluluskan permohonan Koperasi ini dan untuk mendapatkan deposit tertentu dari ahli; dan
- (ix) kuasa Menteri Belia dan Sukan di bawah Undang-undang Kecil 50(1) tidak boleh dipinda kecuali dengan persetujuan Menteri Belia dan Sukan secara bertulis.

Kawalan-kawalan ini adalah berasaskan kepada pengalaman.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selepas mendengar penjelasan yang secara panjang lebar

yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya mungkin kita tidak boleh menyalahkan Yang Berhormat Menteri kerana dia mengambil tugas Kementerian selepas masalah-masalah yang timbul di KOBENA berlaku, tetapi oleh kerana KOBENA adalah di bawah kawalan Kementerian Belia dan Sukan, tidakkah bekas Menteri Belia dan Sukan yang juga adalah Yang Berhormat Menteri Pertahanan sekarang bertanggung jawab sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas skandal KOBENA atau masalah yang timbul dalam KOBENA kerana kegagalan dalam mengawalselia dan mengawas KOBENA untuk memastikan bahawa kerugian yang maha besar ini tidak berlaku? Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Annuar bin Musa:** Bekas Menteri Belia dan Sukan yang lalu tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dipersalahkan dalam masalah yang berlaku dalam KOBENA. Sepertimana yang saya telah jelaskan, KOBENA ditadbirkan oleh Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan ahli-ahlinya dan Menteri Belia dan Sukan adalah hanya mempunyai bidangkuasa untuk memberi nasihat sahaja. Kerugian yang berlaku dalam KOBENA adalah sebahagian besarnya kerugian yang timbul daripada urusan perniagaan yang biasa dan bukannya kerana sebab berlaku penyelewengan.

Dalam konteks ini, sukalah saya menegaskan dalam masalah penubuhan Koop Belia yang baru dan juga dalam soal KOBENA, Kerajaan tidak sekali-kali melindungi sesiapa, malah Kerajaan memberikan perhatian yang berat tentang jumlah 16,000 lebih ahli KOBENA yang sedang mengalami masalah. Sebab itulah langkah yang berterusan sedang dilakukan mengikut saluran-saluran yang biasa dan mengikut proses tindakan dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong yang membangkitkan tentang usaha Kerajaan untuk memberikan pembelaan yang sewajarnya terhadap keluarga Allahyarham Mokhtar Dahari yang telah kembali ke Rahmatullah pada minggu yang lepas. Sukacita saya menegaskan di sini, sememangnya Kerajaan memberikan pengiktirafan yang setinggi-tingginya atas segala sumbangan yang telah diberikan oleh Allahyarham itu.

Sebagai langkah serta-merta, apabila berita kematian Allahyarham diterima, pihak Kementerian di bawah Skim Kecemerlangan Atlit Kebangsaan telah memberikan sumbangan secara serta-merta sebanyak \$5,000 kepada keluarga Allahyarham itu dan pada masa ini Kementerian akan mengadakan rundingan dengan Persatuan Bolasepak Malaysia untuk memikirkan bentuk-bentuk penghargaan dan program-program yang dijalankan atas nama Allahyarham Mokhtar Dahari bagi memperingati dan mengiktiraf sumbangan Allahyarham kepada kemajuan sukan dalam negara ini.

Sukalah saya memberikan penegasan bahawasanya Kementerian melalui Majlis Sukan dan Persatuan Bolasepak Malaysia juga akan terus memberikan sokongan kepada Persatuan Bolasepak Selangor yang pada masa ini dengan kerjasama beberapa pihak mengendalikan Tabung Amanah Mokhtar Dahari dan peruntukan daripada Tabung Amanah itu difahamkan kepada Kementerian akan digunakan untuk membiayai kos pengajian ketiga-tiga orang anak Allahyarham hingga ke peringkat universiti.

Tabung ini akan diberikan perhatian oleh Kementerian dan Kementerian bersedia untuk menimbangkan di bawah program Basiswa Sukan untuk memberikan pertimbangan basiswa kalau sekiranya Tabung Amanah

Mokhtar Dahari tidak dapat menampung pembiayaan tersebut maka daripada Tabung Kumpulan Untuk Ahli Sukan boleh dipertimbangkan untuk memastikan anak-anak Allahyarham dapat meneruskan pelajaran yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran yang membina bagi membolehkan Kementerian ini mengambil tindakan-tindakan tertentu dalam menyempurnakan tugas. Sekian, wasalamualaikum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Luar Negeri.

*6.12 ptg.*

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa mengambil bahagian di dalam perbincangan ke atas Rancangan Malaysia Keenam.

Yang Berhormat dari Nilam Puri dalam perbincangannya ada menyentuh tentang pencerobohan-pencerobohan dari negara-negara jiran. Ingin saya jelaskan bahawa insiden-insiden yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak menggambarkan dan tidak menjejaskan perpaduan ASEAN. Sebagai jiran dekat yang berkongsi sempadan darat dan sempadan laut dan terdapat pula banyak interaksi ekonomi dagangan, budaya dan sosial, insiden-insiden begini tidak dapat dielakkan. Selanjutnya ingin juga saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Kerajaan negara-negara jiran sememangnya

menyelesaikan insiden-insiden sedemikian melalui saluran-saluran diplomatik, menerusi mekanisma yang sedia ada seperti Suruhanjaya Bersama....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Boleh.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah jelaskan bahawa ada laporan mengatakan bahawa tentera negeri China telah menguasai Spratly Island dan juga menguasai Pulau Terumbu Layang-Layang. Dan dia didapati kedua-dua pulau itu di claim oleh Malaysia sebagai kepunyaan Malaysia. Apakah Malaysia hendak membantah dengan keras terhadap sikap Negeri China yang cuba menguasai kedua-dua buah pulau tersebut? Jadi jikalau benar laporan yang ditulis di luar negeri.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, tuntutan ke atas kepulauan Spratly itu memang dituntut oleh beberapa buah negara termasuk China, Malaysia, Vietnam dan lain-lain lagi dan minggu lalu ada satu persidangan di Bandung khusus untuk membincang tentang tuntutan yang bertindas. Laporan akhbar yang dikatakan itu tidak dapat kita percaya dengan sepenuhnya. Kita menyerahkan kepada budibicara kepada pegawai-pegawai yang dihantar khusus untuk berbincang untuk kita berikhtiar mengatasi masalah tuntutan bertindas ini secara diplomatik. Oleh kerana soal ini amat sulit dia memerlukan masa yang agak lama juga, tetapi nampaknya niat yang ada pada setiap negara yang terlibat itu ialah untuk mencari penyelesaian melalui secara perbincangan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu inilah juga punca Far Eastern Economic Review 4 Julai diharamkan. Di antaranya memuatkan bahawa tentera China juga telah memasuki Pulau Terumbu Layang-Layang. Jadi Terumbu Layang-Layang ini adalah sah hak Malaysia. Apakah Kementerian Luar tidak mahu membantah keras terhadap sikap negeri China ini?

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Itu hanya ura-ura sahaja. Dia tidak berasas maka Kementerian Luar Negeri tidak perlu membuat apa-apa tindakan lebih daripada apa yang saya sebut sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah beberapa kali menjelaskan kedudukan Malaysia berkenaan dengan tuntutan Filipian ke atas Sabah di luar dan juga di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, sukalah saya mengulangi lagi bahawa pendirian kita dalam perkara ini adalah jelas iaitu negara kita mempunyai hak mutlak ke atas negeri Sabah.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Presiden Aquino sendiri telah secara rasmi menyatakan hasrat serta kesediaan Kerajaannya untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah. Namun begitu pada masa ini beliau masih belum berhasil untuk mendapatkan persetujuan pihak Senate Filipina mengenainya. Bagi Malaysia ini adalah masalah dalaman negeri Filipina itu sendiri dan oleh itu perlu diselesaikan oleh pihak Filipina itu sendiri. Dan kita dalam isu itu adalah jelas dan tegas. Sebaik sahaja tuntutan tersebut dapat digugurkan dengan rasminya maka Malaysia bersedia untuk meningkatkan kerjasama dalam berbagai bidang demi untuk faedah bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah bertanya sama ada Kerajaan akan terus mengekalkan dasar pemuluan ekonomi terhadap Afrika Selatan memandangkan apartheid telah mula diruntuhkan.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, inginlah saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa hari dahulu bahawa Malaysia akan hanya menentukan sikap kita seterusnya setelah berunding dan berbincang dengan pihak ANC (Kongres Kebangsaan Afrika) dan front line states, dengan izin, dan setelah mendapatkan pandangan mereka terlebih dahulu. Sebagaimana dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebarang langkah untuk menarik balik sekatan ke atas Afrika Selatan mestilah dilakukan melalui persetujuan ramai.

Mengenai saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Dungun supaya Malaysia berusaha mencari pasaran baru yang berpotensi seperti di Benua Afrika, inginlah saya menegaskan bahawa sememangnya menjadi dasar Kerajaan kita untuk terus mencari peluang-peluang yang baru dan berpotensi bukan sahaja di Afrika malah di lain-lain benua bagi meningkatkan eksport pengeluaran kita ke negara-negara tersebut dan juga mewujudkan kerjasama yang erat lagi berkesan dalam bidang ekonomi dan lain-lain termasuklah menggalakkan pelaburan dan penanaman modal.

Usaha-usaha yang telahpun kita laksanakan ini akan diperhebatkan lagi pada masa-masa akan datang terutama pada masa kini di mana perkembangan semasa memberikan galakan kepada kita untuk terus....

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak? Ini Yang Berhormat Kepong, sebelah kiri ini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Masa tidak ada, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa tidak ada.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** ...di mana perkembangan semasa memberikan galakan kepada kita untuk terus berusaha meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dan mencari jalan supaya kegiatan dalam bidang ekonomi dan perdagangan ini dapat diperluaskan dari masa ke semasa tanpa sebarang halangan atau rintangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan di atas, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini yang telah menyentuh mengenai Kementerian Luar Negeri. Saya juga ingin memaklumkan bahawasanya Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas segala pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

6.18 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan saya yang lain, saya juga ingin mengucapkan berbilang-bilang terima

kasih atas perhatian dan sokongan yang telah diberikan bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan program dan projek di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Rancangan Malaysia Keenam yang disediakan bersama Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua mengambil masa hampir dua tahun dan dimulakan dengan penilaian pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rancangan Malaysia Kelima di samping menilai prospek ekonomi mikro masa hadapan. Rancangan Lima Tahun ini menyediakan program dan projek bagi sektor awam dan peranan yang diharapkan dapat dimainkan oleh sektor swasta.

Seperti Rancangan-rancangan Lima Tahun yang lalu proses perancangan melibatkan setiap peringkat Kerajaan daripada peringkat Kementerian hinggalah ke peringkat daerah. Dalam hubungan ini suka saya menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang menyentuh falsafah pembangunan yang berdasarkan, dengan izin, top down planning, dan mengesyorkan supaya pendekatan ini dikaji semula agar projek yang dirancang adalah bersesuaian dan memberi faedah kepada rakyat.

Beliau menyebut kegagalan Projek IADP di Samarahan sebagai kegagalan perancangan projek untuk memenuhi keperluan penduduk. Beliau seterusnya mencadangkan supaya proses perancangan, dengan izin, decentralisation diamalkan. Mungkin Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak sedar bahawa proses perancangan yang disebutkannya itu memanglah telah diamalkan semenjak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak lagi, iaitu dengan menggunakan Buku Merah, dengan izin, Red Book yang dijadikan asas perancangan di peringkat daerah. Kita telahpun mengamalkan proses perancangan, dengan izin, top down dan bottom up planning, kerana kedua-dua

saling membantu dan melengkapi untuk menghasilkan keperluan yang secukupnya di antara dasar di peringkat nasional dan kehendak rakyat.

Perancangan, dengan izin, top down planning perlu mengambilkira dasar Kerajaan di peringkat Pusat manakala dengan izin, bottom up planning pula akan mengambilkira keperluan di peringkat, dengan izin, grass root.

Sebenarnya dalam penyediaan projek IADP Samarahan, ianya telah dirancang bersama dengan Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai di peringkat daerah. Projek ini telah dirancang berdasarkan pengalaman IADP yang telah berjaya dilaksanakan di kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak.

Pada masa ini, keupayaan perancangan kita telah jauh lebih baik, iaitu dengan kemajuan teknologi komunikasi dan peningkatan kemahiran tenaga pekerja yang mengendalikannya serta dibantu dengan kemudahan automasi pejabat yang ada. Satu penilaian terhadap proses perancangan telah dilakukan dalam tahun 1986 dan langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaikinya telah diperkenalkan dari semasa ke semasa. Organisasi Unit Perancang Ekonomi Negeri telah diperkuhkan supaya dapat meningkatkan peranannya dengan lebih berkesan dalam proses pembangunan.

Di peringkat daerah peranan Pegawai-pegawai Daerah sebagai penggerak pembangunan telah diberi penekanan. Merah II adalah satu lagi alat perancangan di peringkat bawah yang menjadi asas penting bagi menyediakan program dan projek pembangunan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, usaha-usaha akan diteruskan bagi mengukuhkan bukan sahaja keupayaan perancangan, malahan pelaksanaan, pengawasan dan penilaian projek. Keupayaan Bahagian Perancangan dan Pembangunan di

Kementerian-kementerian telah juga dipertingkatkan. Pembaharuan dalam pengurusan dan proses pengesanan projek juga akan dilaksanakan secara lebih tersusun. Penggunaan komputer untuk meningkatkan pengawasan dan penilaian secara lebih berkesan akan diberi penekanan supaya kerja-kerja mengemaskini dan mengumpul data serta mengolah maklumat mengenai kedudukan projek-projek yang sedang dilaksanakan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah menjadi lebih cekap dan teratur.

Sistem penjadualan projek ber-komputer yang dikenali sebagai 'Sistem Integrasi, Aplikasi, Penjadualan', atau dengan nama ringkas SIAP, akan diperkenalkan sebagai tambahan kepada Sistem SETIA bagi memastikan perlaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Keenam berjalan dengan lancar. Sistem ini akan mengesan kemajuan fizikal projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan berbanding dengan Sistem SETIA yang hanya mengesan kemajuan kewangan.

Agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan akan dikehendaki menyediakan Rancangan Pelaksanaan Projek dengan lebih terperinci. Sistem SIAP dijangka memberi maklum balas yang berterusan mengenai pelaksanaan projek bagi membolehkan masalah atau halangan yang mungkin timbul dapat dikesan lebih awal supaya tindakan segera dapat diambil bagi memastikan kejayaan projek-projek berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh isu-isu pengagihan khususnya aspek-aspek kemiskinan, peluang penyertaan ekonomi di kalangan beberapa kaum dan juga pencapaian sosio-ekonomi di kalangan negeri-negeri kurang maju.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang seperti yang dijangka terus memersoalkan komitmen

Kerajaan dalam mengatasi masalah-masalah ini dan mereka nampaknya terus sengaja enggan untuk menerima faktor-faktor mengenai kemajuan yang telahpun dinikmati oleh seua rakyat selama ini di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Secara keseluruhannya, biarlah saya tegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah, dengan izin, fully committed kepada matlamat pembangunan yang berteraskan konsep pertumbuhan yang disertai oleh pengagihan yang saksama. Dasar-dasar dan strategi-strategi pelaksanaan di masa lepas di bawah DEB dan kini di bawah RRJP2 dan Rancangan Malaysia Keenam akan terus digubal dan diawasi supaya menepati konsep ini.

Rekod-rekod pembangunan negara kitaselama ini yang manadiakui oleh banyak pihak dan di institusi dalam dan luar negeri jelas menunjukkan bahawa dasar-dasar dan pendekatan pembangunan yang diamalkan oleh negara ini adalah tepat. Oleh itu, Rancangan Malaysia Keenam akan terus memperkukuh lagi usaha-usaha ke arah membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum, mempertingkatkan peluang-peluang agihan ekonomi khususnya kepada kumpulan-kumpulan masyarakat yang masih ketinggalan, serta memastikan semua kawasan dan negeri dalam negara ini mendapat faedah pembangunan dengan saksama, selaras dengan matlamat pembangunan seimbang yang dianjurkan di bawah Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Yang Berhormat Ketua Pembangkang mencadangkan program-program khas diadakan untuk memperbaiki taraf hidup kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak serta juga Orang Asli. Beliau juga berharap statistik mengenai kaum-kaum ini akan dimasukkan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Keenam. Kerajaan memang berhasrat untuk memperbaiki taraf hidup semua rakyat dari semua kaum lebih-lebih lagi yang

jelas ketinggalan seperti beberapa kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli. Bagaimanapun, Kerajaan tidak menganggap satu-satunya cara membantu merekahanya dengan mengadakan program-program khas sahaja.

Menerusi agensi-agensinya di peringkat Persekutuan dan negeri, banyak program telah dan sedang disusun di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang. Apa yang lebih penting pada pandangan Kerajaan ialah progrma-program ini perlu ditujukan kepada kumpulan-kumpulan dan kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukannya.

Untuk melicinkan pelaksanaan program ini kita mengharapkan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sama ada di kalangan pentadbir, ahli politik dan kumpulan-kumpulan sasaran itu sendiri.

Kerajaan tidak sekali-kali berhasrat untuk melupakan mana-mana kaum, kumpulan atau negeri-negeri dalam keseluruhan proses membangunkan taraf sosio-ekonomi rakyat negara ini.

Ketua Pembangkang juga telah membangkitkan soal pengiraan hakmilik kaum dalam sektor syarikat. Khususnya beliau mendakwa peratus pemilikan bagi kaum Cina adalah tinggi disebabkan oleh kemasukan jumlah pemilikan yang dahulunya diklasifikasikan sebagai dengan izin, Locally-Controlled Companies (LCC). Beliau juga mendakwa bahawa hakmilik bumiputera seharusnya lebih tinggi daripada 20.3% seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Berhubung dengan LCC, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa anggaran yang ditunjukkan di dokumen Rancangan Malaysia Keenam adalah merupakan angka-angka yang telah dikemaskini berasaskan rekod-

rekod syarikat seperti yang terdapat di Pejabat Pendaftar Syarikat atau ROC di mana klasifikasi LCC tidak dipakai lagi seperti yang biasa dilaporkan sebelum ini. Klasifikasi LCC digunakan di masa lepas selaras dengan sumber data utama bagi membuat anggaran hakmilik pada masa itu, iaitu Penyiasatan Hakmilik Syarikat atau 'Ownership Survey', dengan izin. Penyiasatan ini telah diberhentikan sejak 1986 kerana wujudnya satu data-base baru yang lebih komprehensif berikutan dari pengkomputeran rekod-rekod di ROC.

Dengan adanya data-base yang lebih kemaskini dan tepat di ROC ini, maka klasifikasi LCC tidak lagi berkaitan, kerana semua syarikat dapat dikenal-pasti pemegang sahamnya sama ada secara individu atau korporat. Hanya satu....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia minta penjelasan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tidak ada masa Yang Berhormat. Hanya satu sahaja klasifikasi yang memang sukar dapat diketahui pecahannya secara komprehensif mengikut etnik, iaitu pemilikan di bawah Syarikat-syarikat Nominee. Oleh kerana itulah klasifikasi Syarikat Nominee terus dikekalkan dalam anggaran yang ditunjukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Keenam.

Asas pengiraan dan data yang sama juga digunakan dalam pemegangan hakmilik bumiputera. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa ada beberapa pihak yang berpendapat tahap pemilikan bumiputera sebanyak 20.3% itu merupakan satu, dengan izin, over-estimation disebabkan ianya juga mengambilkira pemilikan oleh institusi-

institusi milik Kerajaan. Dari itu menurut mereka tahap sebenarnya yang dimiliki oleh individu dan syarikat swasta bumiputera adalah jauh lebih rendah daripada 20.3%.

Berkaitan dengan dasar-dasar untuk mempertingkatkan pemilikan ekuiti bumiputera....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:**... pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat. Nampaknya Ahli Yang Berhormat tersebut tidak mengikut amalan yang sedang berkuatkuasa pada masa ini.

Sebenarnya, syarikat-syarikat yang tidak mencapai paras 30% penyertaan ekuiti bumiputera tetapi telah turun di bawah paras 30% tidak akan dikenakan lagi syarat supaya mencapai paras 30% tersebut, sekiranya penurunan ekuiti itu adalah disebabkan oleh pemegang-pemegang syer bumiputera menjual syer-syer mereka sendiri.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin pada pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*